



JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri
Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Duta
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel . 03-62012092
03-62012093
03-62012094
03-62012095 / 03-62012096
Faks 03-62012107
Laman Web <http://www.ros.gov.my>
<http://www.eroses.gov.my>

Rujukan Kami: PPM-003-14-06121972

Tarikh: 08 Oktober 2020

Setiausaha,
PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA (MALAYSIA EX-POLICE ASSOCIATION)
BLOK NO. 17, JKR 2F, BUKIT AMAN,
50480
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pindaan perlembagaan pertubuhan tuan telah **DILULUSKAN** dan pertubuhan tuan hendaklah menggunakan perlembagaan **terkini** dalam mentadbir pertubuhan tuan mulai 08 Oktober 2020 .

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NIK EYLIA SOFIA BINTI NIK ABD AZIZ)

b.p. PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

Catatan: surat ini adalah janaan komputer, tandatangan tidak diperlukan





JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
Aras G, Kompleks Kementerian Dalam Negeri
Jalan Sri Hartamas 1, Off Jalan Duta
50480 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel : 03-62012092
03-62012093
03-62012094
03-62012095 / 03-62012096
Faks : 03-62012107
Laman Web : <http://www.ros.gov.my>
<http://www.eroses.gov.my>

Rujukan Kami: PPM-003-14-06121972

Tarikh: 08 Oktober 2020

Setiausaha,
PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA (MALAYSIA EX-POLICE ASSOCIATION)
BLOK NO. 17, JKR 2F, BUKIT AMAN,
50480
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Tuan/Puan,

PERMOHONAN PINDAAN PERLEMBAGAAN

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan pindaan perlembagaan pertubuhan tuan telah **DILULUSKAN** dan pertubuhan tuan hendaklah menggunakan perlembagaan terkini dalam mentadbir pertubuhan tuan mulai 08 Oktober 2020.


Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menjalankan amanah,

(NIK EYLIA SOFIA BINTI NIK ABD AZIZ)
b.p. PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

Catatan: surat ini adalah janaan komputer, tandatangan tidak diperlukan



SALINAN YANG BENAR BAGI DOKUMEN
BERSERTA SERTIFIKATNYA

NORA BINTI S. HUSMAN
PENDAFTAR PERTUBUHAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TARikh: 12/10/2020

PERLEMBAGAAN BAGI

PERTUBUHAN INDUK

PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA (MALAYSIA EX-POLICE ASSOCIATION) 12/10/2020

(PPM-003-14-06121972)

SALINAN YANG BENAR BAGI DOKUMEN
ASAL/SEBAHAGIANNYA

NORA BINTI SLEIMAN
PENOLONG PENDAFTAR PERTUBUHAN
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

FASAL 1 NAMA

Persatuan ini dinamakan PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA (MALAYSIA EX-POLICE ASSOCIATION) (PBPM)

FASAL 2 ALAMAT TEMPAT URUSAN BERDAFTAR

Alamat tempat urusan berdaftar Persatuan ini ialah di Blok No. 17, JKR 2F, Bukit Aman, 50480 Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat dan alamat yang akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi Persatuan ini dari masa kesemasa setelah mendapat kebenaran dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

FASAL 3 DEFINASI

Sekiranya terdapat perkataan atau ayat yang tidak bertepatan di dalam Undang-Undang Tubuh ini, berikut adalah huraian:-

3.1. PERSATUAN atau PBPM bermakna Persatuan Bekas Polis Malaysia (Malaysian Ex-Police Association) (PBPM)

3.2. NASIONAL bermakna Ibu Pejabat Pusat atau Persatuan peringkat Kebangsaan atau Pusat (Induk).

3.3. NEGERI bermakna Persatuan peringkat Negeri atau Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.4. CAWANGAN bermakna Persatuan peringkat Daerah Polis atau Daerah Kecil Polis.

3.5. BERTULIS bermakna ditulis atau dicetak atau sebahagiannya ditulis atau sebahagian yang lain dicetak.

3.6. TANGGUNGAN bermakna isteri atau suami Ahli dan anak lelaki atau anak perempuan Ahli yang masih berada dibawah jagaan dan saraan Ahli sepenuhnya.

3.7. HARTA bermakna semua hartabenda dan kewangan milik Persatuan, samada hartabenda boleh alih/tidak alih atau harta semasa.

3.8. AHLI bermakna Ahli PBPM yang telah berdaftar dengan Persatuan.

3.9. AHLI AKTIF bermakna PBPM yang membayar yuran tahunan tanpa mempunyai tunggakan dan Ahli Seumur Hidup.

3.10. EXCO bermakna Jawatankuasa Kerja Pusat Persatuan di peringkat Nasional

3.11. JPPN bermakna Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri Persatuan di Peringkat Negeri sahaja.

3.12. JPPC bermakna Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Cawangan Persatuan di peringkat Cawangan sahaja.

3.13. MAJLIS TERTINGGI bermakna Ahli Mesyuarat Majlis Kerja Tertinggi Persatuan di peringkat Nasional.

3.14. JAWATANKUASA NEGERI bermakna Ahli Jawatankuasa Persatuan di Peringkat Negeri.

3.15. JAWATANKUASA CAWANGAN bermakna Ahli Jawatankuasa Persatuan di peringkat Cawangan sahaja.

3.16. SEKALI SEBUTAN boleh membawa makna berganda atau lebih.

FASAL 4 CONGANKATA, LAMBANG/LOGO DAN BENDERA.

4.1. Cogankata Persatuan ini ialah BERSATU TEGUH BERCERAI ROBOH.

4.2. Lambang/Logo Persatuan ini berwarna merah, memgandungi dua bilah keris bersarung yang bersilang. Dilingkungi oleh dua tangkai bunga padi. Dihujung sebelah teratas bunga padi terletak sebuah Mahkota Negara yang tertulis perkataan "Allah Mohamad" di kanan dan kiri mahkota. Dibawah kaki dua bilah keris itu tertulis perkataan PERSATUAN. Dibahagian bawah bunga padi terdapat satu RIBEN yang menjadi tapak kepada keseluruhan Lambang/Logo ini, tertulis di dalamnya perkataan BEKAS di sebelah kiri riben, perkataan POLIS di sebelah kanan riben, dan perkataan MALAYSIA dibahagian bawah tengah-tengah riben.

4.3. Bendera Persatuan ini pada kesuluruhannya berwarna biru tua dan mempunyai bulatan putih di tengah-tengahnya. Dalam bulatan putih itu terdapat Lambang/Logo Persatuan yang berwarna merah. Terdapat tiga jalur berwarna merah dan putih mendatar panjang ke bahagian tepi Bendera di kiri dan di kanan bulatan berkenaan dikelilingi oleh garisan kuning. Warna merah bererti berani, warna putih bererti bersih, warna kuning bererti menjunjung kedaulatan Negara dan warna biru bererti keamanan dan keharmonian.



FASAL 5 ASAS-ASAS DAN TUJUAN

Persatuan ini adalah sebuah pertubuhan yang progresif, berjuang menurut lunas Undang-Undang Negara dan prinsip demokrasi yang diamalkan bagi tujuan menghasilkan cita-cita dan aspirasi Ahli, Rakyat dan Negara, iaitu :-

5.1. Menyokong Kerajaan dalam segala dasar, pentadbiran dan kegiatannya berlandaskan Undang-Undang bagi kestabilan dan kemakmuran Negara dalam segala bidang.

5.2. Mendukung usaha-usaha Kerajaan serta bersatu padu mempertahankan Perlembagaan Negara, Undang-Undang, prinsip-prinsip Rukun Negara, keadilan dan hak asasi manusia.

5.3. Mempertahankan dan mengekalkan kenangan dan kehormatan terhadap mereka-mereka yang pernah berjuang untuk membela dan menjaga kepentingan keamanan dan kedaulatan Negara, bangsa dan Agama, lebih-lebih lagi kepada mereka-mereka yang telah terkorban dan yang mendapat cacat cedera kerananya.

5.4. Mempertingkatkan dan mempertahankan serta mengekalkan semangat muhibah, perpaduan, silaturahim dan kasih sayang di antara Ahli-Ahli Bekas Polis itu sendiri dan juga, dengan anggota-anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia yang masih berkhidmat.

5.5. Menggalak dan mempereratkan lagi kerjasama, sokongan, bantuan dan keprihatinan di antara Ahli-Ahli Bekas Polis itu sendiri dan juga, dengan anggota-anggota Pasukan Polis Di Raja Malaysia yang masih berkhidmat dalam semua tugas dan tanggungjawab untuk Negara.

5.6. Memberikan bantuan dan pertolongan kepada Ahli-Ahli Bekas Polis dan tanggungan mereka yang berkehendakan bantuan dari segi kebajikan, semasa sihat, sakit atau cedera dan seterusnya, termasuk kemudahan perubatan rawatan dan sebagainya.

5.7. Berusaha mempertingkatkan penerapan kesedaran, kefahaman, keprihatinan dan pengiktirafan umum supaya kemudahan-kemudahan dan peluang-peluang pekerjaan, perdagangan, perniagaan, penempatan tanah, perumahan, anugerah bintang kebesaran, biasiswa pendidikan dan lain-lain yang bersesuaian dapat diutamakan pemberiannya kepada Ahli-Ahli Bekas Polis.

5.8. Mencetuskan keprihatinan umum supaya sentiasa mengingati bahawa Bekas-Bekas Polis yang kurang bernasib baik kehidupan mereka termasuk yang cacat atau cedera, dan tanggungan mereka juga adalah menjadi tanggungjawab bersama, masyarakat dan Negara.

5.9. Bertindak sebagai satu badan NGO yang berkuasa penuh mewakili Ahli dan tanggungan mereka untuk memperjuangkan hak dan kepentingan mereka dalam segala bidang selaras dengan matlamat perjuangan

Persatuan itu sendiri.

5.10. Mencari, mengutip, merayu dan menerima secara halal segala bentuk yuran, derma, sumbangan, bantuan, hadiah, bayaran, pemberian samada mutlak atau bersyarat untuk mencapai tujuan Persatuan dengan persetujuan Majlis Tertinggi.

5.11. Memohon, membeli, memajak, menyewa, memiliki, menukar milik atau melupuskan apa jua tanah, bangunan, rumah, saham, atau harta benda yang difikirkan baik dan berfaedah bagi semua peringkat Persatuan dengan persetujuan Majlis tertinggi.

5.12. Membina, membuat, menyelenggara, mengubahsuai, membaiki, memulihkan ke atas sebarang harta benda, rumah, bangunan atau tanah milik Persatuan dan menjalankan sebarang pekerjaan yang difikirkan baik dan berfaedah kepada Persatuan dengan persetujuan Jawatankuasa Tertinggi di peringkat masing-masing.

5.13. Melaburkan wang atau sebahagian wang kepunyaan Persatuan untuk tujuan perniagaan atau perusahaan atau kumpulan wang dalam anak syarikat, koperasi atau yayasan milik Persatuan sendiri atau lain-lain badan yang sah dan berlesen dengan persetujuan Majlis Tertinggi.

5.14. Mengumpulkan wang atau dana untuk mengisi Tabung Persatuan atau Tabung Kebajikan Persatuan mengikut ketetapan Majlis Tertinggi yang tidak menyalahi Undang-Undang Negara/Negeri, dan menggunakan wang tersebut mengikut Syarat-Syarat Kewangan Persatuan.

5.15. Meluaskan pergerakan dan penglibatan Persatuan yang sama di peringkat Negeri-Negeri termasuk Wilayah Persekutuan dan Cawangan-Cawangan di seluruh Malaysia.

5.16. Bekerjasama dan jika perlu mengwujudkan gabungan dengan lain-lain Badan atau Persatuan yang berdaftar yang mempunyai objektif yang sama atau seakan-akan sama di dalam atau di luar Negara.

5.17. Mengusaha, mentadbir, memajak, menyewa, menjual, membeli memaju atau membangunkan secara bersendirian atau secara usahasama dengan lain-lain badan atau syarikat, apa jua harta benda atau konsesi kepunyaan Persatuan atau yang dipohon oleh Persatuan dengan persetujuan Majlis Tertinggi.

5.18. Mengeluarkan atau mencetak dan memberikan secara percuma atau dengan bayaran, buku, majalan, risalah, rencana atau apa jua bentuk penerbitan yang boleh memberi faedah dan manafaat kepada Ahli-Ahli dan Persatuan serta lain-lain pihak dengan syarat mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan terlebih dahulu.

5.19. Berusaha supaya wakil-wakil Persatuan dapat dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, Ahli-Ahli Lembaga atau jawatankuasa dan sebagainya dalam Badan-Badan Berkanun, Majlis-Majlis Perbandaran/Tempatan/ Daerah atau pelbagai Pertubuhan yang dianjurkan oleh Kerajaan, yang boleh mendatangkan faedah dan manfaat kepada Persatuan.

FASAL 6 KELAYAKAN KEAHLIAN

6.1. JENIS AHLI

Ahli-Ahli Persatuan ini terbahagi kepada lima (4) kategori seperti berikut :-

6.1.1. Ahli Tetap Seumur Hidup

6.1.2. Ahli Bersekutu Seumur Hidup

6.1.3. Ahli Bakti Pertiwi (Ahli Tetap Wanita/ Ahli Bersekutu Wanita)

6.1.4. Ahli Kehormat

6.2. AHLI TETAP SEUMUR HIDUP

Terdiri dari semua Warganegara Malaysia yang telah berkhidmat berterusan tidak kurang daripada dua belas (12) bulan dalam Pasukan yang berkaitan seperti berikut :-

6.2.1. Bekas Anggota Polis Di Raja Malaysia.

6.2.2. Bekas Anggota Polis Tambahan (EPC), termasuk Bekas Anggota Pasukan Pengakap Sempadan, Skuad Hutan, Unit Kawalan Kawasan dan Unit Senoi Praaq.

6.2.3. Bekas Anggota Polis Khas (SC)

6.2.4. Bekas Anggota Polis Bantuan (AP) termasuk Pasukan Kawalan Kampung (HG) atau lain-lain Unit yang di tubuhkan di bawah Akta Polis yang telah berkhidmat di antara tahun 1948 hingga tahun 1963.

6.2.5. Bekas Anggota Pasukan Sukarelawan Polis (PVR).

6.2.6. Bekas Anggota Polis Singapura yang berkhidmat tidak kurang daripada dua belas (12) bulan dalam Pasukan itu sebelum tarikh 8 Ogos, 1965, bermastautin dan menjadi Warganegara Malaysia.

6.3. AHLI BERSEKUTU SEUMUR HIDUP

Terdiri dari semua permaustautin dan menjadi Warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang daripada (21) tahun seperti berikut :-

6.3.1. Bekas Anggota Polis Singapura yang pernah berkhidmat secara berterusan selama tidak kurang daripada dua belas (12) bulan dalam Pasukan itu selepas tarikh 8 Ogos 1965.

6.3.2. Bekas Anggota Polis Di Raja Brunei Darul Salam yang pernah berkhidmat secara berterusan selama tidak kurang dari dua belas (12) bulan dalam Pasukan itu.

6.3.3. Bekas Anggota Polis yang tidak memenuhi syarat-syarat seperti Fasal 6.2 di atas.

6.3.4. Semua Balu atau Duda kepada Bekas Anggota Polis seperti yang ternyata dalam Fasal 6.2 di atas.

6.3.5. Isteri, suami atau anak kepada Bekas Anggota Polis yang telah menjadi Ahli di bawah Fasal 6.2 di atas sahaja.

6.4. AHLI BAKTI PERTIWI

6.4.1. Ahli Bakti Pertiwi merupakan sayap kepada Ahli PBPM. Keahlian terdiri daripada Ahli Seumur Hidup Wanita / Bersekutu Seumur Hidup Wanita.

6.4.2. Ketua Cawangan / Pengerusi Negeri / Pengerusi Pusat dan Setiausaha Cawangan / Setiausaha Negeri / Setiausaha Pusat Bakti Pertiwi adalah secara automatik menduduki barisan barisan Ahli jawatankuasa Cawangan / Negeri / Exco Pusat.

6.5. AHLI KEHORMAT

Terdiri dari mereka-mereka yang mempunyai kedudukan yang baik, yang telah banyak membuat jasa kepada Pasukan Polis Di Raja Malaysia, PBPM, Masyarakat, Negeri atau Negara. Mereka ini boleh dipelawa menjadi Ahli Kehormat tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan Majlis Tertinggi. Kemasukan mereka ini tidak dikenakan apa-apa bayaran. Ibu Pejabat Pusat akan mengeluarkan surat pengesahan atas keahliannya Majlis Tertinggi juga berkuasa mengkaji dan membuat sebarang keputusan kepada keahliannya dari semasa ke semasa jika terdapat keperluan.

FASAL 7 PERMOHONAN MENJADI AHLI

7.1. Seseorang yang ingin menjadi Ahli Persatuan ini samada sebagai Ahli Biasa / Bersekutu / Seumur Hidup / Gabungan hendaklah mengisi Borang Permohonan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi dalam tiga (3) salinan dan menghantar Borang tersebut kepada Cawangan di mana ianya berkehendakkan keahliannya itu didaftarkan. Seseorang yang layak menjadi Ahli Persatuan ini hanyalah dibenarkan menjadi Ahli di sebuah cawangan sahaja pada sesuatu masa.

7.2. Borang Permohonan untuk menjadi Ahli yang telah dilengkapkan dengan sempurna hendaklah ditandatangani oleh sipemohon dan dicadang serta disokong dengan tandatangan oleh dua orang Ahli Biasa yang aktif. Borang ini diserahkan kepada Cawangan yang berkenaan. Ketua Cawangan tersebut hendaklah memberikan ulasannya dan menandatangani Borang itu, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh permohonan di terima, memajukan Borang tersebut kepada Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Persatuan Negeri yang berkaitan.

7.3. Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri (JPPN) setelah menyemak Borang Permohonan tersebut hendaklah dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh ianya diterima dari Cawangan, menghantarkan Borang Permohonan itu ke Ibu Pejabat Pusat dengan ulasan dan cadangannya serta ditandatangani oleh Pengerusi Negeri yang berkenaan.

7.4. Setiausaha Agung setelah menyemak Borang Permohonan yang lengkap itu hendaklah membentangkannya dalam Mesyuarat bulanan Majlis Exco untuk keputusannya. Sekiranya keputusan diberikan oleh Majlis Exco, Setiausaha Agung hendaklah memaklumkan kepada Negeri berkenaan, dan seterusnya memproses Kad Ahli tersebut. Dua (2) helai salinan Borang Permohonan yang telah yang berkaitan. Salinan asalnya hendaklah disimpan di Ibu Pejabat Pusat Persatuan.

7.5. Semua permohonan untuk menjadi Ahli yang telah ditolak oleh Majlis Exco, boleh membuat rayuan secara bertulis kepada Majlis Tertinggi menerusi saluran-saluran tertentu, dan keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

7.6. Majlis Tertinggi berkuasa mengadakan peraturan dan/atau syarat-syarat tambahan dalam perkara permohonan untuk menjadi Ahli ini pada bila-bila masa jika terdapat keperluan.

7.7. Ahli yang telah dipecat atau menarik diri daripada keahliannya tidak boleh diterima semula menjadi Ahli melainkan setelah mendapat kebenaran bertulis yang akan mengandungi syarat-syarat tertentu daripada Majlis Tertinggi untuk membuat permohonan semula.

7.8. Proses permohonan semula untuk menjadi Ahli adalah sama sepertimana permohonan-permohonan keahlian yang baru.



Bekas Polis seperti yang dinyatakan di bawah Fasal 6.2, 6.3 dan 6.4 yang telah disabitkan dengan kesalahan Undang-Undang Jenayah, tidak boleh diterima menjadi Ahli Persatuan ini kecuali dipersetujui dan diluluskan oleh Majlis Tertinggi dengan nasihat pihak berkuasa Polis Di Raja Malaysia.

FASAL 9 TANGGUNGJAWAB DAN HAK AHLI

9.1. Setiap Ahli adalah bertanggungjawab keatas perkara-perkara berikut :-

9.1.1. Mematuhi undang-undang tubuh dan melaksanakan Asas-Asas dan Tujuan Persatuan.

9.1.2. Menghadiri semua mesyuarat Persatuan yang ditetapkan dan mengambil bahagian dalam perbincangan dan semua kegiatannya.

9.1.3. Menjalankan kerja-kerja Persatuan serta mematuhi arahan, perintah-perintah dan disiplin Persatuan.

9.1.4. Berkhidmat kepada Ahli-Ahli dan orang ramai serta terus memelihara keamanan dan kesejahteraan menerusi hubungan baik kalangan Ahli, anggota yang masih berkhidmat dalam Pasukan Polis Di Raja Malaysia dan masyarakat awam.

9.1.5. Bersedia dan sanggup berkorban apa sahaja untuk menentang musuh-musuh Negara serta menjadi mata dan telinga kepada Kerajaan.

9.2. Setiap Ahli Biasa yang telah memenuhi kehendak Fasal 10 mempunyai haknya dalam Persatuan seperti berikut :-

9.2.1. Mengemukakan pendapat, pandangan atau teguran dan mengundi dalam mesyuarat - mesyuarat Persatuan mengikut Aturan dan Peraturannya.

9.2.2. Boleh memilih atau dipilih untuk sebarang jawatan di semua peringkat dalam Persatuan mengikut Aturan dan Peraturannya.

9.3. Ahli Bersekutu, Ahli Kehormat dan Ahli Gabungan tidak mempunyai hak di bawah Fasal Kecil 9.2.1 dan Fasal Kecil 9.2.2 di atas, tetapi boleh hadir di mana-mana mesyuarat Persatuan sebagai pemerhati jika dijemput oleh Pengurusan Persatuan yang berkaitan.

FASAL 10 YURAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN DAN KAD AHLI

10.1. Bayaran masuk untuk menjadi Ahli Tetap Seumur Hidup dan Ahli Bersekutu Seumur Hidup adalah sebanyak RM 70.00. Bayaran hanya dikenakan sekali seumur hidup. Tiada lagi kutipan tahunan di kenakan.

10.2. Pecahan pembahagian yuran;

10.2.1. RM 30.00 di masukan ke dalam tabung PBPM Cawangan di mana ahli itu berdaftar.

10.2.2. RM 20.00 di masukan ke tabung PBPM Negeri.

10.2.3. RM 20.00 di hantar bersama borang menjadi ahli yang lengkap di tandatangai oleh Pengerusi Negeri bagi tujuan memproses kad ahli.


10.3. Kad-Kad Ahli adalah menjadi hakmilik Persatuan dan mestilah dikembalikan kepada Persatuan ini apabila dituntut.

10.4. Kad Ahli hanya boleh diproses dan dikeluarkan oleh Pentadbiran Ibu Pejabat Pusat sahaja dan sah laku setelah ditandatangani oleh Presiden dan Surat Persetujuan Kementerian Dalam Negeri. Kad-Kad Ahli yang belum digunakan hanya boleh disimpan oleh Ibu Pejabat Pusat sahaja dan semua pengeluarannya akan direkodkan.

10.5. Ahli-Ahli dimestikan membuat laporan di Balai Polis yang berhampiran dengan serta merta jika didapati Kad Ahlinya telah hilang, tercicir atau kecurian dengan memberi butir-butir lengkap. Ahli-Ahli yang berkehendakan Kad ganti mestilah membuat permohonan untuk mendapatkan Kad Ahli yang baru. Bayaran Kad ganti ini akan dikenakan mengikut kos semasa seperti yang ditetapkan oleh Ibu Pejabat Pusat.

10.6 . Majlis Tertinggi berkuasa meminda sebahagian dari mana-mana peruntukan di bawah Fasal 10 mengenai kadar-kadar bayaran bagi Kad Ahli, yuran tahunan, pendaftaran, bayaran Ahli Seumur Hidup atau lain-lain bayaran, dari semasa ke semasa mengikut keperluannya, sebelum Perhimpunan Agung diadakan. Pindaan itu hendaklah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 11 BERHENTI, DIPECAT, DIGANTUNG DARI MENJADI AHLI DAN PERMOHONAN MENJADI AHLI SEMULA.



11.1. Ahli boleh berhenti daripada menjadi Ahli pada bila-bila masa dengan syarat dia hendaklah memberitahu Setiausaha Cawangan yang bertanggungjawab kepadanya dengan cara bertulis dan dihantar melalui pos berdaftar ataupun diserahkan kepada Setiausaha itu sendiri di

alamat tempat urusan berdaftar Pertubuhan. Ahli yang berhenti dengan cara yang sedemikian adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada Persatuan semua yuran tahunan yang masih tertunggak dan apa jua hutang piutang yang belum dilunaskan. Persatuan berhak membuat tuntutan ke atasnya menerusi Undang-Undang yang sedia ada.

11.2. Bagi mereka-mereka yang telah berhenti dari menjadi Ahli mengikut Fasal 11.1, proses permohonan untuk menjadi Ahli semula hendaklah dilakukan seperti permohonan baru mengikut Fasal 7, dengan syarat semua hutang piutang dan yuran-yuran tahunan yang tertunggak telah dilunaskan kepada Persatuan.

11.3. Seseorang Ahli yang telah digantung keahliannya oleh Jawatankuasa Displin dan gagal mendapatkan pelepasan hukuman tersebut setelah membuat rayuan terakhir kepada Majlis Tertinggi, segala hak, keistimewaan dan kelayakan yang boleh diperolehinya dari Persatuan juga turut digantung, termasuk memegang sebarang jawatan. Jika hukuman penggantungan itu lebih daripada satu (1) tahun, Ahli ini bolehlah dibenarkan membuat rayuan untuk mendapatkan statusnya semula dari Majlis Tertinggi melalui Cawangan dan Negeri di mana keahliannya didaftarkan setelah menjalani hukuman itu dijatuhkan. Keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

11.4. Seseorang yang telah dilucut atau dipecat keahliannya oleh Jawatankuasa Displin dan gagal dalam semua usaha rayuannya untuk megenepikan hukuman tersebut, tidak boleh dipertimbangkan kemasukannya semula sebagai Ahli dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh hukuman tersebut dijatuhkan. Selepas tempoh tersebut, seseorang itu boleh memohon semula mengikut Fasal 7 menerusi Cawangan dan Negeri terakhir di mana keahliannya didaftarkan dahulu. Ketua Cawangan dan Pengerusi Negeri yang berkenaan hendaklah membuat ulasan dan perakuannya bagi pertimbangan Majlis Tertinggi dan keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

11.5. Mana-mana permohonan yang dibuat di bawah Fasal 11.3 atau Fasal 11.4 tetapi tidak mendapat kelulusan dari Majlis Tertinggi, tidak dibenarkan memohon semula dalam tempoh satu (1) tahun daripada tarikh keputusan Majlis Tertinggi tersebut. Walaupun begitu Majlis Tertinggi berkuasa untuk meminda atau menambah syarat-syarat yang membolehkan tempoh tersebut dipendek atau dipanjangkan bagi kes-kes permohonan semula ini mengikut keperluan semasa.

FASAL 12 SUSUNAN PENTADBIRAN PERSATUAN

12.1. Perhimpunan Agung adalah kuasa yang tertinggi dalam Persatuan ini, dan diantara sesuatu Perhimpunan Agung itu, urusan-urusan Persatuan akan diselenggarakan oleh sebuah Jawatankuasa Pusat yang dinamakan Majlis Tertinggi yang seterusnya akan memberi kuasa pelaksanaan

hariannya kepada Majlis Exco.

12.2. Majlis Tertinggi hendaklah mengandungi anggota-anggota berikut:-

12.2.1. Presiden

12.2.2. Timbalan Presiden

12.2.3. Tiga (3) orang Naib Presiden

12.2.4. Naib Presiden (Mewakili Sabah)

12.2.5. Naib Presiden (Mewakili Sarawak)

12.2.6. Setiausaha Agung

12.2.7. Penolong Setiausaha Agung

12.2.8. Bendahari Agung

12.2.9. Ketua Penerangan dan Perhubungan Pusat

12.2.10. Ahli-Ahli Majlis Tertinggi Biasa yang terdiri daripada:-

12.2.10.1. Empat belas (14) orang Pengerusi Negeri

12.2.10.2. Dua (2) orang Ahli Kerana Jawatan (Ex Officio) yang masing-masing mewakili Kementerian Dalam Negeri dan Pasukan Polis Di Raja Malaysia.

12.2.10.3. Tujuh (7) orang Ahli yang dipilih oleh Perwakilan dalam Perhimpunan Agung, tidak termasuk Fasal Kecil 12.2.1, 12.2.2 dan 12.2.3.

12.2.10.4. Lima (5) orang Ahli yang dilantik oleh Presiden, tidak termasuk Fasal Kecil 12.2.6, 12.2.7, 12.2.8, dan 12.2.9.

12.3. Tiap-tiap Ahli Majlis Tertinggi dan anggota-anggota yang menjalankan tugas eksekutif dalam persatuan mestilah warganegara Malaysia.

12.4. Presiden, Timbalan Presiden, tiga (3) orang Naib Presiden dan tujuh (7) orang Ahli Majlis Tertinggi biasa hendaklah dipilih oleh Perhimpunan Agung Pusat tiap-tiap tiga (3) tahun sekali. Mereka akan memegang jawatan tersebut selama tiga (3) kecuali mereka meminta berhenti pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut mengikut mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh atau Aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini dan perintah-perintahnya.

12.5. Dua (2) orang Naib Presiden yang masing-masing mewakili Sabah Sarawak akan dipilih dan diputuskan oleh Mesyuarat Agung perwakilan negeri masing-masing. Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri untuk tujuan tersebut hendaklah diadakan sebelum Perhimpunan Agung (permilihan) Pusat dalam tahun yang sama, atau jika ada permohonan dan keperluan dengan alasan-alasan yang munasabah, permilihannya boleh diadakan

pada suatu masa yang dipersetujui dan ditetapkan oleh Majlis tertinggi. Naib-Naib Presiden ini juga akan memegang jawatan masing-masing selama dan dalam tempoh tersebut mengikut mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh atau aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini dan perintah-perintahnya. Jika pemberhentian berlaku dalam tempoh jawatan tersebut, Majlis Tertinggi boleh mengarahkan Jawatankuasa Negeri untuk mengadakan Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri bagi memilih penggantinya secepat mungkin.

12.6. Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan Perhubungan Pusat serta lima (5) orang Ahli Majlis Tertinggi biasa hendaklah dilantik oleh Presiden berdasarkan Fasal Kecil 12.2.6, 12.2.7, 12.2.8, 12.2.9 dan 12.2.10.4 diatas. Mereka akan memegang jawatan tersebut selama tempoh tiga (3) tahun kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Presiden pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut tanpa perlu memberikan sebab-sebabnya.

12.7. Perlantikan dan pemberhentian mana-mana jawatan yang hendak dibuat bawah Fasal 12.5 oleh Presiden, hendaklah dimaklumkan kepada Ahli-Ahli yang mewakili Kementerian Dalam Negeri dan Polis Di Raja Malaysia serta Ahli-Ahli Majlis Tertinggi yang lain secepat yang mungkin. Sejauh mana yang boleh permakluman itu haruslah dilakukan sebelum perlantikan atau pemberhentian itu dibuat. Mereka boleh memberikan pandangan dan nasihat mengenai perlantikan atau pemberhentian tersebut, namun keputusan muktamad mengenainya adalah atas budibicara Presiden jua.

12.8. Pengerusi -Pengerusi Negeri seperti dalam Fasal Kecil 12.2.10 menjadi Ahli Majlis Tertinggi Biasa secara automatik selagi mereka masih memegang jawatan Pengerusi Persatuan ini dengan sah di peringkat Negeri masing-masing. Pengerusi-Pengerusi Negeri yang tidak dapat hadir mana-mana mesyuarat Majlis Tertinggi atau apa-apa jua jemputan bagi memegang lain-lain jawatan dalam barisan Majlis Tertinggi selain dari Fasal Kecil 12.2.10, berhak melantik penggantinya sebagai Wakil Negeri yang berkenaan. Penggantinya itu haruslah dari salah seorang Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri mengikut susunan kekananan jawatannya bermula dari Timbalan, Naib, Setiausaha, Bendahari atau Ketua Penerangan dan Perhubungan Negeri, dan Wakil ini haruslah dibekalkan dengan surat tauliah atau pengesahan yang ditandatangani oleh Pengerusi Negeri yang berkenaan.

12.9. Dua (2) orang Ahli Kerana Jawatan (Ex Officio) bagi mewakili Kementerian Dalam Negeri dan Polis Di Raja Malaysia di dalam barisan Majlis Tertinggi ini dilantik oleh Ketua Jabatan yang berkenaan. Kehadiran mereka dalam mana-mana mesyuarat Majlis Tertinggi adalah sebagai pemerhati sahaja dan boleh memberikan nasihat atau pandangan dalam perkara-perkara yang dibincangkan. Mereka tidak mempunyai

kuasa eksekutif dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Persatuan ini.

12.10. Calon-calun bagi jawatan Presiden, Timbalan Presiden, Naib-Naib Presiden dan tujuh (7) orang Ahli Majlis Tertinggi Biasa akan ditentu dan diputuskan oleh Perhimpunan Agung menerusi proses berikut :-

12.10.1. Semua Pengerusi Negeri dikehendaki menghantar nama-nama calon bagi semua jawatan mengikut Fasal 12.9 di atas dalam Borang yang telah ditetapkan ke Ibu Pejabat Pusat untuk diterima oleh Urusetia dalam tempoh yang dibenarkan. Calon-Calun yang dinamakan itu mestilah mengikut keputusan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri masing-masing, dan tidak boleh ditukarganti dengan nama-nama lain di luar permesyuaratan tersebut. Borang pencalonan yang lewat diterima oleh Ibu Pejabat Pusat atau tidak ditandatangani oleh Pengerusi negeri akan ditolak.

12.10.2. Sekiranya ada cuma satu calon sahaja untuk jawatan Presiden atau Timbalan Presiden atau tiga calon sahaja untuk jawatan Naib Presiden atau tujuh calon sahaja untuk jawatan Ahli Majlis Tertinggi biasa, yang diterima oleh Ibu Pejabat Pusat dari Negeri-Negeri dalam tempoh yang dibenarkan, maka calon-calon itu hendaklah diisytiharkan sebagai calon yang dipilih dalam Perhimpunan Agung untuk memegang jawatan masing-masing dan yang berkenaan itu, dan mereka hendaklah dikira sebagai menang tanpa bertanding.

12.10.3. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih nama-nama calon untuk jawatan Presiden atau Timbalan Presiden, dan lebih dari tiga (3) nama-nama calon untuk jawatan Naib Presiden, dan lebih dari tujuh (7) nama-nama calon untuk jawatan Ahli Majlis Tertinggi biasa, yang diterima oleh Ibu Pejabat Pusat dari Negeri-Negeri dalam tempoh yang dibenarkan, maka pemilihan akan dibuat oleh para perwakilan dalam Perhimpunan Agung Pusat pada tahun itu dengan cara undi sulit. Kertas undi akan diberikan kepada setiap perwakilan dan dua (2) orang atau lebih Pengira Undi yang dilantik oleh Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung hari itu akan mengira semua kertas undi. Keputusannya akan disampaikan oleh Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung kepada para Perwakilan pada hari yang sama.

12.11. Jawatankuasa Kerja Pusat Persatuan atau Majlis Exco atau ringkasnya Exco sahaja, akan dianggotai oleh :-

12.11.1. Presiden.

12.11.2. Timbalan Presiden.

12.11.3. Lima (5) orang Naib Presiden.

12.11.4. Setiausaha Agung.

12.11.5. Penolong Setiausaha Agung.

12.11.6. Bendahari Agung.

12.11.7. Ketua Penerangan dan Perhubungan Pusat.

12.11.8. Ex Officio mewakili Kementerian Dalam Negeri

12.11.9. Ex Officio mewakili Polis Di Raja Malaysia.

Penggunaan terma Exco ini hanya boleh digunakan oleh Persatuan di peringkat Negeri Jawatankuasa Kerja yang sama dikenali sebagai Jawatan Pengurusan dan Pentadbiran Negeri (JPPN), dan Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Cawangan (JPPC) untuk semua Cawangan.

12.12. Tugas-Tugas Ahli Majlis Tertinggi ialah seperti berikut :-

12.12.1. Presiden

(a) Menjadi Ketua Tertinggi Persatuan yang bertanggungjawab di atas kesempurnaan dasar dan perjalanan Persatuan ini pada keseluruhannya.

(b) Melantik Setiausaha Agung, Pen. Setiausaha Agung, Bendahari Agung, Ketua Penerangan dan Perhubungan Pusat, dan lima (5) orang Ahli Majlis Tertinggi tambahan, dan bertanggungjawab di atas kesempurnaan tugas-tugas mereka.

(c) Bertanggungjawab ke atas semua Pegawai dan Staff yang berada di Ibu Pejabat Pusat.

(d) Memanggil dan mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi dan Majlis Exco, dan lain-lain mesyuarat atau perjumpaan mengikut keperluan dan budibicaranya.

(e) Membuat kenyataan-kenyataan dan laporan terbuka menerusi media bagi pihak Persatuan.

12.12.2. Timbalan Presiden

(a) Membantu semua tugas dan tanggungjawab Presiden.

(b) Mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi dan Majlis Exco sekiranya Presiden tidak dapat hadir.

(c) Memangku atau menjalankan tugas-tugas Presiden apabila Presiden berhenti atau diberhentikan dalam tempoh perkhidmatan jawatan itu.

(d) Mempengerusikan mana-mana Portfolio Tetap atau Biro sepertimana yang diwujudkan, diputus dan diarahkan oleh Majlis Exco.

12.12.3. Naib Presiden

(a) Membantu semua tugas dan tanggungjawab Presiden dan/atau Timbalan Presiden.

(b) Mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi dan Majlis Exco sekiranya Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir.

(c) Memangku atau menjalankan tugas-tugas Presiden atau Timbalan Presiden berhenti atau diberhentikan dalam tempoh perkhidmatan jawatan.

(d) Naib-Naib Presiden yang ada akan memilih seorang di antara mereka untuk menjalankan tugas-tugas di atas setelah berunding dengan Ex Officio mewakili KDN dan PDRM.

(e) Mempengerusikan mana-mana Portfolio Tetap atau Biro sepertimana yang diwujudkan, diputuskan dan diarahkan oleh Majlis Exco.

12.12.4. Setiausaha Agung

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya secara langsung kepada Presiden.

(b) Menjadi Ketua Pentadbir Urusetia dan semua Pegawai dan Staff di Ibu Pejabat Pusat Persatuan.

(c) Mendapatkan persetujuan Presiden untuk dibawa ke dalam mesyuarat Majlis Exco bagi diputuskan mengenai pengambilan Pegawai dan Staff Ibu Pejabat Pusat dan juga pemberhentian mereka itu.

(d) Bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden segala tindakan dan perjalanan pen-tadbiran Ibu Pejabat Pusat dan Persatuan pada keseluruhannya.

(e) Menyediakan Penyata Tahunan yang menjelaskan pekerjaan dan kemajuan Persatuan dalam tahun lepas kepada Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung Tahunan.

(f) Mengambil, menyedia, membentangkan dan menyimpan semua nota mesyuarat, buku catitan, dan lain-lain buku, fail, dokumen milik atau mengenai Persatuan di Ibu Pejabat Pusat.

(g) Menyimpan daftar ahli yang kemaskini yang mengandungi butir-butir seperti nama, tarikh dan tempat lahir, pekerjaan, majikan dan alamat rumah.

(h) Memanggil mesyuarat-mesyuarat apabila diarahkan menerusi mana-mana peruntukan di bawah Perlembagaan Persatuan ini.

(i) Lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Presiden dari semasa ke semasa.

12.12.5. Penolong Setiausaha Agung.

(a) Membantu untuk menjalankan semua tugas dan tanggungjawab Setiausaha Agung.

(b) Menjalankan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Presiden dan Setiausaha Agung dari semasa ke semasa.

12.12.6. Bendahari Agung

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya keatas kesempurnaan dan pelaksanaan dasar serta penggunaan wang Ibu Pejabat Pusat.

(b) Merancang dan menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan untuk tindakan Majlis Tertinggi.

(c) Menyediakan dan membentangkan penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bulanan Ibu Pejabat Pusat untuk mesyuarat Majlis Exco dan Majlis Tertinggi.

(d) Menyedia dan membentangkan penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan serta lain-lain kenyataan kewangan Ibu Pejabat Pusat berakhir 31 Disember, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Luar, kepada Majlis Tertinggi Exco, Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Agung.

(e) Menyedia, melapor dan menyimpan semua maklumat mengenai harta benta alih/tidak alih dan rekod-rekod/ dokumen-dokumen yang berkaitan, hakmilik Persatuan di seluruh Negara, kepada Majlis Exco, Majlis Tertinggi dan Pemegang Amanah Persatuan.

(f) Mengumpul penyata kewangan dari semua Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan sekali dan melaporkan kepada Majlis Exco.

(g) Bertanggungjawab kepada semua Bendahari Negeri. Menyedia, mengawal dan menyelia sistem kewangan, prosedur dan amalannya di Ibu Pejabat Pusat, dan memberi panduan serta nasihat kepada Bendahari Negeri mengenai perkara yang sama untuk dipatuhi.

(h) Menyimpan kira-kira dan mengawal buku-buku, rekod, fail-fail, baucer, resit dan semua dokumen berkaitan dengan akaun dan kewangan harian Ibu Pejabat Pusat, termasuk buku-buku cek yang sedang dan sudah dipakai.

(i) Menyimpan wang panjar runcit dalam tangan tidak melebihi RM 1,000.00 pada sesuatu masa dan menyediakan rekod penggunaan serta baucer hariannya untuk dibentangkan satu penyata khusus baginya ke dalam mesyuarat bulanan Majlis Exco dan mesyuarat Majlis Tertinggi.

(j) Menandatangani semua cek Ibu Pejabat Pusat sebagai penandatangan wajib.

12.12.7. Ketua Penerangan dan Perhubungan Pusat

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesempurnaan dan pelaksanaan dasar penerangan dan perhubungan Persatuan.

(b) Menyusun, mentadbir, mengawal, menyelia dan mengelolakan semua program penerangan dan penyiaran serta perhubungan awam di peringkat Ibu Pejabat Pusat, dan bertanggungjawab ke atas bahan-bahan tersebut serta tindakan kakitangan atau agensi-agensi yang melaksanakan.

(c) Menyediakan laporan aktiviti dan kegiatan serta berita-berita semasa Ibu Pejabat Pusat dan semua Persatuan Negeri untuk makluman atau tindakan Majlis Exco dan Majlis Tertinggi.

(d) Bertanggungjawab kepada semua Ketua Penerangan dan Perhubungan Negeri dan mengumpulkan dari mereka laporan-laporan aktiviti dan berita semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan.

12.12.8. Ahli-Ahli Majlis Tertinggi Biasa

(a) Menghadiri semua mesyuarat Majlis Tertinggi dan mengambil bahagian dalam semua perbincangan menggubal dasar-dasar Persatuan, dan membuat keputusan.

(b) Membuat keputusan dalam semua hal ehwal Persatuan yang dibangkitkan dalam Mesyuarat Masjlis Tertinggi.

(c) Mengambil bahagian dalam semua kegiatan Persatuan dan menjalankan tugas-tugas tertentu atas kepentingan Persatuan seperti yang diarahkan oleh Presiden atau keputusan mesyuarat Majlis Tertinggi.

12.12.9. Ahli-Ahli Ex Officio

(a) Sebagai pemerhati tanpa mempunyai kuasa eksekutif dalam hal ehwal serta pengurusan dan pentadbiran Persatuan di semua peringkat.

(b) Boleh memberi teguran, cadangan, pandangan dan nasihat dalam semua permesyuaratan Persatuan yang dihadiri bagi membantu memperkemas, melicinkan dan menjayakan perjalanan serta program-program Persatuan.

(c) Menjadi pemudahcara pengantara hubungan duahala Persatuan/ Kementerian/ Jabatan dalam semua hal ehwal pekerjaan dan kepentingan Persatuan yang mempunyai kaitan dengan Kementerian/ Jabatan yang berkenaan.

(d) Tidak mempunyai kuasa mengundi dalam semua permesyuaratan Persatuan yang dihadiri.

12.13. Pengisian Jawatan Kosong

(a) Jika Presiden berhenti atau diberhentikan dengan apa sebab sekalipun daripada jawatannya, maka Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan tersebut sehingga diadakan pemilihan baru menerusi Perhimpunan Agung tahunan mengikut jadual tahun pemilihan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi, atau jika dengan kehendak Majlis Tertinggi supaya jawatan Presiden itu dipenuhi segera tanpa menunggu jadual tahun pemilihan, maka

Presiden yang baru bolehlah dipilih menerusi satu Perhimpunan Agung Khas. Presiden yang dipilih menerusi proses ini akan hanya memegang jawatan tersebut sehingga Perhimpunan Agung tahunan (pemilihan) yang dijadualkan berikutnya.

(b) Jika Pemangku Presiden atau Timbalan Presiden berhenti atau diberhentikan dengan apa sebab sekalipun, maka salah seorang dari lima (5) orang Naib Presiden yang ditentu dan diputuskan di kalangan mereka hendaklah memangku jawatan tersebut sehingga Perhimpunan Agung Tahunan (pemilihan) diadakan, atau dengan kehendak Majlis Tertinggi, dipilih dan dipenuhi segera menerusi Perhimpunan Agung Khas seperti juga dalam para (a) di atas.

(c) Majlis Tertinggi berkuasa membuat keputusan untuk mengisi mana-mana jawatan Naib Presiden yang dikosongkan atas apa sebab sekalipun dengan seorang pemangku yang dilantik dikalangan Ahli Majlis Tertinggi yang ada (kecuali jawatan Naib Presiden yang mewakili Sabah atau Sarawak) yang harus diputuskan oleh sidang perwakilan Negeri masing-masing sehinggalah diadakan Perhimpunan Agung pemilihan baru yang dijadualkan atau menerusi proses Perhimpunan Agung Khas seperti para (a) di atas.

(d) Jika Ahli Majlis Tertinggi Biasa berhenti atau diberhentikan atas apa sebab sekalipun, mesyuarat Majlis Tertinggi berkuasa mengisi kekosongan tersebut dengan melantik penggantinya dari kalangan Ahli Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri bagi tempoh sehingga Perhimpunan Agung tahunan (pemilihan) di adakan.

(e) Jika dua per tiga (2/3) daripada Ahli-Ahli Majlis Tertinggi berhenti dengan serentak, maka Majlis Tertinggi itu dianggap telah dibubarkan. Ahli Majlis Tertinggi yang tidak terlibat berhak menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemandu di bawah penyeliaan Kementerian Dalam Negeri dan Polis Di Raja Malaysia untuk memanggil dan mengadakan satu Perhimpunan Agung Khas bagi menubuhkan semula Majlis Tertinggi dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pemberhentian beramai-ramai itu berlaku. Jawatankuasa Pemandu ini gugur dengan sendirinya apabila Majlis Tertinggi yang baru terbentuk. Cukup kuorum untuk Perhimpunan Agung Khas seperti ini ialah dengan kehadiran perwakilan dari sekurang-kurangnya lapan (8) buah Negeri.

12.14. Syarat-Syarat Mesyuarat Mahlis Tertinggi adalah seperti berikut :-

12.14.1. Majlis Tertinggi hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa enam (6) bulan, atau pada bila-bila masa yang lain sepertimana yang dikehendaki oleh Presiden, ataupun dengan permintaan bersurat oleh setengah (1/2) daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi.

12.14.2. Setengah (1/2) daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi menjadi cukup kuorum bagi menjalankan mesyuarat.

12.14.3. Semua mesyuarat Majlis Tertinggi hendaklah dipengerusikan oleh Presiden. Jika Presiden tidak hadir maka Timbalan Presiden yang hadir akan mempengerusikannya. Jika kedua-duanya tidak hadir juga, maka salah seorang Naib-Naib Presiden yang hadir bolehlah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Jika kesemuanya tidak hadir maka salah seorang Ahli Majlis Tertinggi yang hadir bolehlah dipilih untuk menjadi pengerusi kepada mesyuarat hari tersebut sahaja.

12.14.4. Notis 7 (tujuh) hari perlu diberi kepada ahli-ahli majlis.

FASAL 13 TANGGUNGJAWAB MAJLIS TERTINGGI DAN MAJLIS EXCO.

13.1. Majlis Tertinggi mempunyai tanggungjawab kuasa-kuasa dan kewajipan seperti berikut :-

13.1.1. Bertanggungjawab untuk merancang dan membentuk dasar-dasar kebajikan, ekonomi, pendidikan, sosial, kebudayaan dan lain-lain bidang yang dibenarkan untuk dibentangkan dalam Perhimpunan Agung bagi diambil sesuatu ketetapan dan berusaha untuk melaksanakan dasar-dasar tersebut.

13.1.2. Berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan ini untuk menentukan pengwujudan dan perlantikan Ahli-Ahli bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil, atau Biro, atau Portfolio, dan menyenaraikan garis panduan atau skop bertindak dan tugas-tugas mereka.

13.1.3. Menjalankan sebarang usaha bersama-sama dengan Badan-Badan atau Pertubuhan-Pertubuhan lain yang sah dan berdaftar dengan syarat ianya tidak melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan ini atau mana-mana Undang Negara.

13.1.4. Melantik Ahli-Ahli bagi mewakili Persatuan di dalam sebarang perkumpulan, perjumpaan atau sebarang majlis dan sebagainya yang diadakan secara sah.

13.1.5. Menerima, menimbang dan melulusakan penubuhan Persatuan ini di peringkat Negeri atau Cawangan, tertakluk kepada kelulusan yang diterima dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Seterusnya menentu dan mengawasi perjalanan mereka menurut peruntukan Undang-Undang Persatuan ini.

13.1.6. Menerima, menimbang dan membuat keputusan ke atas sebarang perkara perselisihan atau pengeseran yang berkaitan dengan Persatuan, berbangkit dari Negeri-Negeri dan Cawangan-Cawangan.

13.1.7. Menggantung atau membubarkan mana-mana Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan menurut peruntukan Undang-Undang Persatuan ini.

13.1.8. Memberhentikan khidmat seseorang dari jawatan Ahli Majlis Tertinggi dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua per tiga (2/3) daripada jumlah Ahli Majlis Tertinggi kesemuanya, sekiranya didapati Ahli tersebut telah bertindak bertentangan dengan dasar atau Undang-Undang atau Aturan dan Peraturan Persatuan ini, ataupun Ahli itu tidak menjalankan kewajibannya dengan sempurna atau tidak bertetapan dengan aspirasi dan harapan semua pihak yang memungkinkan datangnya kemudharatan kepada Persatuan. Ahli yang diberhentikan ini boleh diganti dengan yang lain untuk tempoh yang sama.

13.1.9. Menjalankan kehendak Undang-Undang atau Aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini serta peraturan disiplin, dan berkuasa menggantung atau memecat seseorang Ahli itu.

13.1.10. Menerima, menimbang dan membuat keputusan ke atas rayuan-rayuan dari mana-mana pihak yang telah ditolak permohonan keahliannya dan dari Ahli-Ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Jawatankuasa Displin.

13.1.11. Mengarah mana-mana Cawangan dan Negeri tanpa perlu diberikan sebab-sebabnya, untuk menerima dan mendaftar seseorang yang layak menjadi Ahli Persatuan ini setelah meneliti ulasan-ulasan atau pandangan dan pendapat dari Cawangan dan Negeri yang berkenaan.

13.1.12. Menimbang dan jika didapati berasas, memberikan kebenaran bertulis kepada seseorang Ahli yang telah dipecat keahliannya daripada Persatuan untuk diberi peluang memohon menjadi Ahli semula.

13.1.13. Berkuasa melantik dan memberhentikan Pemegang Amanah Persatuan ini pada bila-bila masa.

13.1.14. Berkewajipan menetapkan tarikh Perhimpunan Agung Tahunan Persatuan dan menentukan tempoh seharusnya diadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri serta Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan sebelum Perhimpunan Agung sendiri.

13.1.15. Menyedia, membincang dan meluluskan Minit Mesyuarat Perhimpunan Agung Tahunan yang lepas, Penyata tahunan yang menerangkan pekerjaan, kegiatan dan kemajuan Persatuan dalam masa setahun, serta Penyata kewangan yang diaudit dan membentangkannya dalam Perhimpunan Agung Tahunan Persatuan bagi tahun berikutnya.

13.1.16. Menghantar kepada semua perwakilan Negeri satu Laporan mengandungi catatan Minit Perhimpunan Agung yang lalu, Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit, sekurang-kurangnya empat-belas (14) hari sebelum tarikh Perhimpunan Agung Tahunan Persatuan bagi tahun itu diadakan.

13.1.17. Memeriksa dan memastikan Penyata Tahunan Persatuan di peringkat Pusat, Negeri dan Cawangan tidak menimbulkan sebarang masalah untuk dilaporkan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia setiap tahun.

13.1.18. Merangka dan meluluskan anggaran belanjawan tahunan Persatuan ini di peringkat Pusat, dan menamakan mereka-mereka yang ditauliahkan untuk menandatangani cek-cek ibu Pejabat Pusat, serta menetapkan cara dan tempat menyimpan wang Ibu Pejabat pusat.

13.1.19. Merancang dan mengambil sebarang langkah serta apa jua tindakan yang bersesuaian bagi lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di bawah fasal 13.1 ini, pada bila-bila masa jika terdapat keperluan dengan tujuan untuk memastikan kesempurnaan dan kelicinan perjalanan Persatuan seterusnya.

13.2 Majlis Exco memunyai tanggungjawab, kuasa-kuasa dan kewajipan seperti berikut :-

13.2.1. Bertanggungjawab untuk merancang dan membentuk dasar-dasar Persatuan dalam semua bidang termasuk perundangan dan program kegiatan Persatuan bagi dicadangkan dan dibentangkan ke dalam mesyuarat Majlis Tertinggi.

13.2.2. Bertanggungjawab melaksanakan semua keputusan yang dibuat oleh Majlis Tertinggi.

13.2.3. Bertanggungjawab menyelia, mengawal dan melaksanakan semua tugas harian Ibu Pejabat Pusat.

13.2.4. Berkuasa bertindak dan melaksanakan semua perkerjaan Persatuan mengikut mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan ini yang dikhususkan kuasa

kepadanya.

13.2.5. Menggunakan kuasa-kuasa Majlis Tertinggi bagi perkara-perkara yang mendesak, mustahak dan segera untuk memudahkan pelaksanaan tindakan dan tugas hariannya dan melaporkan semula kepada Majlis Tertinggi untuk mendapatkan pengesahan tindakan dan keputusan yang dibuat.

13.2.6. Berkewajipan untuk memastikan kesempurnaan perjalanan Persatuan ini pada keseluruhannya.

FASAL 14 PERHIMPUNAN AGUNG

14.1. Perhimpunan Agung adalah kuasa yang tertinggi dalam Persatuan. Semua urusan Persatuan dijalankan mengikut kuasa dan perintah Perhimpunan Agung. Tetapi Perhimpunan Agung itu sendiri tertakluk di bawah Undang-Undang dan Aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini.

14.2. Perhimpunan Agung tahunan hendaklah diadakan sekali dalam setahun pada bila-bila masa yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi dengan syarat ianya tidak melewati (18) bulan dari tarikh Perhimpunan Agung Tahunan yang baru.

14.3. Butir-Butir tugas dan tanggungjawab Perhimpunan Agung Tahunan ini ialah :-

14.3.1. Menentukan dasar-dasar Persatuan.

14.3.2. Membincang dan mengkaji kerja-kerja Majlis Tertinggi.

14.3.3. Membentangkan catitan Minit Mesyuarat Agung yang lalu, Penyata tahunan Majlis Tertinggi dan Penyata Kewangan Persatuan berakhir 31 Disember yang telah diaudit.

14.3.4. Memilih seorang Pengerusi Tetap Persidangan dan seorang Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan setiap tiga (3) tahun sekali dengan syarat seperti pemilihan di bawah Fasal 14.3.5.

14.3.5. Memilih seorang Presiden, seorang Timbalan Presiden, tiga (3) orang Naib Presiden dan tujuh (7) orang Ahli Majlis Tertinggi biasa, serta dua (2) orang Juruaudit Dalam atau/ dan sebuah Firma Juruaudit Luar (dilantik), setiap tiga (3) tahun sekali dengan mematuhi syarat-syarat.

14.3.6. Majlis Tetinggi boleh mencadangkan kepada Perhimpunan

Agung untuk keputusannya samada hendak menggunakan khidmat Juruaudit Dalam atau Juruaudit Luar sahaja atau kedua-duanya sekali bagi Persatuan ini. Jika khidmat Juruaudit Dalam diperlukan, maka pemilihan mereka tertakluk kepada Fasal 14.3.5 di atas. Jika khidmat Juruaudit Luar sahaja yang diperlukan, maka Majlis Tertinggi hendaklah mencadangkan nama sebuah Firma Juruaudit yang berdaftar dan bertauliah sebagai Juruaudit Luar kepada Persatuan untuk mendapatkan persetujuan Perhimpunan Agung.

14.3.7. Peraturan menyediakan segala butir dan keperluan di atas untuk Perhimpunan Agung hendaklah dipatuhi mengikut garis panduan dan peruntukan yang terdapat dalam Aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini.

14.4. Perhimpunan Agung tahunan hendaklah dihadiri oleh Para Perwakilan mengandungi mereka-mereka yang disebutkan di bawah ini :-

14.4.1. Semua Ahli Majlis Tertinggi (yang dipilih/dilantik) termasuk Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung.

14.4.2. Semua Wakil Negeri yang dipilih dalam mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri pada tahun itu seramai satu (1) orang bagi setiap lima-puluh (50) orang Ahli yang berhak mengundi, dengan syarat jumlah maksima Wakil-Wakil Negeri itu tidak melebihi lima-belas (15) orang kesemuanya. Jumlah ini tidak termasuk Pengerusi Negeri yang menjadi Ketua kepada kumpulan Perwakilannya.

14.5. Perhimpunan Agung Khas mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Perhimpunan Agung tahunan, dan ianya boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat-syarat dibawah ini :-

14.5.1. Dengan kehendak Presiden.

14.5.2. Dengan permintaan bertulis dari dua per tiga (2/3) daripada Ahli majlis Tertinggi.

14.5.3. Dengan permintaan bertulis dari sekurang-kurangnya dua per tiga (2/3) daripada jumlah bilangan kesemua Ahli Biasa dan Ahli Seumur Hidup yang berhak mengundi Persatuan di peringkat Negeri, dengan syarat permintaan itu berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Negeri masing-masing yang telah membincangkan perkara atau masalah khusus yang sama.

14.6. Permintaan di bawah Fasal Kecil 14.5.2 dan fasal kecil 14.5.3

hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung dengan menyatakan tajuk khusus untuk Perhimpunan Agung Khas itu diadakan, yang disokong dengan alasan-alasan yang lengkap dan munasabah Setiausaha Agung hendaklah mengadakan Perhimpunan agung Khas ini dalam tempoh (15) hari dari tarikh penerimaan terakhir surat permintaan yang berkenaan.

14.7. Perwakilan untuk Perhimpunan Agung Khas ini bolehlah menggunakan Ahli-Ahli Perwakilan di Perhimpunan Agung tahunan yang berakhir diadakan. Jika cara itu menjadi pilihan Negeri, tidak seorang pun daripada Perwakilan tersebut boleh digantikan dengan orang lain kecuali dengan keputusan pemilihan di suatu Mesyuarat Agung Perwakilan Khas Negeri yang perlu diadakan.

14.8. Jika Setiausaha Agung gagal atau tidak memanggil Perhimpunan Agung Khas itu dalam tempoh yang ditetapkan dibawah fasal 14.6, Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung Khas ini dalam tempoh lima belas (15) hari selepas kegagalan Setiausaha Agung itu. Dan jika Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi tetap juga gagal melakukannya, maka salah seorang Ahli Majlis Tertinggi yang terkanan yang dipersetujui oleh majoriti Ahli Majlis Tertinggi yang lain dan majoriti Negeri, bolehlah membentuk sebuah Jawatankuasa Pemandu khusus untuk mengendalikan Perhimpunan Agung Khas ini sahaja dalam tempoh masa seberapa cepat yang mungkin, dengan syarat semua Ahli Perwakilan yang layak mengundi dijemput hadir.

14.9. Cukup kuorum untuk sebarang jenis Perhimpunan Agung itu dijalankan ialah Ahli-Ahli Perwakilan yang hadir mestilah merupakan setengah (1/2) bilangan dari jumlah Ahli Perwakilan yang layak hadir, dan yang juga mewakili sekurang-kurangnya setengah (1/2) dari bilangan Negeri kesemuanya.

14.10. Notis Perhimpunan Agung Tahunan termasuk agenda Buku Laporan yang mengandungi catitan Minit Persidangan yang lalu, Penyata tahunan dan Penyata Kewangan yang telah diaudit, hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Negeri sekurang-kurangnya (14) hari sebelum persidangan itu diadakan. Notis Perhimpunan Agung Khas hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung (tertakluk kepada Fasal 14.8) kepada semua Setiausaha Negeri sekurang-kurangnya (7) sebelum persidangan itu diadakan. Sesalinan dokumen ini mestilah dibekalkan di alamat tempat urusan berdaftar Persatuan untuk rujukan ahli.

14.11. Jawatankuasa Negeri yang telah digantung aktivitiya tidak dibenarkan menghantar Perwakilan ke Perhimpunan Agung kecuali dengan kelulusan Majlis Teringgi yang akan menetapkan syarat-syaratnya dan menguruskan pemilihan Perwakilan di Negeri tersebut sebelum Perhimpunan Agung itu diadakan.

14.12. Ahli Perwakilan yang dimaksudkan ialah Ahli Biasa atau Ahli Seumur Hidup (Biasa) yang telah menjelaskan yuran bagi tahun yang dinyatakan itu dan bebas dari tindakan Mahkamah atau Displin Persatuan ini.

FASAL 15 SYARAT-SYARAT KEWANGAN DAN HARTA

15.1. Semua kumpulan wang dan hartabenda kepunyaan Persatuan yang terkumpul di mana-mana jua tempatnya yang berada di bawah kawalan Ibu Pejabat Pusat, Negeri dan Cawangan adalah menjadi aset bersama Persatuan.

15.2. Semua kumpulan wang dan hartabenda tidak alih seperti tanah, ladang, rumah bangunan dan seumpamanya kepunyaan Persatuan hendaklah didaftarkan atas nama Persatuan di peringkat masing-masing, dan perpindahan, pertukaran hakmilik, pencagaran, penggadaian, pembangunan dengan usahasama pihak-pihak lain, penyewaan dan perlupusan, sebahagian atau keseluruhannya hanya boleh dilakukan dengan kelulusan Majlis Tertinggi.

15.3. Akaun semasa, Simpanan Biasa atau Simpanan Tetap bagi semua kumpulan wang di Ibu Pejabat Pusat, Negeri dan Cawangan hendaklah disimpan di dalam Bank Perdagangan atau Institusi Kewangan yang diiktiraf dan dilesenkan oleh pihak Kerajaan, yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa di peringkat masing-masing atas nama PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA dengan menyatakan sekali nama Negeri atau Cawangannya. Semua peringkat Persatuan adalah dilarang sama sekali membuka Akaun dengan nama-nama lain kecuali setelah mendapat kelulusan Majlis Tertinggi.

15.4. Sebarang bentuk kumpulan wang dan hartabenda Persatuan akan digunakan khusus untuk mencapai tujuan-tujuan Persatuan sebagaimana yang terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh Persatuan dan perintah-perintahnya sahaja, dan tidak akan dibayar, diberi, dihadaiah atau ditukar kepada sesiapa juga samada secara langsung atau tidak langsung sebagai pembahagian untung, bonus atau lain-lain, kecuali bagi tujuan pembayaran gaji atau upah yang sebenar kepada pegawai-pegawai atau orang upahan atau ahli-ahli Persatuan ataupun lain-lain pihak kerana membalas perkhidmatan atau jasa yang telah mereka berikan kepada Persatuan.

15.5. Wang dan hartabenda Persatuan akan ditadbirkan oleh Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Negeri atau Jawatkuasa Cawangan di peringkat masing-masing mengikut peruntukan yang terkandung di dalam Undang-Undang Tubuh ini atau atas perintah-perintah Persatuan seterusnya.

15.6. Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan akan bertanggungjawab di peringkat masing-masing untuk menyediakan,

menyusun, mengawal dan menyimpan buku-buku dan dokumen-dokumen untuk perkara-perkara berikut :-

15.6.1. Hartabenda alih/tidak alih, hutang piutang dan tanggungan Persatuan.

15.6.2. Akaun, jumlah penerimaan dan pembayaran, resit-resit, bawcher, bil dan invois, dan lain-lain keterangan yang berkaitan dengan kewangan Persatuan.

15.7. Semua Buku Cek, Buku-Buku Akaun, Buku Daftar dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan harta dan kewangan Persatuan hendaklah disimpan di Pejabat Persatuan atau ditempat-tempat lain yang telah ditentukan oleh Jawatankuasa masing-masing.

15.8. Semua Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Cawangan dikehendaki menghantar satu laporan lengkap ke Ibu Pejabat Persatuan mengenai apa jua hartabenda samada milik kekal atau sementara yang didaftarkan di bawah nama Persatuan, dan menghantar maklumat yang dikemaskini dari semasa ke semasa apabila terdapat perubahan.

15.9. Bendahari Agung boleh menyimpan wang tunai bagi tujuan kegunaan runcit harian Ibu Pejabat Pusat tidak melebihi RM 1,000.00 pada sesuatu masa. Semua wang Persatuan yang berlebihan dari jumlah tersebut yang diterima boleh disimpan dalam tempoh lima (5) hari sahaja dan selepas itu mestilah dimasukkan ke dalam Akaun Bank yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi atas nama Pertubuhan.

15.10. Kuasa untuk meluluskan sebarang perbelanjaan atau pembelian Persatuan yang melibatkan satu kos pembayaran adalah seperti berikut :-

15.10.1. Presiden tidak melebihi RM 5,000.00

15.10.2. Majlis Exco tidak melebihi RM 25,000.00

15.10.3. Majlis Tertinggi tidak melebihi RM 100,000.00

15.10.4. Majlis Tertinggi dengan Kelulusan Perhimpunan Agung Pusat tidak melebihi RM 250,000.00

15.10.5. Majlis Tertinggi dengan kelulusan Perhimpunan Agung Pusat tidak melebihi RM 250,000.00

15.10.6. Lain-lain ketetapan atau peraturan yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan permohonan

15.11. Semua Akaun Bank hendaklah dikelolakan bersama oleh Presiden,

Setiausaha Agung dan Bendahari Agung. Majlis Tertinggi boleh menamakan seorang lagi Penandatangan Cek selain dari mereka yang tersebut di atas jika ada keperluannya. Bendahari Agung dimestikan menandatangani semua Cek Persatuan disamping pilihan tandatangan seperti di bawah :-

15.11.1. Bersama dengan salah seorang lagi penandatangan Cek, samada Presiden atau Setiausaha Agung atau seorang lagi yang dinamakan oleh Majlis Tertinggi bagi sesuatu Cek yang tidak melebihi RM 25,000.00.

15.11.2. Bersama-sama dengan tandatangan Presiden atau seorang lagi yang dinamakan oleh Majlis Tertinggi dan Setiausaha Agung (tiga tandatangan) bagi sesuatu Cek yang melebihi RM 25,000.00

15.12. Tahun Kewangan Persatuan di semua peringkat Persatuan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun. Penyata kira-kira yang menunjukkan penerimaan dan pembayaran dan juga lembaran imbangan kira-kiranya hendaklah disediakan untuk diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Persatuan ini yang kemudiannya akan dibentangkan kepada Perhimpunan Agung.

15.13. Majlis Tertinggi berhak dan berkuasa sepenuhnya ke atas semua kewangan dan hartabenda kepunyaan Persatuan Negeri yang mana Persatuannya telah digantung atau dibubarkan sehingga sesuatu ketetapan diputuskan kemudiannya.

15.14. Jawatankuasa Negeri berhak dan berkuasa sepenuhnya ke atas semua kewangan dan hartabenda kepunyaan Cawangan yang mana Cawangan di bawah pentadbirannya itu telah digantung atau dibubarkan sehingga sesuatu ketetapan diutuskan kemudiannya oleh Jawatankuasa Negeri dengan persetujuan Majlis Tertinggi.

15.15. Majlis Tertinggi berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan kewangan dan hartabenda Persatuan termasuk tatacara penerimaan, penggunaan dan perbelanjaan serta kawalannya bagi semua peringkat pada bila-bila masa jika terdapat keperluan, sehingga ditimbang dan diputuskan semula oleh Perhimpunan Agung.

FASAL 16 JURUAUDIT



16.1. Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan Mesyuarat Agung Cawangan boleh memilih dua (2) orang Juruaudit Dalam atau melantik sebuah Firma Juruaudit yang berdaftar dan bertauliah dan menetapkan bayaran khidmatnya, sebagai Juruaudit Luar, ataupun memilih dan melantik kedua-dua sekali untuk memeriksa buku-buku akaun dan penyata kewangan Persatuan di peringkat masing-masing bagi

tempoh yang dibenarkan di bawah Undang-Undang Tubuh ini. Laporan Audit mereka hendaklah dibentangkan dalam Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan Mesyuarat Agung Cawangan mengikut kenyataan di peringkat masing-masing.

16.2. Menteri Dalam negeri atau pegawai-pegawai yang dilantiknya boleh memeriksa buku-buku akaun dan penyata kewangan Persatuan di semua peringkat pada bila-bila masa jika terdapat keperluan dengan syarat pemeriksaan tersebut hendaklah dihadiri sama oleh Setiausaha dan Bendahari Persatuan di peringkat masing-masing.

16.3. Jika timbul kekecohan atau permasalahan atau kecurigaan dalam perjalanan dan kawalan kewangan di mana-mana peringkat Persatuan Majlis Exco boleh mengarahkan mana-mana Ahli Majlis Tertinggi secara bersendirian atau dalam kumpulan bersama-sama dengan Juruaudit peringkat tersebut, untuk mengambil alih akaun tersebut dan menjalankan pemeriksaan rapi ke atasnya sehingga dipulihkan semula. Akaun yang telah dipulihkan itu akan diserahkan kembali kepada pihak yang berkenaan dengan laporan pemeriksaannya.

FASAL 17 PEMEGANG AMANAH

17.1. Pemegang Amanah Persatuan ini hendaklah dilantik di peringkat masing-masing bagi menjaga kepentingan hartabenda milik Persatuan. Perlantikan tersebut hendaklah dibuat dalam Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri, dan Mesyuarat Agung Cawangan yang berkenaan menerusi cadangan yang dibawa oleh Jawatankuasa Pengurusan masing-masing bagi tempoh yang ditetapkan. Pemegang Amanah ini juga boleh dibubarkan pada bila-bila masa dan diganti dengan Badan-Badan lain mengikut proses yang sama.

17.2. Badan Pemegang Amanah ini akan mentadbir dan mengawal hartabenda Persatuan di peringkat masing-masing mengikut dasar dan perundangan Persatuan, dan boleh dibayar upah atas tugas-tugas tersebut sebagaimana yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri, dan Mesyuarat Agung Cawangan yang berkenaan.

17.3. Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan Mesyuarat Agung Cawangan akan memberi panduan dan arahan kepada badan Pemegang Amanah masing-masing berkenaan dengan penggunaan atau perlupusan sebarang hartabenda Persatuan.

17.4. Ahli-Ahli kepada Badan Pemegang Amanah ini hendaklah terdiri dari Ahli Persatuan juga yang didapati layak dan berwibawa bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab tersebut dengan amanah, bijak dan sempurna. Ketua dan Bendahari Persatuan di peringkat masing-masing secara automatic duduk dalam Badan Pemegang Amanah tersebut bersama-sama dengan empat (4) Ahli lain yang dilantik.

17.5. Badan Pemegang Amanah menerusi Bendahari masing-masing hendaklah melaporkan secara bertulis mengenai kedudukan semua hartabenda milik Persatuan dalam Perhimpunan Agung, Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan Mesyuarat Agung Cawangan yang berkenaan.

FASAL 18 PEGUAMBELA DAN PEGUAMCARA

18.1. Majlis Exco boleh melantik satu atau lebih Firma Penguambela dan Peguamcara tempatan yang berdaftar dan bertauliah sebagai "Retainer" atau "Perunding Guaman" untuk menjana kepentingan Persatuan dan memberi khidmat nasihat guaman atau pendakwaan/pembelaan secara kehormat atau dengan upah, bagi sesuatu kes tertentu atau secara 'am, setelah mendapatkan kelulusan dari Majlis Tertinggi.

18.2. Perkara yang sama seperti Fasal 18.1 di peringkat Negeri dan Cawangan, hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kelulusan dari Majlis Exco sebelum perlantikan itu dibuat.

18.3. Semua perlantikan hendaklah dibuat dengan surat rasmi.

FASAL 19 PENAUNG DAN PENASIHAT

19.1. Penaung.

Penaung Persatuan di peringkat Nasional ialah Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri Malaysia. Penaung Persatuan di peringkat Negeri ialah Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri. Penaung Persatuan di peringkat Cawangan ialah Yang Berhormat Ahli Parlimen tempatan dari parti Kerajaan Pusat atau Pegawai Daerah mengikut kesesuaian keadaan masing-masing. Semua perlantikan hendaklah diputuskan oleh perhimpunan Agung (di peringkat Nasional) dan Mesyuarat Agung masing-masing (di lain-lain peringkat) selepas dirundingkan terlebih dahulu dengan Majlis Exco. Pihak yang dilantik hendaklah dimaklumkan dan dipelawa menerusi surat rasmi Persatuan, dan dihantar satu salinannya ke Ibu Pejabat Pusat. Jawapan bertulis mengenai penerimaan perlantikan tersebut menggunakan nama mereka sebagai penaung secara rasmi.

19.2. Penasihat

Penasihat Persatuan di peringkat Nasional ialah Ketua Polis Negara bersama-sama dengan Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri. Penasihat Persatuan di peringkat Negeri ialah Ketua Polis Negeri/Pesuruhjaya Polis bersama-sama dengan Pegawai Daerah. Semua perlantikan hendaklah diputuskan oleh Perhimpunan Agung (di peringkat Nasional) dan Mesyuarat Agung masing-masing (di lain-lain peringkat). Pihak yang dilantik hendaklah dimaklumkan dan dipelawa

menerusi surat rasmi Persatuan, dan dihantar satu salinannya ke Ibu Pejabat Pusat. Jawapan bertulis mengenai penerimaan perlantikan tersebut hendaklah diperolehi terlebih dahulu sebelum menggunakan nama mereka sebagai Penasihat secara rasmi.

FASAL 20 DASAR KEBAJIKAN

20.1. Majlis Exco dengan persetujuan Majlis Tertinggi boleh merangka dan mengubal dasar serta mengeluarkan perintah atau syarat perlaksanaannya mengenai semua aspek kebajikan yang tidak ada disebutkan di mana-mana di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh ini pada bila-bila masa jika terdapat keperluan dan kemampuan bagi kepentingan semua peringkat Persatuan, Ahli-Ahli dan masyarakat umum.

20.2. Majlis Exco dengan persetujuan Majlis Tertinggi boleh membenarkan semua peringkat Persatuan melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam mana-mana gerakan atau program kebajikan yang dianjurkan boleh Badan-Badan Amal yang sah dan berdaftar atau dari pihak kerajaan.

FASAL 21 BANTUAN INDIVIDU

21.1. Semua proses permohonan dan pemberian bantuan kebajikan kepada individu hendaklah disalurkan menerusi Cawangan terlebih dahulu yang akan mengangkatkannya ke atas mengikut saluran-saluran tertentu.

21.2. Persatuan tidak boleh membenarkan semua bentuk pinjaman kewangan dari Akuan Persatuan kepada mana-mana Ahli.

21.3 Pemberian bantuan kebajikan diutamakan kepada Ahli-Ahli Persatuan dan tanggungan mereka. Walaupun begitu Majlis Exco dengan persetujuan Majlis Tertinggi boleh menimbang dan memberikan bantuan atau sumbangan kebajikan individu kepada bekas-bekas Polis yang belum menjadi Ahli atau kepada individu anggota-anggota yang masih berkhidmat atau individu perseorangan yang lain, mengikut tahap merit setiap kes itu atau salah sebab-sebab berikut :-

21.3.1. Pengangguran yang berterusan

21.3.2. Sakit Kronik, teruk yang berpanjangan.

21.3.3. Ditimpa malapetaka yang berat-berat.

21.3.4. Kecederaan atau kecacatan kerana Negara.

21.3.5. Kematian atau terkorban nyawa.

21.3.6. Buku-Buku dan yuran persekolahan.

21.3.7. Yuran-yuran peperiksaan (yang berpontesi)

21.3.8. Lain-lain atas budibicara Majlis Exco.

21.4. Kuantum untuk sesuatu bantuan atau sumbangan itu adalah mengikut kadar yang telah diluluskan oleh Persatuan dan bergantung kepada kemampuan dan keadaan semaa, ataupun mengikut kadar yang akan diputuskan oleh Majlis Exco dari semasa ke semasa.

FASAL 22 PEMBUBARAN

22.1. Persatuan ini boleh dibubarkan dalam Perhimpunan Agung secara sukarela dengan kehendak dan Persetujuan tidak kurang dari dua per tiga (2/3) jumlah Ahli Perwakilan yang berhak mengundi yang hadir pada sesuatu Perhimpunan Agungng itu.

22.2. Notis pembubaran ini hendaklah dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia dengan salinannya dihantar kepada Penaung dan Penasihat Persatuan dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh pembubaran itu diputuskan.

22.3. Jika Persatuan ini dibubarkan mengikut Fasal 22.1 Ahli majlis tertinggi akan menamatkan semua kerja dan tanggungjawab Persatuan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengesahan diterima daripada Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Majlis tertinggi hendaklah melepaskan semua kumpulan kewangan dan hartabenda Persatuan, dan setelah menjelaskan segala hutang piutang yang sah, akan membahagi-bahagikan baki hart itu sebagai sumbangan, jika ada, kepada Persatuan-Persatuan yang mempunyai tujuan yang sama dengan Persatuan ini, mengikut keputusan Perhimpunan Agung, bagi maksud perlepasan cukai Lembaga Hasil dalam Negeri, ataupun mengikut mana-mana perintah yang dikeluarkan oleh Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

22.4. Badan Pemegang Amanah Persatuan akan terus bertanggungjawab untuk menyelia dan menguruskan pelepasan semua harta Persatuan ini, termasuk lain-lain urusan dengan pihak-pihak berkuasa yang berkaitan dengan perintah pembubaran ini sehingga semua tindakan tersebut selesai dengan sempurna. Badan Pemegang Amanah akan gugur dengan sendirinya apabila semua kerja-kerja itu selesai dilakukan.

FASAL 23 GANTIRUGI 'AM

23.1. Majlis Tertinggi boleh menimbang dan meluluskan tuntutan perbelanjaan atau gantirugi ke atas sebarang kos untuk mendapatkan khidmat guaman bagi kes-kes perbicaraan dalam Mahkamah Sivil yang

melibatkan Persatuan secara terus, dan dibayar dari kumpulan wang Persatuan mengikut kadar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Majlis tertinggi.

23.2. Sebelum kes-kes tersebut dibawa ke Mahkamah, satu laporan lengkap mengenainya dan perantaraan Firma Guaman yang dicadangkan serta bayarannya hendaklah dikemukakan kepada Majlis Tertinggi terlebih dahulu untuk mendapatkan nasihat dan kelulusan dasar atau ketetapan.

23.3. Majlis Tertinggi boleh menolak sebarang tuntutan kos atau ganti rugi dalam kes-kes yang tidak mematuhi fasal 23.2 diatas, ataupun dalam kes-kes Ahli yang terlibat secara individu.

23.4. Peruntukan ini boleh dipakai di semua peringkat Persatuan dengan syarat segala urusannya hendaklah disalurkan melalui susunan pentadbiran tertentu.

FASAL 24 TATAETIKA KEAHLIAN DAN LARANGAN.

24.1. Semua Ahli Persatuan hendaklah setia,jujur dan cintakan Persatuan ini pada setiap masa dan :-

24.1.1. Patut kepada Undang-Undang Persatuan ini, Aturan dan peraturan dan Tataetika Keahlian.

24.1.2. Mentaati semua perintah dan arahan Persatuan.

24.1.3. Melaksanakn dasar-dasar Persatuan dengan ikhlas, cepat, betul, tepat, mesra dan sempurna.

24.1.4. Mengutamakan kepentingan Persatuan dalam semua bidang dan perlaksaaannya.

24.1.5. Sentiasa sedia untuk memenuhi, menghormati dan manghayati semua keputusan persatuan.

24.1.6. Menjaga dan melindungi semua rahsia dan hartabenda milik Persatuan.

24.1.7. Memelihara nama baik dan imej Persatuan.

24.1.8. Mengekalkan ikatan silaturahim dengan semua pihak khususnya di kalangan Ahli-Ahli.

24.1.9. Sentiasa mengamalkan sikap, tingkahlaku dan keperibadian yang mulia, sopan, tertib dan amanah di dalam dan di luar Persatuan.

24.2. Ahli-Ahli Persatuan dilarang daripada menyalahgunakan apa jua bentuk kuasa atau pengaruh yang ada dengannya bagi mendapatkan keuntungan peribadi atau seseorang atau kumulan yang ditajanya kecuali untuk kepentingan Persatuan ini sendiri sahaja.

24.3. Ahli- ahli Persatuan dilarang menaja, ditaja memberi atau menerima sebarang bentuk rasuah.

24.4. Ahli-Ahli Persatuan dilarang daripada menggunakan sebarang bentuk kekerasan atau paksaan atau halangan atau ancaman atau ugutan atau kerosakan atau mendatangkan kerugian yang kesemuannya bertentangan dengan etika rukun hidup aman damai, harmoni dan setiakawan ke atas mana-mana pihak.

24.5. Ahli-Ahli Persatuan dilarang samada dengan usaha dirinya atau menerusi pihak lain daripada perbuatan fitnah-menfitnah, menyebarkan pernyataan palsu, mencela atau mengeji atau sebarang perbuatan khianat ke atas mana-mana pihak dalam apa jua bentuk penyampaian sekali pun.

24.6. Ahli-Ahli Persatuan dilarang mengusaha, menaja, menggalak, melibatkan diri mengambil bahagian, melindungi, menyaksi dan menolong dalam semua bentuk perjudian di dalam atau di luar Pejabat Persatuan.

24.7. Dilarang melibatkan Persatuan dalam sebarang bentuk kegiatan politik dan Ahli-Ahli Persatuan dilarang mengadakan atau menjalankan sebarang bentuk kegiatan politik dalam Pejabat Persatuan.

24.8. Dilarang melibatkan Persatuan dalam gerakan Kesatuan Sekerja seperti yang diterangkan dalam Undang-Undang Kesatuan Sekerja 1959.

24.9. Ahli-Ahli Persatuan atau lain-lain pihak yang ditajanya tidak dibenarkan mengguna, memakai, memasang, menjaja, menjual, meminjam, menghadiahkan, memberi percuma, menukar, mengubah, membuat atau menyimpan Lambang (Logo) Persatuan dalam apa bentuk sekalipun atau Lambang yang mirip atau menyerupai Lambang Persatuan atau Lambang yang mempunyai ciri-ciri asas Lambang Persatuan tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan Majlis tertinggi. Penggunaan Lambang (Logo) pada kenderaan yang didaftarkan atas nama Persatuan atau Ahli Persatuan sendiri dan pada barangan atau objek atau tempat atau bangunan dan lain-lain kepunyaan Persatuan adalah dikecualikan.

24.10. Ahli Persatuan yang melanggar peruntukan Undang-Undang Persatuan ini atau Tatetika dan Larangan atau mana-mana Aturan dan Peraturan atau Perintah-Perintah Persatuan, apabila disabitkan kesalahan tersebut, boleh dikenakan mana-mana hukuman yang tersebut di bawah oleh Jawatankuasa Displin:-

24.10.1. Amaran bertulis.

24.10.2. Digantung keahlian atau haknya dalam Persatuan.

24.10.3. Dilarang daripada bertanding atau memegang mana-mana jawatan dalam Persatuan bagi tempoh tertentu.

24.10.4. Dipecat keahliannya daripada Persatuan.

24.10.5. Dikenakan lain-lain hukuman yang wajar dan setimpal atas budibicara Jawatankuasa Displin atau Persatuan.

24.11. Majlis tertinggi pada bila-bila masa pun berkuasa meminda, membuat dan menambah keseluruhan atau sebahagian daripada kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berkaitan dengan peruntukan di bawah Tataetika dan Larangan Ahli Persatuan ini sekiranya didapati perlu dan sesuai bagi memantapkan lagi peruntukan tersebut.

FASAL 25 TATACARA DISPLIN

25.1. Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Negeri dengan keputusan mesyuarat masing-masing berkuasa membentuk dan menubuhkan sebuah Jawatankuasa Displin di peringkat masing-masing secara tetap untuk sesuatu tempoh yang tertentu atau secara Ad Hoc untuk sesuatu kes tertentu sahaja, dan boleh menentukan prosedur, peraturan-peraturan, bidang kuasanya dan lain-lain sebagai tambahan, jika terdapat keperluannya, selain daripada peruntukan asas yang tersedia di bawah fasal ini, dan mereka juga boleh mengenakan hukuman kerana melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Persatuan ini dan juga kesalahan lain yang disenaraikan di dalam Tataetika Keahlian dan Larangan Persatuan atau mana-mana peraturan yang dikeluarkan oleh Persatuan kemudiannya.

25.2. Jawatankuasa Displin hendaklah mengandungi seorang Pengerusi dan empat (4) orang Ahli yang dilantik di peringkat masing-masing mengikut Fasal 25.1 dan Pengerusi mempunyai kuasa undi pemutus.

25.3. Seseorang Ahli yang telah dilaporkan terhadapnya dengan tuduhan melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh ini atau perintah-perintah Persatuan, akan diberikan surat tunjuk sebab oleh Majlis Exco menerusi Ibu Pejabat Pusat atau oleh JPPN menerusi Pejabat Persatuan Negeri, untuk dijawab dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh surat tunjuk sebab itu. Kegagalan Ahli tersebut menjawab surat tunjuk sebab dalam tempoh yang diberikan itu, memberikan anggapan bahawa Ahli tersebut telah mengaku bersalah di atas tuduhan yang dikenakan ke atasnya. Ibu Pejabat Pusat atau Pejabat Persatuan Negeri hendaklah merujuk fakta kes seperti ini kepada Jawatankuasa Displin masing-masing untuk dijatuhkan hukuman ke atas Ahli tersebut mengikut peruntukan Undang-Undang Tubuh

Persatuan ini.

25.4. Seseorang Ahli yang menjawab surat tunjuk sebab dalam tempoh yang dibenarkan, penjelasannya itu hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat Majlis Exco atau JPPN untuk dipertimbangkan. Sekiranya didapati penjelasan Ahli tersebut munasabah dan boleh diterima, maka Ahli tersebut hendaklah dibebaskan dari tuduhan yang dikenakan hendaklah dibebaskan dari tuduhan yang dikenakan ke atasnya, dan keputusan ini hendaklah disampaikan kepada yang berkenaan secara bertulis. Sekiranya penjelasan tersebut didapati tidak munasabah dan tidak boleh diterima atau didapati ada kes untuk ahli tersebut menjawab, maka Majlis Exco atau JPPN hendaklah mengarahkan Jawatankuasa Displin masing-masing duduk bersidang untuk membicarakan kes tersebut dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh arahan itu dikeluarkan. Dalam kes-kes seperti ini Ibu Pejabat Pusat atau Pejabat Persatuan Negeri hendaklah menyediakan Kertas Pertuduhan untuk disampaikan kepada Ahli yang berkenaan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh arahan di atas dikeluarkan.

25.5. Ibu Pejabat Pusat atau Pejabat Persatuan Negeri hendaklah memaklumkan tarikh, masa dan tempat perbicaraan itu kepada Ahli yang berkenaan semasa menyampaikan Kertas Pertuduhan tersebut kepadanya.

25.6. Seseorang Ahli yang dikenakan tuduhan di hadapan Jawatankuasa Displin boleh membawa saksi-saksinya dan boleh menggunakan khidmat Jurucakap Pembela yang dilantiknya sendiri dari mana-mana kalangan Ahli JPPN atau Ahli Jawatankuasa Displin itu sendiri. Semua perbelanjaan yang melibatkan Ahli tersebut, saksi-saksinya dan Jurucakap Pembelanya bagi maksud menghadiri perbicaraan ini adalah atas tanggungan sendiri dan tidak boleh dituntut dari mana-mana pihak walau apapun keputusan kes tersebut.

25.7. Senarai nama saksi-saksi dan Jurucakap Pembela (jika ada) yang hendak dipanggil oleh Ahli dalam sesuatu perbicaraan itu hendaklah dihantar dan diterima di Ibu Pejabat Pusat atau Pejabat Persatuan Negeri selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh perbicaraan tersebut di adakan. Mana-mana pihak yang didapati namanya tidak disenaraikan atau senarai tersebut lewat diterima, Jawatankuasa Displin boleh menolak penglibatan mereka dalam proses perbicaraan ini.

25.8. Seseorang Ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan disiplin atau hukuman yang dikenakan ke atasnya atau lain-lain keputusan yang disampaikan oleh Jawatankuasa Displin, bolehlah membuat rayuan kepada Majlis Tertinggi dalam tempoh yang dibenarkan dan keputusan Majlis Tertinggi dalam tempoh yang dibenarkan dan keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

25.9. Seseorang Ahli atau pihak yang tidak berpuas hati dengan tindakan disiplin atau hukuman yang dikenakan ke atasnya atau lain-lain keputusan yang disampaikan oleh Jawatankuasa Displin Negeri, bolehlah membuat rayuan kepada Jawatankuasa Negeri terlebih dahulu dalam tempoh yang dibenarkan dan jika masih tidak berpuas hati juga dengan keputusan Jawatankuasa Negeri, boleh membuat rayuan terakhir kepada Majlis Tertinggi dalam tempoh yang dibenarkan dan keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

25.10. Semua Ahli Persatuan yang mengambil tindakan Mahkamah terhadap sebarang perkara yang melibatkan Persatuan atau hak keahliannya sebelum mematuhi sepenuhnya peraturan-peraturan yang terkandung dalam Undang-Undang Persatuan ini atau mana-mana Aturan dan Peraturan yang telah ditetapkan, maka keahliannya dalam Persatuan ini gugur dengan sendirinya dengan serta-merta.

25.11. Mana-mana Ahli PBPM yang terlibat atau bersama menubuhkan mana-mana juga Persatuan baru yang mempunyai ciri-ciri persamaan berteraskan ahli bekas PDRM. Maka keahliannya dalam Persatuan Bekas Polis Malaysia (PBPM) gugur dengan sendirinya dengan serta-merta.

FASAL 26 PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN TAFSIRAN

26.1. Undang-Undang Persatuan ini pada keseluruhannya, atau mana-mana sebahagian daripadanya tidak boleh dimansuh atau diubah atau dipinda kecuali dengan ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua per tiga (2/3) daripada Ahli-Ahli Perwakilan yang berhak hadir dan mengundi dalam sesuatu jenis Perhimpunan Agung Persatuan ini, dan keputusan itu hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh ianya diperbuat. Segala perubahan atau pindaan akan berjalan kuatkuasanya mulai dari tarikh kelulusan diberikan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

26.2. Semua deraf cadangan perubahan atau pindaan kepada peruntukan Undang-Undang Persatuan ini untuk keseluruhan atau sebahagian daripadanya, boleh dikemukakan oleh Majlis Exco Pusat atau dengan resolusi Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri dan hendaklah diterima oleh Setiausaha Agung sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum Majlis Tertinggi bersidang. Majlis Tertinggi berkuasa menyemak, meneliti, mengkaji, meminda dan memutuskan sekiranya deraf cadangan itu perlu dibawa dan dibentangkan dalam Perhimpunan Agung untuk kelulusan atau sebaliknya.

26.3. Di antara sesuatu Perhimpunan Agung itu, jika berbangkit sebarang perselisihan pentafsiran kepada mana-mana peruntukan yang terkandung di dalam Undang-Undang atau Aturan dan Peraturan Persatuan, Majlis

Tertinggi berkuasa memberi pentafsirannya untuk dipatuhi, dan apabila didapati keperluannya mustahak dan mendesak Majlis Tertinggi juga pada bila-bila masa pun boleh dan berkuasa mengubal dan memutuskan mana-mana perkara yang tidak ada disebutkan langsung di dalam Undang-Undang atau Aturan dan Peraturan Persatuan ini. Keputusan Majlis Tertinggi itu adalah muktamad dan sah digunakan pada sebarang masa sebagai peruntukan yang baru atau yang telah dipinda jika ianya tidak diubah atau dirombak oleh keputusan Perhimpunan Agung selepas itu. Dalam kes-kes seperti ini adalah menjadi kewajipan dan tanggungjawab Majlis Tertinggi untuk membentangkan di Perhimpunan Agung bagi mendapatkan pengesahannya, sebelum dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia bagi kelulusan.

FASAL 27 PENUBUHAN, PENGGANTUNGAN DAN PEMBUBARAN PERSATUAN PBPM PERINGKAT NEGERI.

27.1. Majlis Tertinggi boleh membenarkan penubuhan hanya sebuah sahaja Persatuan di peringkat Negeri atau Wilayah Persekutuan dengan syarat ianya mestilah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) buah Cawangan dan seratus (100) orang Ahli Biasa Persatuan di bawah pentadbirannya. Jika penubuhan ini diluluskan oleh Majlis Tertinggi, Setiausaha Agung akan menghantarkan permohonan tersebut kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia bagi pertimbangan dan kelulusannya pula. Sesuatu Jawatankuasa Negeri itu tidak boleh ditubuhkan melainkan setelah mendapat kelulusan bertulis dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

27.2. Majlis Tertinggi dengan keputusan undi menyokong yang lebih sahaja, boleh menggantung atau membubarkan sesuatu Jawatankuasa Negeri itu ataupun Persatuan di peringkat Negeri jika :-

27.2.1. Jumlah Cawangannya kurang dari tiga (3) buah atau jumlah keahlian aktifnya kurang dari seratus (100) orang ataupun keduanya sekali kurang dari angka minima yang telah ditetapkan itu dalam satu tempoh Tahun Kewangan Persatuan yang berakhir pada 31hb Disember yang berkenaan. Sekiranya pembubaran itu berlaku secara yang demikian, maka Majlis Tertinggi berkuasa memindahkan Cawangan dan Ahli-Ahlinya ke Negeri yang berhampiran mengikut ketetapan Majlis Tertinggi, atau

27.2.2. Jawatankuasa Negeri itu enggan mematuhi mana-mana peruntukkan Undang-Undang Tubuh Persatuan atau Perintah-Perintahnya atau keputusan mana-mana Perhimpunan Agung Persatuan atau Perintah-Perintahnya atau keputusan mana-mana Perhimpunan Agung Persatuan atau Majlis Tertinggi bahawa Jawatankuasa Negeri itu akan atau telah melakukan

sesuatu kesalahan yang boleh merosakan nama baik dan imej Persatuan atau memudharatkan Persatuan, atau

27.2.3. Jawatankuasa Negeri itu tidak menurut perintah atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pendaftar Pertubuhan Malaysia atau pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

27.3. Sesuatu keputusan yang dibuat di bawah mana-mana peruntukan dalam Fasal 27.2 hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Negeri yang berkenaan melalui surat berdaftar dalam tempoh empat belas (14) hari selepas keputusan itu dibuat sebagai Notis Tunjuk Sebab, dan Jawatankuasa Negeri itu juga mestilah menjawab Notis Tunjuk Sebab kenapa Jawatankuasa Negeri atau Persatuan Negerinya tidak patut digantung atau dibubarkan dalam tempoh empat belas (14) hari juga dari tarikh Notis tersebut. Jawapan Notis ini perlulah dibawa semula ke dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi dan keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

27.4. Perintah penggantungan atau pembubaran ini hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Negeri yang berkenaan melalui surat berdaftar dan Jawatankuasa Negeri tersebut hendaklah memberhentikan segala kegiatannya dengan serta-merta, kecuali urusan-urusan yang berkaitan dengan penggantungan atau pembubaran itu sahaja.

27.5. Adalah menjadi tanggungjawab utama Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Negeri itu untuk menghantar kepada Setiausaha Agung semua buku-buku rekod kewangan dan hartabenda dan lain-lain dokumen kepunyaan Persatuan bersama-sama dengan Penyata Kewangan berakhir pada tarikh perintah penggantungan atau pembubaran ini diterima dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas keputusan dibuat oleh Majlis Tertinggi.

27.6. Dalam tempoh penguatkuasaan perintah penggantungan atau pembubaran itu berjalan, Majlis Tertinggi boleh melantik sebuah Jawatankuasa Pengawas yang dianggotai oleh beberapa orang Ahli Majlis Tertinggi dan beberapa orang Ahli Biasa dari Negeri yang berkenaan yang dilantik khas oleh Majlis Tertinggi bagi menguruskan hal ehwal Negeri tersebut sementara menantikan keputusan tindakan selanjutnya dari Majlis Tertinggi. Jawatankuasa Pengawas adalah bertanggungjawab terus kepada Majlis Tertinggi dan mempunyai bidang kuasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.

27.7. Jawatankuasa Negeri yang telah digantung ataupun Jawatankuasa Penaja yang baru bagi Negeri yang telah dibubarkan boleh mengemukakan rayuan penyusunan semula Jawatankuasa Negeri itu dan pendaftarannya, jika berkaitan, kepada Majlis Tertinggi dengan memberi cadangan penyusunan semula, alasan-alasannya serta telah mematuhi semua kehendak Undang-Undang Tubuh ini terutamanya Fasal 27.5 dalam tempoh

enam puluh (60) hari dari tarikh perintah penggantungan atau pembubaran itu berkuatkuasa. Tempoh yang melewati ketetapan ini adalah atas budibicara Majlis Tertinggi sahaja samada untuk menerima atau menolaknya.

FASAL 28 MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN NEGERI

28.1. Pekerjaan sesebuah Persatuan di Peringkat Negeri hendaklah dijalankan di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri, tetapi Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri itu sendiri adalah tetakluk di bawah Undang-Undang Persatuan dan Aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini serta Perintah-Perintah dari Majlis Tertinggi.

28.2. Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri hendaklah diadakan sekali pada setiap tahun selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh Perhimpunan Agung Pusat diadakan atau pada sesuatu tempoh sepertimana yang diarahkan menerusi Surat Pekeliling Persatuan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Pusat dengan syarat semua Cawangan di bawah kuasa pentadbiran Negeri tersebut telah selesai mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan masing-masing bagi tahun yang berkenaan. Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri yang hendak diadakan diluar tempoh yang telah ditetapkan itu mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Majlis Tertinggi atau Majlis Exco. Negeri-Negeri yang berhasrat untuk berbuat demikian mestilah membuat permohonan bertulis ke Ibu Pejabat Pusat dalam tempoh yang segera dan munasabah dengan menyatakan alasan-alasannya. Keputusan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco adalah muktamad.

28.3. Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri hendaklah dihadiri oleh Para Perwakilan mengandungi mereka-mereka yang disebutkan di bawah ini :-

28.3.1. Semua Ahli Jawatankuasa Negeri (dipilih/dilantik), termasuk Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan Negeri.

28.3.2. Semua Ahli Perwakilan Cawangan yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan pada tahun itu seramai satu (1) orang bagi setiap dua puluh lima (25) orang Ahli Cawangan yang berhak mengundi, dengan syarat jumlah maksima Ahli Perwakilan Cawangan itu tidak melebihi sepuluh (10) orang kesemuanya. Jumlah maksima ini tidak termasuk Ketua Cawangan yang menjadi Ketua kepada kumpulan Perwakilan itu.

28.3.3. Ketua Cawangan menjadi salah seorang Ahli Perwakilan Cawangan secara automatik. Jika Ketua Cawangan ini juga

menjadi salah seorang Ahli Jawatankuasa Negeri yang dipilih atau dilantik (selain dari Fasal Kecil 29.2.10), beliau berhak melantik seorang penggantinya di kalangan Ahli Jawatankuasa Cawangan itu sendiri yang berhak mengundi sebagai seorang Ahli Perwakilan Cawangan (selain dari fasal kecil 28.3.2 di atas). Surat Tauliah yang ditandatangani oleh Ketua Cawangan hendaklah dikeluarkan kepada wakil Pengganti ini untuk diserahkan kepada Urusetia Negeri.

28.3.4. Seorang Wakil dari Majlis Tertinggi yang bertauliah sebagai Pemerhati untuk menyelia perjalanan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri berkenaan dari mula hingga akhir dan membuat laporan kepada Majlis Tertinggi dalam Borang yang dikhaskan. Wakil ini tidak mempunyai hak mengundi.

28.3.5. Cawangan-cawangan yang telah dicadang untuk digantung atau dibubarkan, atau Jawatankuasa Cawangan itu telah pun digantung, boleh menghantar ahli Perwakilan jika Cawangan itu dapat mengadakan Mesyuarat Agung Khas Cawangannya (hanya untuk memilih Wakil) dengan sempurna mengikut Undang-Undang Tubuh Persatuan dan Aturan dan Peraturan Mesyuarat dibawah pengelolaan Jawatankuasa Negeri yang bertanggungjawab ke atasnya.

28.3.6. Ahli Perwakilan yang dipilih di luar daripada Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan ini atau sebarang pertukaran yang dibuat selepas Mesyuarat Agung itu adalah tidak sah.

28.4. Perkara-perkara yang akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri adalah seperti berikut :-

28.4.1. Membincangkan dasar-dasar Persatuan untuk diluluskan sebagai satu cadangan atau usul bagi dikemukakan ke dalam Perhimpunan Agung Tahunan Pusat.

28.4.2. Membentangkan catatan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri yang lalu, Laporan Tahunan kerja-kerja Jawatankuasa Negeri dan Penyata Kira-Kira dan Kewangan Negeri berakhir 31hb Disember yang telah diaudit bagi tahun sebelum Mesyuarat Agung diadakan.

28.4.3. Membincangkan rancangan-rancangan kerja dan aktiviti serta belanjawan tahunan untuk faedah Persatuan Negeri, Cawangan dan Ahli-Ahlinya.

28.4.4. Memilih Wakil-Wakil Negeri ke Perhimpunan Agung Tahunan Pusat setiap tahun sekali seramai satu (1) orang Wakil bagi setiap lima puluh (50) orang Ahli Biasa dan Seumur

Hidup yang telah menjelaskan yurannya bagi tahun yang berkenaan, sehingga tidak melebihi lima belas (15) orang Wakil Negeri kesemuanya, tidak termasuk Pengerusi Negeri dan Ahli Jawatankuasa Negeri yang telah dipilih atau dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi.

28.4.5. Pengerusi Negeri menjadi salah seorang Ahli Perwakilan Negeri ke Perhimpunan Agung secara automatik. Jika Pengerusi Negeri menjadi salah seorang Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih atau dilantik (selain dari Fasal Kecil 12.2.10), beliau berhak melantik seorang wakil pengganti dikalangan Ahli Jawatankuasa Negeri yang berhak mengundi sebagai seorang Ahli Perwakilan Negeri (selain dari Fasal 28.4.4 diatas). Surat Tauliah yang ditandatangani oleh Pengerusi Negeri hendaklah dikeluarkan kepada Wakil Pengganti ini untuk diserahkan kepada Setiausaha Agung sebelum Perhimpunan Agung itu diadakan.

28.4.6. Wakil-wakil yang dipilih di luar daripada Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri atau sebarang pertukaran yang dibuat selepas itu adalah tidak sah.

28.4.7. Memilih seorang Pengerusi Tetap Persidangan Negeri dan seorang Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan Negeri setiap tiga (3) tahun sekali dengan mematuhi syarat-syarat yang sama untuk Fasal Kecil 28.4.8 berikutnya.

28.4.8. Memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri terdiri dari seorang Pengerusi Persatuan Negeri, seorang Timbalan Pengerusi Persatuan Negeri, seorang Naib Pengerusi Persatuan Negeri dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Persatuan Negeri tidak termasuk Fasal-Fasal Kecil 29.2.4, 29.2.5, 29.2.6 dan 29.2.7, setiap tiga (3) tahun sekali dengan mematuhi syarat-syarat berikut :-

(a) Cadangan nama-nama Ahli untuk bertanding bagi jawatan-jawatan seperti yang terkandung dalam Fasal Kecil 28.4.7 dan Fasal Kecil 28.4.8 hendaklah dicalonkan oleh sekurang-kurangnya dua (2) buah Cawangan yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang diadakan pada tahun itu, dan senarai cadangan itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Negeri dan diterima tidak lewat dari dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri itu diadakan, ataupun pada suatu tempoh yang dibenarkan oleh Jawatankuasa Negeri.

(b) Apabila terdapat seorang calon sahaja bagi mana-mana

satu jawatan seperti yang terkandung dalam Fasal Kecil 28.4.7 atau Fasal Kecil 28.4.8 dan lima (5) orang calon bagi jawatan Ahli Jawatankuasa Negeri Biasa, maka calon-calon yang berkenaan hendaklah diisytiharkan sebagai mendapat kemenangan tanpa bertanding bagi jawatan masing-masing seperti yang telah dicalonkan itu.

(c) Apabila terdapat dua (2) orang atau lebih yang dicalonkan bagi mana-mana satu jawatan seperti yang terkandung dalam Fasal Kecil 28.4.7 atau fasal Kecil 28.4.8 dan lebih dari lima (5) orang calon bagi jawatan Ahli Jawatankuasa Negeri Biasa, maka pemilihan secara undi sulit hendaklah dilakukan. Kertas undi akan diberikan kepada setiap Ahli Perwakilan yang menghadiri Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri tersebut. Seorang Pengawas dan dua orang atau lebih Pengira Undi hendaklah ditetapkan oleh Urusetia Negeri dengan kebenaran Pengerusi Tetap Persidangan untuk mengira kertas undi dan memberikan keputusannya kepada Pengerusi Tetap Persidangan bagi diisytiharkan pemenangnya pada hari yang sama.

(d) Syarat pengundian secara sulit boleh diketepikan dengan persetujuan tidak kurang dari dua per tiga (2/3) daripada jumlah Ahli-Ahli Perwakilan yang hadir, untuk sebaliknya menjalankan proses pengundian secara terbuka dengan mengangkat tangan sahaja, tetapi ketetapan untuk menentukan kehadiran Pengawas dan Pengira Undi adalah sama seperti dalam para (c) diatas.

(e) Nama-nama yang dicalonkan bagi semua jawatan itu mestilah seorang Ahli Biasa yang aktif atau seorang Ahli Biasa Seumur Hidup dan telah menjadi Ahli Persatuan ini tidak kurang dari dua (2) tahun serta bebas dari sebarang tindakan Mahkamah atau Displin Persatuan ini sebelum Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri (tahun pemilihan) tersebut diadakan.

28.4.9. Memilih dua (2) orang Juruaudit dalam setiap tiga (3) tahun sekali dengan mematuhi syarat-syarat seperti yang terkandung dalam Fasal Kecil 24.4.8 di atas juga atau melantik sebuah Firma Juruaudit yang bertauliah sebagai Juruaudit Luar dengan menentukan kadar bayaran upahnya sekali, atau memilih dan melantik kedua-duanya sekali untuk tempoh masa yang sama. Proses perlantikan Firma Juruaudit ini tidak perlu mematuhi syarat-syarat seperti Fasal Kecil 24.4.8 tetapi hendaklah di atas satu

keputusan yang dibuat oleh Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Negeri dan dibentangkan ke dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri untuk persetujuannya.

28.4.10. Mencalonkan nama-nama untuk bertanding menduduki kerusi-kerusi ahli Majlis Tertinggi daripada jawatan Presiden hinggalah ke Jawatan Ahli Majlis Tertinggi Biasa, tidak termasuk jawatan-jawatan atas kuasa perlantikan Presiden, dan mencalonkan nama-nama Pegawai Majlis Tertinggi bagi jawatan-jawatan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung, dan dua orang bagi jawatan Juruaudit Dalam (jika diperlukan)

28.4.11. Membahaskan usul-usul dari Cawangan-Cawangan, ucapan penangguhan dan hal-hal lain yang berkaitan yang dibenarkan oleh Pengerusi Tetap Persidangan.

28.5. Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri mempunyai cara perwakilan yang sama dengan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri dan ianya boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat-syarat di bawah ini :-

28.5.1. Apabila diperintahkan oleh Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, atau

28.5.2. Apabila Jawatankuasa Negeri memutuskan dalam Mesyuaratnya adalah mustahak untuk diadakan, setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, atau

28.5.3. Atas permohonan bertulis dari Ahli Jawatankuasa Negeri yang mewakili tidak kurang dari dua per tiga (2/3) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Negeri tersebut, dan setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, atau

28.5.4. Atas permohonan bertulis dari Ketua-Ketua Cawangan yang mewakili tidak kurang dari dua per tiga (2/3) daripada jumlah Cawangan-Cawangan yang duduk di bawah pentadbiran Negeri tersebut, dengan syarat Cawangan-Cawangan yang memohon itu telah mengadakan Mesyuarat Agung Khas Cawangan masing-masing membincangkan atas permasalahan yang sama, dan setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat.

28.5.5. Semua permohonan bertulis hendaklah menyatakan dengan jelas tajuk khusus bagi Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri ini, dan disokong dengan alasan-alasan yang lengkap dan munasabah. Majlis Tertinggi atau Majlis Exco boleh menangguh atau menolak permohonan tersebut dengan

alasan-alasan tertentu jika didapati keputusan tersebut adalah untuk kepentingan Persatuan pada keseluruhannya.

28.6. Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri yang dipohon, setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, hendaklah diadakan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh persetujuan diberikan. Setiausaha Negeri hendaklah memanggil semua Perwakilan yang berhak hadir seperti juga penghantaran Notis Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri. Jika Setiausaha Negeri gagal berbuat demikian dalam tempoh yang diberikan, Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat boleh mengarahkan Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan Negeri untuk memanggil dan menguruskan mesyuarat tersebut, dan jika mereka juga gagal berbuat demikian dalam tempoh dua puluh satu (21) hari lagi, maka Ibu Pejabat Pusat berhak memanggil Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri yang berkenaan secepat yang mungkin.

28.7. Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri itu hendaklah diadakan mengikut kaedah Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri dan Ahli-Ahli Perwakilan yang berhak hadir adalah Ahli-Ahli Perwakilan yang sama, yang telah hadir dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri bagi tahun yang baru berlalu itu sahaja, kecuali jika Mesyuarat Agung Khas Cawangan telah diadakan sebelum tarikh Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri untuk memilih penggantinya dengan Ahli Perwakilan yang lain.

28.8. Notis atau Pemberitahuan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri serta Agenda dengan lampiran - lampirannya hendaklah dihantar oleh Urusetia Negeri kepada semua Setiausaha Cawangan di bawah pentadbirannya selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum tarikh persidangan itu diadakan, dan Notis untuk Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri ianya hendaklah dihantar oleh Urusetia Negeri atau mereka yang diberi kuasa di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini, kepada semua Setiausaha Cawangan selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh persidangan itu diadakan.

28.9. Cukup Kourum untuk menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri atau Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri ialah dengan kehadiran Ahli-Ahli Perwakilan tidak kurang dari satu per dua ($1/2$) daripada jumlah kesemua Ahli Perwakilan yang berhak hadir atau dengan kehadiran Ahli Perwakilan Cawangan yang mewakili tidak kurang dari dua per tiga ($2/3$) daripada jumlah Cawangan-Cawangan yang ada dalam Negeri yang berkenaan.

28.10. Dengan persetujuan Pengerusi Persatuan Negeri, Ahli-Ahli lain yang bukan Perwakilan boleh hadir di dalam mana-mana Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri sebagai Pemerhati dan duduk di suatu tempat yang dikhaskan kepada Pemerhati. Mereka ini tidak boleh mengambil sebarang bahagian di dalam Persidangan tersebut kecuali sebagai

Pengira Undi jika dilantik oleh Persidangan. Pengerusi Tetap Persidangan boleh mengarahkan mana-mana Pemerhati keluar dari Dewan Persidangan jika dalam pemikiran Pengerusi Tetap itu, kehadiran Pemerhati yang berkenaan akan mendatangkan kemudaratan kepada Persidangan tersebut.

28.11. Sekiranya ada sebarang bantahan dari mana-mana Ahli Perwakilan mengenai kesahihan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri itu ataupun apa-apa jua keputusan yang telah diambil meneruskannya, notis bantahan secara bertulis dengan menyatakan butir-butir bantahan dan alasan-alasan serta bukti yang lengkap hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Negeri dengan salinannya diserahkan kepada Ibu Pejabat Pusat dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri itu diadakan. Setiausaha Negeri hendaklah membawa bantahan tersebut ke dalam mesyuarat JPPN dalam tempoh tujuh (7) hari untuk diambil keputusan dan keputusannya hendaklah dimaklumkan dengan segera kepada pihak yang membantah dengan salinannya dihantarkan ke Ibu Pejabat Pusat. Sebarang bantahan yang dibuat selepas tempoh yang dibenarkan itu tidak akan diterima.

28.12. Pihak yang membuat bantahan boleh mengemukakan rayuan kepada Majlis Exco jika keputusan yang disampaikan oleh JPPN tidak dipersetujui, dan seterusnya mengemukakan rayuan kepada Majlis Tertinggi jika keputusan yang dibuat oleh Majlis Exco juga tidak dipersetujui. Keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad. Semua rayuan haruslah dihantar menerusi saluran-saluran tertentu.

FASAL 29 JAWATANKUASA NEGERI

29.1. Jawatankuasa Negeri adalah badan yang menjalankan pentadbiran Persatuan di peringkat Negeri di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri yang berkenaan, tetapi Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri itu sendiri adalah tertakluk kepada Undang-Undang Tubuh Persatuan dan juga Aturan dan Peraturan mesyuarat Persatuan serta Perintah-Perintah dari Majlis Tertinggi.

29.2. Jawatankuasa Negeri hendaklah mengandungi anggota-anggota berikut :-

29.2.1. Pengerusi Negeri.

29.2.2. Timbalan Pengerusi Negeri.

29.2.3. Naib Pengerusi Negeri.

29.2.4. Setiausaha Negeri.

29.2.5. Penolong Setiausaha Negeri.

29.2.6. Bendahari Negeri.

29.2.7. Ketua Penerangan dan Perhubungan Negeri.

29.2.8. Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri Biasa yang terdiri daripada:-

29.2.8.1. Ketua-Ketua Cawangan.

29.2.8.2. Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Negeri Biasa yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri, tidak termasuk Fasal Kecil 29.2.1, 29.2.2, dan 29.2.3 diatas.

29.2.8.3. Tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Negeri yang dilantik Pengerusi Negeri, tidak termasuk Fasal 29.2.4, 29.2.5, 29.2.6 dan 29.2.7 diatas.

29.2.8.4. Dua (2) orang Ahli kerana Jawatan (Ex Officio) yang berkhidmat di Negeri tersebut, iaitu seorang Pegawai PDRM Negeri yang dinamakan oleh Ketua Polis Negeri dan seorang lagi Pegawai Kerajaan Negeri yang dinamakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, setelah beliau bersetuju menerima undangan Persatuan Negeri sebagai Penaung Persatuan di peringkat Negeri.

29.3. Pegawai-Pegawai Persatuan Negeri yang disebutkan di bawah hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri setiap tiga (3) tahun sekali mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini :-

29.3.1. Pengerusi Tetap Persidangan Negeri.

29.3.2. Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan.

29.3.3. Dua (2) orang Juruaudit Dalam atau/dan satu (1) Firma Juruaudit Luar yang dilantik.

29.4. Ahli-Ahli Jawatankuasa Persatuan Negeri yang disebutkan di bawah ini hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri setiap tiga (3) tahun sekali mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini :-

29.4.1. Pengerusi Negeri.

29.4.2. Timbalan Pengerusi Negeri.

29.4.3. Naib Pengerusi Negeri.

29.4.4. Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Negeri Biasa seperti dalam Fasal Kecil 29.2.8.2 di atas.

29.5. Ahli-Ahli Jawatankuasa Persatuan Negeri yang disebutkan di bawah ini hendaklah dilantik oleh Pengerusi Negeri dan akan memegang jawatan tersebut selama tiga (3) tahun kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Pengerusi Negeri pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut tanpa perlu memberikan sebab-sebabnya :-

29.5.1. Setiausaha Negeri.

29.5.2. Penolong Setiausaha Negeri.

29.5.3. Bendahari Negeri.

29.5.4. Ketua Penerangan dan Perhubungan.

29.5.5. Tiga (3) orang Ahli-Ahli Jawatankuasa Biasa Negeri seperti dalam fasal Kecil 29.2.8.3.

29.6. Perlantikan dan pemberhentian mana jawatan yang dibuat di bawah Fasal 29.5 oleh Pengerusi Negeri hendaklah dimaklumkan kepada Ahli-Ahli yang mewakili PDRM/Setiausaha Kerajaan Negeri serta Ahli Jawatankuasa Negeri secepat mungkin. Sejauh mana yang boleh permakluman itu haruslah dilakukan sebelum perlantikan atau pemberhentian tersebut dibuat. Mereka boleh memberikan pandangan dan nasihat mengenai perlantikan mengenai perlantikan dan pemberhentian tersebut, namun keputusan muktamad mengenainya adalah atas budibicara Pengerusi Negeri itu jua.

29.7. Ketua-Ketua Cawangan secara automatik menjadi Ahli Jawatankuasa Negeri di bawah Fasal Kecil 29.2.8. Ketua Cawangan yang memegang mana-mana jawatan dalam Jawatankuasa Negeri yang dipilih menerusi Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri ataupun yang dilantik oleh Pengerusi Negeri, boleh melantik dengan memberikan satu surat tauliah untuk seorang penggantinya duduk di dalam Jawatankuasa Negeri tersebut sebagai wakil Cawangannya. Penggantinya ini mestilah salah seorang Ahli Jawatankuasa cawangannya mengikut hirarki kekananan jawatan di Cawangan itu dan belum lagi memegang sebarang jawatan di peringkat Jawatankuasa Negeri.

29.8. Jika Pengerusi Negeri berhenti atau diberhentikan dari jawatannya atas apa-apa sebab sekali pun, Timbalan Pengerusi Negeri hendaklah memangku jawatan Pengerusi Negeri, dan jawatan Timbalan Pengerusi Negeri akan dipangku oleh Naib Pengerusi Negeri. Jawatankuasa Negeri hendaklah melantik salah seorang Ahli-Ahli Jawatankuasa Negeri yang terkanan untuk memangku jawatan Naib Pengerusi Negeri.

29.9. Jika Pemangku Pengerusi Negeri ataupun Timbalan Pengerusi Negeri berhenti atau diberhentikan atas apa-apa sebab sekali pun, Naib Pengerusi Negeri hendaklah memangku mana-mana satu jawatan yang tertinggi di antara dua jawatan yang dikosongkan itu. Jawatankuasa Negeri akan melantik di antara mereka yang terkanan untuk mengisi kekosongan yang berlaku mengikut proses seperti yang diperuntukkan di bawah fasal 29.8.

29.10. Jika Naib Pengerusi berhenti atau diberhentikan atas apa-apa sebab sekalipun, Jawatankuasa Negeri hendaklah melantik di antara mereka yang terkanan untuk mengisi kekosongan tersebut.

29.11. Jika Ahli Jawatankuasa Negeri Biasa berhenti atau diberhentikan atas apa-apa sebab sekali pun, Jawatankuasa Negeri hendaklah melantik penggantinya dari kalangan Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan mengikut hirarki kekananan jawatan di Cawangan itu, dan ianya belum lagi memegang sebarang jawatan di peringkat Negeri.

29.12. Semua kekosongan jawatan yang tersebut di atas hendaklah diisi oleh pemangkunya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kekosongan itu berlaku dan dalam tempoh yang sama juga Ibu Pejabat Pusat hendaklah dimaklumkan mengenai perubahan tersebut. Pemangku jawatan akan memegang jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri bagi tahun pemilihan Jawatankuasa baru berikutnya diadakan ataupun sehingga menerima lain-lain arahan dari Ibu Pejabat Pusat.

29.13. Majlis Tertinggi boleh membatalkan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Negeri mengenai mana-mana jawatan pemangku jika Majlis Tertinggi berpendapat keadaannya memerlukan, dan berkuasa mengarahkan Jawatankuasa Negeri untuk memanggil satu Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai hanya untuk memilih semula pengganti bagi mengisi jawatan-jawatan yang dikosongkan itu sahaja.

29.14. Jika dua per tiga ($\frac{2}{3}$) atau lebih dari Ahli Jawatankuasa Negeri meletakkan jawatan dengan serentak, maka Jawatankuasa Negeri itu dianggap telah bubar dan Ahli Jawatankuasa Negeri yang tinggal hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perletakan jawatan beramai-ramai itu ataupun pada suatu tarikh yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi atau Majlis Exco, mengadakan satu Mesyuarat Agung Khas Perwakilan Negeri untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Negeri yang baru.

29.15. Jawatankuasa Negeri hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan selain dari tempoh itu, boleh diadakan pada sebarang masa yang lain tanpa had bilangannya jika dikehendaki Pengerusi Negeri ataupun dengan permintaan bertulis oleh satu per dua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah kesemua Ahli Jawatankuasa Negeri

itu sendiri.

29.16. Satu per dua (1/2) daripada jumlah kesemua Ahli Jawatankuasa Negeri adalah menjadi cukup kuorum bagi menjalankan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Negeri.

29.17. Setiap mesyuarat Jawatankuasa Negeri hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Negeri dan jika Pengerusi Negeri tidak hadir, Timbalan Pengerusi Negeri hendaklah mengambil tempat Pengerusi Negeri. Jika kedua-duanya tidak hadir, maka Naib Pengerusi Negeri hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Jika Naib Pengerusi juga tidak hadir, maka salah seorang Ahli Jawatankuasa yang terkanan dengan persetujuan semua yang hadir, bolehlah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Negeri yang berkenaan pada kali itu.

29.18. Tugas-Tugas Ahli Jawatankuasa Negeri ialah :-

29.18.1. Pengerusi Negeri.

(a) Menjadi Ketua Tertinggi Persatuan ini di peringkat Negeri dan bertanggungjawab sepenuhnya atas kesempurnaan dasar dan perjalanan Persatuan ini di peringkat Negeri dan semua Cawangan yang ada di bawah kuasa pentadbirannya.

(b) Melantik Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Perhubungan, dan tiga (3) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Negeri di bawah fasal Kecil 29.2.10, kesemuanya di peringkat Negeri dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas-tugas mereka itu.

(c) Bertanggungjawab ke atas semua Pegawai dan staff Pejabat Pengurusan dan Pentadbiran Persatuan Negeri.

(d) Memanggil dan mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Negeri dan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri dan lain-lain mesyuarat atau perjumpaan mengikut keperluan dan budibicaranya.

29.18.2. Timbalan Pengerusi Negeri.

(a) Membantu semua tugas dan tanggungjawab Pengerusi Persatuan Negeri.

(b) Mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Negeri dan mesyuarat Pengurusan dan Pentadbiran Negeri apabila Pengerusi Persatuan Negeri

tidak dapat hadir.

(c) Mempengerusikan Jawatankuasa Kecil atau Biro yang diwujudkan oleh Jawatankuasa Negeri.

(d) Memangku atau menjalankan tugas-tugas Pengerusi Negeri apabila Pengerusi Negeri berhenti atau diberhentikan dalam tempoh perkhidmatan jawatan itu.

29.18.3. Naib Pengerusi Negeri.

(a) Membantu semua tugas dan tanggungjawab Pengerusi Persatuan Negeri dan Timbalan Pengerusi Persatuan Negeri.

(b) Mempengerusikan mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Negeri dan Mesyuarat Pengurusan dan Pentadbiran Negeri apabila Pengerusi Persatuan Negeri dan Timbalan Pengerusi Persatuan Negeri tidak dapat hadir.

(c) Mempengerusikan Jawatankuasa Kecil atau Biro yang diwujudkan oleh Jawatankuasa Persatuan Negeri.

(d) Memangku atau menjalankan tugas-tugas Pengerusi Persatuan Negeri apabila Pengerusi Persatuan Negeri dan Timbalan Pengerusi Persatuan Negeri berhenti atau diberhentikan, ataupun memangku jawatan Timbalan Pengerusi Persatuan Negeri apabila Timbalan Pengerusi Persatuan Negeri berhenti atau diberhentikan dalam tempoh perkhidmatan jawatan berkenaan.

29.18.4. Setiausaha Negeri

(a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Pengerusi Persatuan Negeri dalam semua urusan Persatuan di peringkat Negeri dan Cawangan-Cawangan yang ada di bawah kuasa pentadbirannya.

(b) Menjadi Ketua Pentadbir bagi mentadbirkan semua perjalanan Pejabat Persatuan Negeri.

(c) Bertanggungjawab untuk melaporkan kepada Pengerusi Persatuan Negeri semua tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran Persatuan Negeri.

(d) Mendapatkan persetujuan Pengerusi Persatuan Negeri untuk dibawa ke dalam mesyuarat Pengurusan dan



Pentadbiran Negeri mengenai pengambilan Pegawai dan kakitangan Pejabat Persatuan Negeri dan juga pemberhentian mereka itu.

(e) Menyediakan Penyata Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan Persatuan Negeri dalam masa setahun ke setahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri.

(f) Mengambil, menyedia dan menyimpan semua nota-nota mesyuarat, lain-lain buku atau dokumen atau fail atau apa juga kenyataan mengenai Persatuan dan hakmilik kepunyaannya.

(g) Menyimpan Daftar Ahli yang kemaskini yang mengandungi butir-butir seperti nama, tarikh dan tempat lahir, pekerjaan, nama dan alamat majikan.

(h) Memanggil mesyuarat-mesyuarat apabila dikehendaki atau diarah oleh mana-mana pihak yang berkuasa mengikut mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan dan Aturan dan Peraturannya.

(i) Lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Pengerusi Negeri dari semasa ke semasa.

29.18.5. Penolong Setiausaha Negeri

(a) Membantu untuk menjalankan semua tugas dan tanggungjawab Setiausaha Negeri.

(b) Menjalankan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Pengerusi Negeri atau Setiausaha Negeri dari semasa ke semasa.

29.18.6. Bendahari Negeri.

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesempurnaan dan pelaksanaan dasar serta penggunaan dan kawalan kewangan Persatuan Negeri.

(b) Merancang dan menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan untuk tindakan Jawatankuasa Persatuan Negeri.

(c) Menyedia dan membentangkan penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan bulanan Pejabat Persatuan Negeri kepada mesyuarat JPPN dan Jawatankuasa Negeri.

(d) Menyedia dan membentangkan penyata kira-kira pendapatan dan perbelanjaan serta lain-lain kenyataan kewangan Persatuan Negeri berakhir 31 Disember, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit Dalam atau Juruaudit Luar, kepada mesyuarat JPPN, Jawatankuasa Negeri dan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri.

(e) Menyedia, melapor dan menyimpan semua maklumat mengenai hartabenda alih/tidak alih dan rekod-rekod / dokumen-dokumen yang berkaitan, hakmilik Persatuan di peringkat Negeri, kepada JPPN, Jawatankuasa Negeri, dan Pemegang Amanah Persatuan dan Ibu Pejabat Pusat.

(f) Mengumpul penyata kewangan dari semua Cawangan di bawah kuasa pentadbiran Negeri itu dalam tempoh tiga (3) bulan sekali dan melaporkannya kepada JPPN dan mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan Ibu Pejabat Pusat.

(g) Bertanggungjawab kepada semua Bendahari Cawangan. Menyedia, mengawal dan menyelia sistem kewangan, prosedur dan amalannya di Pejabat Persatuan Negeri dan memberi panduan serta nasihat kepada Bendahari Cawangan mengenai perkara yang sama untuk dipatuhi.

(h) Menyimpan kira-kira dan mengawal semua buku, rekod, fail, baucer, resit dan lain-lain dokumen berkaitan dengan akaun dan kewangan harian Pejabat Persatuan Negeri, termasuk buku-buku cek yang sedang dan sudah dipakai.

(i) Menyimpan Panjar Wang Runcit (Petty cash) dalam tangan tidak melebihi RM 500.00 pada sesuatu masa, dan menyediakan rekod penggunaan serta baucer harian untuk dibentangkan penyata khusus baginya ke dalam mesyuarat JPPN dan mesyuarat Jawatankuasa Negeri.

(j) Menandatangani Cek-Cek Persatuan Negeri sebagai penandatanganan wajib.

29.18.7. Ketua Penerangan dan Perhubungan Negeri

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesempurnaan dan perlaksanaan dasar-dasar penerangan dan perhubungan awam Negeri.

(b) Menyusun, mentadbir, mengawal, menyelia dan mengelolakan semua program penerangan dan penyiaran serta perhubungan awam Persatuan di peringkat Negeri,

dan bertanggungjawab ke atas bahan-bahan serta tindakan kakitangan atau agensi yang melaksanakannya.

(c) Menyediakan laporan aktiviti dan kegiatan serta berita-berita semasa Persatuan di peringkat Negeri dan Cawangan untuk makluman atau tindakan JPPN, Jawatankuasa Negeri dan Ibu Pejabat Pusat.

(d) Bertanggungjawab kepada semua Ketua Penerangan dan Perhubungan cawangan dan mengumpulkan dari mereka laporan aktiviti dan berita semasa sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan.

(e) Menyelidik, mengkaji, mengumpul, menyusun dan membukukan maklumat-maklumat dan gambar-gambar mengenai sejarah Persatuan, Ahli-Ahli dan bekas-bekas pejuang yang telah berjasa dan lain-lain bahan berkaitan.

29.18.8. Ahli Jawatankuasa Biasa Negeri

(a) Menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan mengambil bahagian dalam semua perbincangan untuk merancang dan mencadangkan dasar-dasar Persatuan.

(b) Membuat keputusan dalam semua hal ehwal Persatuan di peringkat Negeri dan Cawangan yang dibangkitkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan memastikan perlaksanaannya.

(c) Mengambil bahagian dalam semua kegiatan Persatuan dan menjalankan tugas-tugas tertentu untuk kepentingan Persatuan seperti yang diarahkan oleh Pengerusi Negeri atau atas keputusan mesyuarat Jawatankuasa Negeri.

29.18.9. Ahli Ex Officio

(a) Sebagai pemerhati tanpa mempunyai kuasa eksekutif dalam hal ehwal seta pengurusan dan pentadbiran Persatuan Negeri dan Cawangan.

(b) Boleh memberi teguran, cadangan, pandangan dan nasihat dalam semua permesyuaratan Persatuan yang dihadiri bagi membantu memperkemas, melicin dan menjayakan perjalanan serta program-program Persatuan.

(c) Menjadi pemudahcara pengantara hubungan duahala Persatuan Negeri / Jabatan dalam semua hal ehwal pekerjaan dan kepentingan Persatuan yang mempunyai kaitan dengan Jabatan yang berkenaan.

(d) Tidak mempunyai kuasa mengundi dalam semua permesyuaratan Persatuan yang dihadiri.

29.19. Tanggungjawab Kuasa-Kuasa dan Kewajipan Jawatankuasa Negeri ialah :-

29.19.1. Bertanggungjawab untuk merancang dan membentuk cadangan dasar-dasar mengenai kebajikan, ekonomi, pendidikan, sosial, kebudayaan dan lain-lain bidang yang dibenarkan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri bagi diambil satu-satu ketetapan sebelum dimajukan kepada pertimbangan Majlis Tertinggi.

29.19.2. Berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan ini untuk menentukan pengwujudan dan perlantikan Ahli-Ahli bagi Jawatankuasa-Jawatankuasa Kecil atau Biro dan menyenaraikan garispanduan kuasa serta skop tugas dan tindakan mereka di peringkat Negeri.

29.19.3. Menjalankan sebarang usaha bersama-sama dengan Badan-Badan atau Pertubuhan-Pertubuhan lain yang sah dan berdaftar di peringkat Negeri dengan syarat ianya tidak melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan ini dan setelah mendapat persetujuan Majlis tertinggi.

29.19.4. Melantik Ahli-Ahli bagi mewakili Persatuan di dalam sebarang organisasi, perkumpulan, perjumpaan atau majlis dan sebagainya yang diadakan atau dijemput secara sah di peringkat Negeri.

29.19.5. Menerima, menimbang dan mencadangkan penubuhan Persatuan di peringkat Cawangan, tertakluk kepada persetujuan Majlis Tertinggi dan kelulusan Pendaftar Pertubuhan Malaysia. Seterusnya menentu dan mengawasi perjalanan mereka menurut peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini.

29.19.6. Menerima, menimbang dan membuat keputusan ke atas sebarang perkara perselisihan atau pergeseran yang berkaitan dengan Persatuan ini yang berbangkit di peringkat Negeri atau Cawangan-Cawangan di bawah pentadbiran Negeri itu.

29.19.7. Mencadangkan penggantungan atau pembubaran Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Cawangan atau mana-mana Cawangan di bawah kuasa pentadiran Negeri itu kepada Majlis Tertinggi.

29.19.8. Memberhentikan khidmat seseorang Ahli Jawatankuasa Negeri dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua per tiga (2/3) daripada jumlah Ahli Jawatankuasa Negeri kesemuanya, sekiranya didapati Ahli tersebut telah bertindak bertentangan dengan dasar atau Undang-Undang Tubuh Persatuan atau mana-mana Aturan dan Peraturan Persatuan, ataupun Ahli itu tidak menjalankan kewajipan dengan sempurna atau tidak bertetapan dengan aspirasi dan harapan semua pihak yang memungkinkan datangnya kemudharatan kepada Persatuan. Ahli yang diberhentikan itu boleh diganti dengan yang lain untuk selama tempohnya yang sama.

29.19.9. Menjalankan kehendak Undang-Undang Tubuh, Aturan dan Peraturan Mesyuarat Persatuan ini serta perintah-perintahnya, dan berkuasa menubuhkan Jawatankuasa Disiplin di peringkat Negeri untuk mendengar, menimbang dan membuat keputusan, termasuk menggantung atau memecat mana-mana Ahli di bawah pentadbirannya.

29.19.10. Menerima, menimbang dan membuat keputusan ke atas semua rayuan dari mana-mana pihak yang telah ditolak permohonan keahliannya, atau dari mana-mana Ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Jawatankuasa Disiplin Negeri.

29.19.11. Mengarah mana-mana Cawangan di bawah kuasa pentadbirannya tanpa perlu diberikan sebab, untuk menerima keahlian seseorang yang telah ditolak oleh mana-mana Cawangan.

29.19.12. Berkuasa melantik dan memberhentikan Pemegang Amanah Persatuan ini di peringkat Negeri pada bila-bila masa atas sebab-sebab tertentu.

29.19.13. Berkewajipan menyedia, membincang dan meluluskan untuk pembentangan di Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri satu Laporan yang mengandungi catitan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri yang lalu, Penyata Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam tempoh setahun serta Penyata Kewangan yang berkaitan yang telah diaudit.

29.19.14. Berkewajipan menghantar kepada Setiausaha Cawangan untuk Ahli Perwakilannya satu Laporan yang mengandungi catitan

Minit Mesyuarat yang lalu, Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan yang sudah diaudit bersama-sama dengan Notis Panggilan Mesyuarat Agung sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri bagi tahun itu diadakan.

29.19.15. Memeriksa dan memastikan Penyata Kewangan Persatuan, Borang 9 yang telah dilengkapkan dan lain-lain dokumen yang berkaitan bagi Negeri dan Cawangan-Cawangan yang ada di bawah kuasa pentadbirannya, dikemaskan dengan sempurna dan tidak akan menimbulkan sebarang masalah untuk dihantar kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia melalui Setiausaha Agung Pusat dalam tempoh yang ditetapkan.

29.19.16. Merangka dan meluluskan anggaran belanjawan tahunan Negeri, dan menetapkan nama-nama yang ditauliahkan untuk menandatangani cek-cek Persatuan Negeri serta menetapkan cara dan Bank tempat menyimpan wang Persatuan, dan berkuasa mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri nama-nama Firma yang bertauliah untuk dijadikan Juruaudit Luar, jika diperlukan.

29.19.17. Mengkaji dan mengambil sebarang langkah serta apa jua tindakan yang bersesuaian bagi lain-lain perkara yang tidak dinyatakan di bawah Fasal ini pada bila-bila masa jika terdapat keperluan dengan tujuan untuk memastikan kesempurnaan dan kelancaran perjalanan Persatuan Negeri setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi.

29.19.18. Mengwujudkan Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri atau JPPN yang dianggotai oleh :-

- (a) Pengerusi Negeri.
- (b) Timbalan Pengerusi Negeri.
- (c) Naib Pengerusi Negeri.
- (d) Setiausaha Negeri.
- (e) Penolong Setiausaha Negeri.
- (f) Bendahari Negeri.
- (g) Ketua Penerangan dan Perhubungan Negeri.

Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri (JPPN) ini akan melaksanakan semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Negeri disamping bertanggungjawab dengan

tugas harian Pejabat Persatuan Negeri, dan melaporkan kepada Jawatankuasa Negeri atas semua tindakan yang telah diambil. Berkewajipan untuk memastikan kesempurnaan perjalanan Persatuan Negeri keseluruhannya.

FASAL 30 SYARAT-SYARAT KEWANGAN DAN HARTA

30.1. Selain dari Yuran Pendaftaran Ahli dan lain-lain kewangan yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi, semua kumpulan wang yang dikutip oleh Persatuan Negeri dengan usahanya sendiri akan menjadi kepunyaan Persatuan Negeri itu.

30.2. Majlis Tertinggi akan menetapkan dari semasa ke semasa peratusan dari pendapatan Negeri yang perlu diagihkan kepada Pusat dan Cawangan-Cawangan yang berada di bawah kuasa pentadbiran Negeri itu.

30.3. Bendahari Negeri hendaklah menghantar kepada Bendahari Agung peratusan kewangan yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi, yang lebih dari jumlah peratusan yang patut disimpan sebagai kumpulan wang kepunyaan Persatuan Negeri tu, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan.

30.4. Bendahari Negeri hendaklah menghantar kepada Bendahari Agung Penyata Kewangan Negeri yang telah dibentangkan dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Negeri dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat itu diadakan.

30.5. Bendahari Negeri boleh menyimpan wang tunai bagi tujuan kegunaan runcit harian Pejabat Persatuan Negeri tidak melebihi RM 500.00 pada sesuatu masa. Semua wang Persatuan yang berlebihan dari jumlah tersebut yang diterima boleh disimpan dalam tempoh tiga (3) hari sahaja dan selepas itu mestilah dimasukkan ke dalam Akaun Bank Persatuan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri.

30.6. Kuasa untuk meluluskan sebarang perbelanjaan atau pembelian Persatuan Negeri yang melibatkan satu kos pembayaran sahaja adalah seperti berikut :-

30.6.1. Pengerusi Negeri tidak melebihi RM 1,000.00

30.6.2. Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Negeri tidak melebihi RM 5,000.00

30.6.3. Jawatankuasa Negeri tidak melebihi RM 25,000.00

30.6.4. Jawatankuasa Negeri dengan persetujuan Majlis Tertinggi tidak melebihi RM 100,000.00

30.6.5. Jawatankuasa Negeri dengan persetujuan Majlis Tertinggi dan Kementerian Dalam Negeri yang melebihi RM 100,000.00

30.6.6. Lain-Lain ketetapan atau peraturan yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan permohonan.

30.7. Semua Akaun Bank hendaklah dikelolakan bersama oleh Pengerusi Negeri, Setiausaha Negeri dan Bendahari Negeri. Mesyuarat Jawatankuasa Negeri boleh menamakan Timbalan Pengerusi Negeri sebagai seorang lagi pilihan tambahan kepada Penandatanganan Cek jika ada keperluannya. Bendahari Negeri diwajibkan menandatangani seperti di bawah ini :-

30.7.1 Bersama dengan salah seorang lagi penandatanganan Cek, samada Pengerusi Negeri atau Setiausaha Negeri atau Timbalan Pengerusi Negeri (jika dinamakan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Negeri), bagi sesuatu Cek yang mempunyai nilai tidak melebihi RM 5,000.00

30.7.2. Bersama-sama dengan tandatangan Pengerusi Negeri atau Timbalan Pengerusi Negeri (jika dinamakan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Negeri) dan Setiausaha Negeri (tiga tandatangan) bagi sesuatu Cek yang nilainya melebihi RM 5,000.00

30.8. Pengerusi Negeri, Setiausaha Negeri dan Bendahari Negeri bersama-sama bertanggungjawab untuk menghantarkan ke Ibu Pejabat Pusat semua kenyataan kewangan, penyata kira-kira yang terakhir dan dokumen-dokumen yang berkaitan kepunyaan Negeri atau Cawangan-Cawangan yang ada di bawah kuasa pentadbiran Negeri itu sekiranya berlaku perintah pembubaran dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengisytiharannya diumumkan, untuk dibuat sesuatu ketetapan oleh Majlis Exco atau Majlis Tertinggi.

30.9 Di mana tidak ada disebutkan sesuatu peruntukan khusus kepada Persatuan Negeri di bawah Fasal ini, maka peraturan yang sama bagi pentadbiran Nasional hendaklah diikuti dan dipatuhi sejauhmana yang sesuai, dan jika peraturan tersebut juga tidak didapati, maka keputusan ke atas perkara-perkara kewangan yang menjadi persoalan itu akan dibuat oleh Majlis Exco atau Majlis Tertinggi dan keputusannya adalah muktamad.



FASAL 31 PERUNTUKAN UMUM NEGERI.

31.1. Dimana peruntukan bagi perkara-perkara yang ada hubungkaitnya dengan pengurusan dan Pentadbiran Negeri ataupun bagi perjalanan Persatuan pada keseluruhannya, tidak ada disebutkan di mana-mana dalam Undang

Undang Tubuh Persatuan ini atau Aturan dan Peraturan mesyuarat atau Perintah 'Am dan lain- lain, ataupun di mana peruntukan itu ada terdapat, tetapi tidak begitu menepati kepada hasratnya, ataupun huraiananya menjadi pertikaian, maka perkara tersebut hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Tertinggi menerusi Ibu Pejabat Pusat. Majlis Tertinggi berkuasa membuat pentafsiran kepada peruntukan yang terdekat untuk menepati hasrat perkara yang dimaksudkan ataupun membuat sesuatu keputusan yang paling sesuai baginya Keputusan Majlis Tertinggi itu adalah muktamad.

31.2. Perhimpunan Agung Tahunan dan Majlis Tertinggi boleh memberi arahan-arahan yang perlu kepada Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri atau Jawatankuasa Negeri mengenai perkara-perkara yang menyentuh semua bidang pengurusan dan pentadbiran Persatuan untuk dipatuhi samada arahan tersebut berpandukan kepada peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini ataupun mengikut lain-lain Perintah atau menerusi satu keputusan yang dianggap sesuai dan terbaik pada ketika itu.


FASAL 32 PERATURAN-PERATURAN KECIL (BYE-LAWS)

32.1. Jawatankuasa Negeri boleh membuat sesuatu Peraturan Kecil yang tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan dalam Undang-Undang Tubuh Persatuan atau Aturan dan Peraturannya atau mana-mana Perintah 'Am yang telah dikeluarkan, dari semasa ke semasa, dengan mendapatkan persetujuan Majlis Tertinggi terlebih dahulu sebelum melaksanakannya. Keputusan Jawatankuasa Negeri untuk berbuat demikian mestilah berdasarkan kepada kemustahakannya bagi melicinkan perjalanan urusan-urusan pentadbiran Negeri dan Cawangan-Cawangan di bawah kuasa pentadbiran Negeri itu.

32.2 Jawatankuasa Negeri juga boleh memansuhkan atau meminda mana-mana Peraturan Kecil yang dibuat di bawah Fasal 32.1 ini dengan mendapatkan persetujuan Majlis Tertinggi terlebih dahulu sebelum melaksanakannya.

32.3 Semua peraturan Kecil ini hendaklah dipatuhi selama mana dibenarkan penguatkuasaannya oleh Majlis Tertinggi.

FASAL 33 PENUBUHAN, PENGANTUNGAN DAN PEMBUBARAN PERSATUAN PBPM DI PERINGKAT CAWANGAN



33.1 Majlis Tertinggi boleh membenarkan penubuhan sebuah Cawangan Persatuan di dalam sesuatu Daerah Polis dengan syarat ianya mestilah mempunyai sekurang-kurangnya lima puluh (50) orang Ahli Biasa Persatuan. Jika penubuhan ini diluluskan oleh Majlis Tertinggi, Setiausaha Agung akan menghantarkan permohonan tersebut kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia bagi pertimbangan dan kelulusannya pula. Sesuatu Jawatankuasa Cawangan itu tidak boleh berfungsi

melainkan setelah mendapat kelulusan bertulis dari Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

33.2 Majlis Tertinggi juga boleh menimbang dan membenarkan penubuhan lebih dari sebuah Cawangan di dalam sesebuah Daerah Polis itu sekiranya Cawangan yang hendak ditubuhkan itu terletak di bawah suatu Daerah Kecil Polis atau Bahagian Polis ataupun Kawasan Polis yang diketuai oleh sekurang-kurangnya seorang Pegawai Kanan Polis yang tertakluk di bawah pentadbiran Daerah Polis yang berkenaan. Proses permohonannya adalah sama juga seperti yang disyaratkan di bawah Fasal 33.1 di atas dengan memberikan keterangan yang lengkap dan munasabah kenapa Cawangan tersebut perlu diwujudkan. Sebarang permohonan yang mempunyai kurang dari lima puluh (50) orang Ahli Biasa Persatuan adalah atas budibicara Majlis Tertinggi untuk menerima atau menolaknya.

33.3 Majlis Tertinggi dengan keputusan undi menyokong yang lebih sahaja, boleh menggantung atau membubarkan sesebuah Jawatankuasa Cawangan itu ataupun keseluruhan Cawangan itu jika :-

33.3.1. Jumlah Ahli Biasa Persatuan yang aktif di cawangan itu kurang daripada lima puluh (50) orang dalam satu tempoh Tahun Kewangan Persatuan yang berakhir pada 31hb Disember berkenaan. Sekiranya pembubaran itu berlaku secara yang demikian, maka Majlis Tertinggi hendaklah mengarahkan Jawatankuasa Negeri di mana Cawangan itu berada untuk memindahkan pendaftaran Ahli-Ahli Cawangan itu berada untuk memindahkan pendaftaran Ahli-Ahli Cawangan tersebut ke sebuah Cawangan lain yang berhampiran ataupun ke mana-mana Cawangan menurut ketetapan Jawatankuasa Negeri setelah dirundingkan dengan Majlis tertinggi, atau

33.3.2. Jawatankuasa Cawangan itu enggan mematuhi mana-mana peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan atau Perintah-Perintahnya atau keputusan mana-mana Perhimpunan Agung atau Majlis Tertinggi atau Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri atau Jawatan Negeri, ataupun jika difikirkan Jawatan Cawangan itu akan atau telah melakukan sesuatu kesalahan yang boleh merosakkan nama baik dan imej Persatuan atau memudaratkan Persatuan, atau

33.3.3. Jawatankuasa Cawangan itu tidak menurut perintah atau peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia ataupun pendaftarannya telah dibatalkan oleh Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

33.4 Sesuatu keputusan yang dibuat dibawah mana-mana peruntukan dalam Fasal 33.3 hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan menerusi Jawatankuasa Negerinya dengan surat berdaftar

dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh keputusan itu dibuat sebagai Notis Tunjuk Sebab, dan Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan menerusi Jawatankuasa Negerinya juga mestilah menjawab Notis Tunjuk Sebab itu kenapa Jawatankuasa Cawangan ataupun Cawangan itu sendiri tidak patut digantung atau dibubarkan, dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Notis tersebut. Jawapan Notis perlulah dibawa semula ke dalam mesyuarat Majlis Tertinggi dan keputusan Majlis Tertinggi adalah muktamad.

33.5 Perintah penggantungan atau pembubaran ini hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan melalui surat berdaftar dan Jawatankuasa Cawangan tersebut hendaklah memberhentikan segala kegiatan Persatuan dengan serta merta, kecuali urusan-urusan yang berkaitan dengan penggantungan atau pembubaran itu sahaja.

33.6 Adalah menjadi tanggungjawab utama Ketua, Setiausaha dan Bendahari Cawangan untuk menghantar kepada Setiausaha Negeri semua buku-buku rekod kewangan dan harta benda dan lain-lain dokumen kepunyaan Persatuan bersama-sama dengan Penyata Kewangan Cawangan yang berakhir pada tarikh perintah penggantungan atau pembubaran ini diterima dalam tempoh tiga puluh (30) selepas keputusan dibuat oleh Majlis Tertinggi.

33.7 Dalam tempoh penguatkuasaan perintah penggantungan atau pembubaran itu berjalan, Majlis Tertinggi hendaklah mengarahkan Jawatankuasa Negeri yang berkenaan untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengawas yang dianggotai oleh beberapa orang dari kalangan Jawatankuasa Negeri dengan beberapa orang Ahli Biasa dari Cawangan yang terlibat bagi menguruskan hal ehwal Cawangan tersebut sementara menantikan keputusan tindakan selanjutnya dari Majlis Tertinggi. Jawatankuasa Pengawas ini adalah bertanggungjawab terus kepada Jawatankuasa Negeri yang berkenaan dan mempunyai bidang kuasa sebagaimana yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri setelah berunding dengan Majlis Tertinggi.

33.8 Jawatankuasa Cawangan yang telah digantung ataupun Jawatankuasa Penaja yang baru bagi Cawangan yang telah dibubarkan boleh mengemukakan rayuan penyusunan semula Jawatankuasa cawangan itu dan pendaftarannya, jika berkaitan, kepada Majlis Tertinggi menerusi Jawatankuasa Negerinya dengan memberikan cadangan penyusunan semula, alasan-alasannya serta telah mematuhi semua kehendak Undang-Undang tubuh ini, terutamanya Fasal 33.6 dalam enam puluh (60) hari dari tarikh perintah penggantungan atau pembubaran itu berkuatkuasa. Tempoh yang melewati ketetapan ini adalah atas budibicara Majlis tertinggi sahaja samada untuk menerima atau menolaknya.



FASAL 34 MESYUARAT AGUNG CAWANGAN

34.1 Pekerjaan sesebuah Persatuan di peringkat Cawangan hendaklah dijalankan di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Cawangan, tetapi Mesyuarat Agung Cawangan itu sendiri adalah tertakluk di bawah Undang-Undang Persatuan dan Aturan dan Peraturan mesyuarat Persatuan ini serta Perintah-Perintah dari Majlis Tertinggi atau Jawatankuasa Negeri yang berkenaan.

34.2 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah diadakan sekali pada setiap tahun selewat-lewatnya lima belas (15) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung tahunan Perwakilan Negeri diadakan, atau pada sesuatu tempoh sepertimana yang diarahkan menerusi Surat Pekeliling `Am Persatuan yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Pusat. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang hendak diadakan diluar tempoh yang telah ditetapkan itu mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Majlis Tertinggi atau Majlis Exco. Cawangan-Cawangan yang berhasrat untuk berbuat demikian mestilah membuat permohonan bertulis ke ibu Pejabat Pusat melalui Jawatankuasa Negerinya dalam tempoh yang segera dan munasabah dengan menyatakan alasan-alasannya. Keputusan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco adalah muktamad.

34.3 Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan boleh dihadiri oleh semua Ahli Biasa Persatuan di Cawangan itu yang telah menjelaskan yuran tahunan masing-masing bagi tahun yang berkenaan dan tiada mempunyai sebarang tunggakan yuran, serta Ahli Biasa Seumur Hidup yang berdaftar di Cawangan itu.

34.4 Seorang Wakil dari Jawatankuasa Negeri yang diberikan satu surat tauliah oleh Pengerusi Negeri akan hadir sebagai Pemerhati untuk menyelia perjalanan Mesyuarat Agung Cawangan ini dari mula hingga akhir dan membuat laporan kepada Jawatankuasa Negeri dalam Borang yang dikhaskan.

34.5 Perkara-Perkara yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan adalah seperti berikut :-

34.5.1 Membentangkan catitan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang lalu, Laporan Tahunan kerja-kerja Jawatankuasa Cawangan dan Penyata Kira-Kira dan Kewangan Cawangan berakhir 31hb Disember yang telah diaudit bagi tahun sebelum Mesyuarat Agung ini diadakan.

34.5.2 Memilih seorang Pengerusi tetap Persidangan Cawangan dan seorang Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan setiap dua (2) tahun sekali mengikut syarat-syarat Fasal Kecil 34.6 di bawah.

34.5.3 Memilih Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan terdiri dari, seorang Ketua Cawangan, seorang Timbalan Ketua Cawangan dan lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan

setiap dua (2) tahun sekali mengikut syarat-syarat Fasal Kecil 34.6 di bawah.

34.5.4 Memilih dua (2) orang Juruaudit dalam setiap dua (2) tahun sekali atau mengesahkan perlantikan sebuah Firma Juruaudit yang bertauliah yang dicadangkan oleh Jawatankuasa Cawangan yang lalu sebagai Juruaudit Luar dengan menentukan kadar bayaran upahnya, atau memilih dan melantik kedua-duanya sekali untuk tempoh masa yang sama mengikut syarat-syarat Fasal Kecil 34.6 di bawah.

34.5.5 Memilih wakil-Wakil Cawangan ke Mesyuarat Agung Tahunan perwakilan Negeri seramai satu (1) orang Wakil bagi setiap dua puluh lima (25) orang Ahli Biasa di Cawangan itu yang telah menjelaskan yurannya bagi tahun yang berkenaan, sehingga tidak melebihi sepuluh (10) orang Wakil kesemuanya, tidak termasuk Ketua Cawangan atau Wakil Penggantinya, atau Ahli yang telahpun menduduki kerusi Jawatankuasa Negeri itu. Wakil-Wakil yang dipilih di luar Mesyuarat Agung Cawangan atau sebarang pertukaran yang dibuat selepas itu adalah tidak sah.

34.5.6 Mencalonkan nama-nama bertanding menduduki kerusi-kerusi Pegawai dan Ahli Jawatankuasa Negeri daripada jawatan Pengerusi Tetap Persidangan Negeri hinggalah ke jawatan Juruaudit Negeri, tidak termasuk jawatan-jawatan atas kuasa perlantikan Pengerusi Negeri.

34.5.7 Membincangkan dasar-dasar Persatuan untuk diluluskan sebagai satu cadangan atau usul bagi dikemukakan ke dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan Negeri.

34.5.8 Membincangkan rancangan-rancangan kerja dan aktiviti serta belanjawan tahunan untuk faedah Cawangan dan Ahli-Ahlinya.

34.5.9 Membincangkan perkara-perkara lain yang notisnya secara bertulis telah dihantar dan diterima oleh Setiausaha Cawangan selewat-lewatnya lima (5) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan diadakan. Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan juga boleh membenarkan Ahli-Ahli menyampaikan ucapan penangguhan mengikut ketetapan yang diputuskan oleh Pengerusi Tetap itu sendiri.

34.6 Semua pemilihan jawatan di peringkat Cawangan mengikut Fasal Kecil 34.5.2, 34.5.3 dan 34.5.4 di atas, hendaklah mematuhi peraturan dan syarat-syarat berikut :-

34.6.1 Calon-Calon yang hendak dipilih bagi jawatan-jawatan tertentu itu mestilah dicadang dan disokong oleh Ahli yang

layak hadir di Mesyuarat Agung Cawangan pada tahun pemilihan itu secara terbuka.

34.6.2 Pencalonan hendaklah dijalankan sehingga selesai pemilihannya satu per satu jawatan mengikut susunan jawatan-jawatan seperti dalam Fasal Kecil 34.5.2 , 34.5.3 dan 34.5.4 di atas.

34.6.3 Jika terdapat satu nama sahaja yang dicalonkan bagi satu-satu jawatan tertentu, maka calon tersebut hendaklah diisytiharkan sebagai menang tanpa bertanding dan dipilih kejawatan yang dicalonkan kepadanya itu.

34.6.4 Jika terdapat lebih dari satu nama yang dicalonkan bagi satu-satu jawatan tertentu, maka proses pemilihan hendaklah dijalankan menerusi pengundian yang dikelolakan oleh Pengerusi Tetap Persidangan.

34.6.5 Proses pengundian boleh dijalankan secara terbuka dengan mengangkat tangan ataupun secara sulit dengan menggunakan kertas undi mengikut kehendak atau keputusan Ahli-Ahli yang layak hadir di Mesyuarat Agung Cawangan pada hari tersebut.

34.6.6 Pengerusi Tetap Persidangan hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua (2) orang atau lebih pengira undi di kalangan para Pemerhati yang diketuai oleh Wakil Jawatankuasa Negeri yang hadir. Pengerusi Tetap Persidangan mempunyai kuasa undi pemutus jika berlaku keputusan undi yang terikat.

34.6.7 Seseorang calon yang layak dipilih atau dilantik untuk mana-mana jawatan di peringkat Cawangan mestilah seorang Ahli Biasa yang aktif atau seorang Ahli Biasa Seumur Hidup yang telah menjadi Ahli Persatuan ini tidak kurang dari dua (2) tahun serta bebas dari sebarang tindakan Mahkamah atau Disiplin Persatuan ini sebelum Mesyuarat Agung Cawangan tersebut diadakan.

34.6.8 Syarat-syarat di atas tidak melibatkan perlantikan Juruaudit Luar jika khidmatnya diperlukan.

34.7 Mesyuarat Agung Khas Cawangan mempunyai tatacara kehadiran yang sama dengan Mesyuarat Agung Tahunan cawangan, dan ianya boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut salah satu syarat-syarat di bawah ini:-

34.7.1. Apabila diperintahkan oleh Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, ataupun apabila diperintahkan oleh

Jawatankuasa Negeri setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi ataupun Majlis Exco Pusat, atau

34.7.2. Apabila Jawatankuasa Cawangan memutuskan dalam Mesyuaratnya adalah mustahak untuk diadakan, setelah alasan dan keputusannya itu mendapat sokongan dari Jawatan kuasa Negeri dan dipersetujui oleh Majlis Tertinggi ataupun Majlis Exco Pusat, atau

34.7.3. Atas permohonan bertulis dari Ahli Jawatankuasa Cawangan yang mewakili tidak kurang dari dua per tiga (2/3) daripada jumlah keseluruhan Ahli Jawatankuasa Cawangan itu, setelah alasan-alasan dan keputusannya itu mendapat sokongan dari Jawatankuasa Negeri dan dipersetujui oleh Majlis Tertinggi ataupun Majlis Exco Pusat, atau

34.7.4. Atas permohonan bertulis daripada sekurang-kurangnya tiga puluh (30) orang Ahli Biasa yang aktif dari Cawangan itu menerangkan tujuan dan sebab Mesyuarat itu patut diadakan, setelah mendapat sokongan dari Jawatankuasa Negeri dan dipersetujui oleh Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat.

34.8 Mesyuarat Agung Khas Cawangan yang diarah atau dipohon, setelah mendapat persetujuan Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, hendaklah diadakan dalam tempoh dua puluh satu (21) hari dari tarikh persetujuan itu diberikan. Setiausaha Cawangan hendaklah memanggil semua Ahli-Ahli Cawangan yang berhak hadir seperti juga penghantaran Notis Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang biasa diadakan. Jika Setiausaha Cawangan gagal berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh persetujuan diberikan oleh Majlis Tertinggi atau Majlis Exco Pusat, maka Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan diberi kuasa untuk memanggil Mesyuarat Agung Khas itu, dan jika mereka juga gagal berbuat demikian dalam tempoh empat belas (14) hari lagi, maka Pejabat Persatuan Negeri berhak memanggil Ahli-Ahli Cawangan itu hadir ke Mesyuarat Agung Khas Cawangan dengan seberapa segera yang boleh.

34.9 Mesyuarat Agung Khas Cawangan ini mestilah dihadiri oleh seorang ahli Jawatankuasa Negeri yang diberikan tauliah untuk turut serta sebagai Pemerhati Resmi dan menyelia perjalanannya dari mula hingga akhir dan membuat laporan.

34.10 Notis atau Pemberitahuan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang disertakan dengan Agenda dan Kertas-Kertas Mesyuarat termasuk Penyata Kewangan berakhir 31hb Disember yang baru lalu, hendaklah dihantar kepada Ahli-Ahli Cawangan yang berhak hadir selewat-lewatnya empat belas (14) hari sebelum tarikh Mesyuarat itu diadakan, dan Notis atau Pemberitahuan untuk Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah dihantar selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum

Mesyuarat itu diadakan.

34.11 Cukup Kuorum untuk menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan atau

Mesyuarat Agung Khas Cawangan ialah dengan kehadiran tidak kurang daripada tiga puluh (30) orang Ahli Biasa yang aktif atau Ahli Biasa Seumur Hidup Cawangan.

34.12 Dengan persetujuan Ketua Cawangan dan Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan, Ahli-Ahli Cawangan yang telah hilang hak keahliannya di Cawangan itu boleh menghadiri Mesyuarat Agung Cawangan sebagai Pemerhati dan duduk di suatu tempat yang dikhaskan kepada Pemerhati. Mereka tidak boleh mengambil sebarang bahagian di dalam Persidangan tersebut kecuali sebagai Pengira Undi jika dilantik oleh Persidangan. Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan boleh mengarahkan mana-mana Pemerhati keluar dari Dewan Persidangan jika dalam pemikiran Pengerusi Tetap kehadiran Pemerhati yang berkenaan akan mendatangkan kemudharatan kepada persidangan tersebut.

34.13 Sebarang bantahan mengenai kesahihan Mesyuarat Agung Cawangan dari mana-mana Ahli Berhak hadir di Persidangan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis menjelaskan bantahannya dengan lengkap, dan menghantar surat bantahan itu ke Pejabat Persatuan Negeri dengan satu salinannya dihantar ke Ibu Pejabat Pusat, untuk diterima dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh Mesyuarat Agung itu diadakan. Pejabat Persatuan Negeri atau Ibu Pejabat Pusat berhak menolak bantahan-bantahan yang diterima selepas tempoh yang dibenarkan itu.

FASAL 35 JAWATANKUASA CAWANGAN

35.1 Jawatankuasa Cawangan adalah yang menjalankan pentadbiran Persatuan di-peringkat Cawangan di bawah kekuasaan dan perintah Mesyuarat Agung Cawangan yang berkenaan, tetapi Mesyuarat Agung Cawangan itu sendiri adalah tertakluk kepada Undang-Undang Tubuh dan juga Aturan dan Peraturan mesyuarat Persatuan ini serta Perintah-Perintah dari Majlis Tertinggi atau Jawatankuasa Negeri.

35.2 Jawatankuasa Cawangan hendaklah mengandungi anggota-anggota berikut :-

35.2.1 Ketua Cawangan

35.2.2 Timbalan Ketua Cawangan

35.2.3 Setiausaha Cawangan

35.2.4 Penolong Setiausaha Cawangan

35.2.5 Bendahari Cawangan

35.2.6 Ketua Penerangan dan Perhubungan Cawangan

35.2.7 Ahli-Ahli jawatankuasa Biasa Cawangan yang terdiri daripada

35.2.7.1 Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Cawangan, tidak termasuk Fasal Kecil 35.2.1 dan 35.2.2 di atas.

35.2.7.2 Dua (2) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan yang dilantik oleh Ketua Cawangan, tidak termasuk Fasal Kecil 35.2.3 , 35.2.4 , 35.2.5 dan 35.2.6 di atas.

35.2.7.3 Dua (2) orang Ahli kerana Jawatan (Ex-Officio) yang berkhidmat di Daerah tersebut, iaitu seorang Pegawai PDRM Daerah yang dinamakan Ketua Daerah Polis seorang lagi Pegawai dinamakan Pegawai Daerah.

35.3. Pegawai-Pegawai Persatuan Cawangan disebutkan di bawah ini hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Cawangan setiap dua (2) tahun sekali mengikut syarat- syarat kelayakan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini :

35.3.1. Pengerusi Tetap Persidangan Cawangan.

35.3.2. Timbalan Pengerusi Persidangan Cawangan.

35.3.3. Juruaudit Dalam atau /dan Juruaudit Luar (Firma dilantik)

35.4. Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan disebutkan di bawah ini hendaklah dipilih Mesyuarat Agung Cawangan setiap dua (2) tahun sekali mengikut syarat-syarat kelayakan yang telah ditetapkan di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini :-

35.4.1. Ketua Cawangan

35.4.2. Timbalan Ketua Cawangan

35.4.3. Lima (5) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan.

35.5. Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan disebutkan di bawah ini hendaklah dilantik Ketua Cawangan, dan akan memegang jawatan tersebut selama dua (2) tahun kecuali mereka meminta berhenti atau diberhentikan oleh Ketua Cawangan pada bila-bila masa dalam tempoh tersebut tanpa

perlu memberikan sebab-sebabnya :-

35.5.1. Setiausaha Cawangan.

35.5.2. Penolong Setiausaha Cawangan.

35.5.3. Bendahari Cawangan.

35.5.4. Ketua Penerangan dan Perhubungan Cawangan.

35.5.5. Dua (2) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan.

35.6 Perlantikan dan pemberhentian mana-mana jawatan yang dibuat di bawah Fasal 35.5. oleh Ketua Cawangan hendaklah dimaklumkan kepada Ahli-Ahli yang mewakili PDRM Daerah/Pegawai Daerah serta Ahli Jawatankuasa Cawangan secepat mungkin. Sejauh mana yang boleh permakluman itu haruslah dilakukan sebelum perlantikan atau pemberhentian tersebut dibuat. Mereka boleh memberikan pandangan dan nasihat mengenai perlantikan atau pemberhentian tersebut, namun keputusan muktamad mengenainya adalah atas budibicara Ketua Cawangan jua.

35.7 Ketua Cawangan secara automatik menjadi Ahli Jawatankuasa Negeri dan Ahli Perwakilan Cawangan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri tertakluk kepada peruntukan tertentu di bawah Undang-Undang Persatuan ini.

35.8 Jika Ketua Cawangan berhenti atau diberhentikan dari jawatannya dalam tempoh ianya masih memegang jawatan atas apa-apa sebab sekali pun, Timbalan Ketua Cawangan hendaklah memangku jawatan Ketua Cawangan, dan jawatan Timbalan Ketua Cawangan yang dikosongkan itu hendaklah dipangku oleh salah seorang Ahli Jawatankuasa Cawangan yang terkanan mengikut keputusan Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Cawangan tersebut.

35.9 Jika Ketua Cawangan dan Timbalan Ketua Cawangan berhenti atau diberhentikan dari jawatan masing-masing dalam tempoh mereka masih memegang jawatan atas apa-apa sebab sekali pun, kekosongan jawatan-jawatan tersebut, hendaklah dipangku oleh mana-mana Ahli Jawatankuasa yang terkanan mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan tersebut.

35.10 Jika mana-mana Ahli Jawatankuasa Cawangan berhenti atau diberhentikan dari jawatannya dalam tempoh ianya masih memegang jawatan atas apa-apa sebab sekali pun, kekosongan jawatan tersebut hendaklah diisi oleh mana-mana Ahli Biasa Cawangan yang aktif atau Ahli Biasa Seumur Hidup mengikut keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan tersebut.

35.11 Semua kekosongan jawatan tersebut di atas hendaklah diisi oleh Pemanggunya dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh kekosongan itu berlaku, dan dalam tempoh yang sama juga Pejabat Persatuan Negeri dan Ibu Pejabat Pusat hendaklah dimaklumkan mengenai perubahan tersebut. Pemangku jawatan akan memegang jawatan tersebut sehingga Mesyuarat Agung Cawangan bagi tahun pemilihan Jawatankuasa baru berikut diadakan, ataupun sehingga menerima lain-lain arahan dari Pejabat Persatuan Negeri ataupun Ibu Pejabat Pusat.

35.12 Jawatankuasa Negeri atau Majlis Exco boleh membatalkan keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Cawangan mengenai mana-mana jawatan pemangku jika Jawatankuasa Negeri atau Majlis Exco berpendapat keadaannya memerlukan, dan berkuasa mengarahkan Jawatankuasa Cawangan untuk memanggil satu Mesyuarat Agung Khas Cawangan pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai hanya untuk memilih semula pengganti bagi mengisi jawatan yang telah dikosongkan itu sahaja.

35.13 Jika dua per tiga ($\frac{2}{3}$) atau lebih dari Ahli Jawatankuasa Cawangan meletakkan jawatan dengan serentak, maka Jawatankuasa Cawangan itu dianggap telah bubar dan Ahli Jawatankuasa yang tinggal hendaklah dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh perletakan jawatan beramai-ramai itu ataupun pada satu tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri atau Majlis Exco, mengadakan satu Mesyuarat Agung Khas Cawangan untuk menubuhkan semula Jawatankuasa Cawangan yang baru.

35.14 Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan dan selain dari tempoh itu, boleh diadakan pada sebarang masa yang lain tanpa had bilangannya jika dikehendaki oleh Ketua Cawangan ataupun dengan permintaan bertulis oleh satu per dua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah kesemua Ahli Jawatankuasa Cawangan itu sendiri.

35.15 Satu per dua ($\frac{1}{2}$) daripada jumlah kesemua Ahli Jawatankuasa Cawangan adalah menjadi cukup kuorum bagi menjalankan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.

35.16 Setiap Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Ketua Cawangan dan jika Ketua Cawangan tidak dapat hadir, maka Timbalan Ketua Cawangan hendaklah mempengerusikan mesyuarat tersebut dan jika Timbalan Ketua Cawangan juga tidak dapat hadir, maka salah seorang Ahli Jawatankuasa Cawangan yang terkanan dengan persetujuan semua yang hadir, bolehlah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan yang berkenaan pada kali itu.

35.17 Tugas-Tugas Ahli Jawatankuasa Cawangan ialah :-

35.17.1. Ketua Cawangan

(a) Menjadi Ketua Tertinggi Persatuan ini di peringkat Cawangan dan bertanggungjawab sepenuhnya atas kesempurnaan dasar dan perjalanan Persatuan dan Ahli-Ahli Cawangan.

(b) Melantik Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Ketua Penerangan dan Perhubungan Cawangan dan dua (2) orang Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan, dan bertanggungjawab atas kesempurnaan tugas-tugas mereka.

(c) Bertanggungjawab ke atas semua pegawai dan staff Pejabat Cawangan.

(d) Memanggil dan mem-pengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan atau JPPC dan lain-lain mesyuarat atau perjumpaan mengikut keperluan dan budibicara-nya.

35.17.2 Timbalan Ketua Cawangan

(a) Membantu semua tugas dan tanggungjawab Ketua Cawangan.

(b) Mempengerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan atau JPPC apabila Ketua Cawangan tidak dapat hadir.

(c) Mempengerusikan Jawa-tankuasa Kecil atau Biro-Biro yang diwujudkan oleh Jawatankuasa Cawangan.

(d) Memangku atau menjalan-kan tugas-tugas Ketua Cawangan apabila Ketua Cawangan berhenti atau diberhentikan dalam tempoh perkhidmatan jawatan itu.

35.17.3 Setiausaha Cawangan

(a) Bertanggungjawab secara langsung kepada Ketua Cawangan dalam semua urusan Persatuan di peringkat Cawangan.

(b) Menjadi Ketua Pentadbir bagi mentadbirkan semua perjalanan Pejabat Cawangan.

(c) Bertanggungjawab melaporkan kepada Ketua Cawangan semua tindakan yang diambil berhubung dengan pentadbiran Persatuan dan Ahli-ahli Cawangan.

(d) Mendapatkan persetujuan Ketua Cawangan untuk dibawa ke dalam mesyuarat JPPC mengenai pengambilan pegawai dan staff Pejabat Cawangan dan juga pemberhentian

mereka.

(e) Menyediakan Penyata Tahunan yang menerangkan perkerjaan dan kemajuan Cawangan dalam masa setahun ke setahun untuk dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan Mesyuarat Agung Cawangan.

(f) Mengambil, menyedia dan menyimpan semua nota-nota mesyuarat, buku daftar Ahli, lain-lain buku atau dokumen, fail dan apa juga kenyataan mengenai Persatuan dan hakmilik kepunyaannya.

(g) Menyimpan daftar ahli yang kemaskini yang mengandungi butir-butir lengkap.

(h) Memanggil semua mesyuarat apabila dikehendaki atau diarah oleh mana-mana pihak yang berkuasa mengikut mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Tubuh Persatuan atau Aturan dan Peraturannya.

(i) Lain-Lain tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Cawangan dari semasa ke semasa.

35.17.4. Penolong Setiausaha Cawangan

(a) Membantu untuk menjalankan semua tugas dan tanggungjawab Setiausaha Cawangan.

(b) Menjalankan lain-lain tugas seperti yang diarahkan oleh Ketua Cawangan atau Setiausaha dari semasa ke semasa.

35.17.5 Bendahari Cawangan

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesempurnaan dan pelaksanaan dasar serta penggunaan dan kawalan wang Cawangan.

(b) Merancang dan menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan untuk tindakan Jawatankuasa Cawangan.

(c) Menyedia dan membentangkan penyata kira-kira penerimaan dan perbelanjaan bulanan Cawangan kepada mesyuarat JPPC dan Jawatankuasa Cawangan.

(d) Menyedia dan membentangkan penyata kira-kira penerimaan dan perbelanjaan serta lain-lain kenyataan kewangan Cawangan berakhir pada 31hb

Disember yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit kepada JPPC, Jawatankuasa Cawangan dan Mesyuarat Agung Cawangan.

(e) Menyedia, melapor dan menyimpan semua maklumat mengenai hartabenda alih/tidak alih dan rekod/dokumen yang berkaitan, kenyataan hakmilik Cawangan kepada JPPC, Jawatankuasa Cawangan dan Pemegang Amanah, Pejabat Persatuan Negeri dan Ibu Pejabat Pusat.

(f) Menghantar penyata kewangan Cawangan kepada Pejabat Persatuan Negeri dalam tempoh tiga (3) bulan sekali.

(g) Menyimpan dan mengawal semua buku, rekod, fail baucer, resit dan lain-lain dokumen berkaitan dengan akaun dan kewangan harian Pejabat Cawangan, termasuk buku-buku cek yang sedang dan sudah dipakai.

(h) Menyimpan kira-kira Panjar Wang Runcit (Petty Cash) dalam tangan tidak melebihi RM200.00 pada sesuatu masa dan menyediakan rekod penggunaan serta baucer harian untuk dibentangkan penyata khusus baginya dalam mesyuarat JPPC dan mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.

(i) Menandatangani semua cek Cawangan sebagai penandatanganan wajib.

35.17.6 Ketua Penerangan dan Perhubungan Cawangan

(a) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kesempurnaan dan pelaksanaan dasar-dasar penerangan dan perhubungan Cawangan.

(b) Menyusun, mentadbir, mengawal, menyelia dan mengelolakan semua program penerangan dan penyiaran serta perhubungan awam Persatuan di peringkat Cawangan, dan bertanggungjawab ke atas bahan-bahan serta tindakan kakitangan atau agensi-agensi yang melaksanakannya.

(c) Menyediakan Laporan aktiviti dan kegiatan serta berita-berita semasa bulanan Cawangan untuk makluman dan tindakan JPPC dan Jawatankuasa Cawangan.

(d) Bertanggungjawab meng-hantar ke Pejabat Persatuan Negeri laporan aktiviti dan berita semasa Cawangan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh tiga (3) bulan.

(e) Menyelidik, mengkaji, mengumpul, menyusun dan membukukan semua maklumat dan gambar-gambar mengenai sejarah Persatuan, Ahli-Ahli dan bekas-bekas pejuang yang telah berjasa dan lain-lain bahan yang berkaitan di Cawangan itu.

35.17.7 Ahli Jawatankuasa Biasa Cawangan

(a) Menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan mengambil bahagian dalam semua perbincangan permesyuaratan Cawangan.

(b) Membuat keputusan bersama dalam semua hal ehwal Persatuan di peringkat Cawangan dan sama-sama memastikan pelaksanaan keputusan tersebut.

(c) Mengambil bahagian dalam semua kegiatan Persatuan dan menjalankan tugas-tugas tertentu untuk kepentingan Persatuan seperti yang diarahkan oleh Ketua Cawangan atau atas keputusan mesyuarat Jawatankuasa Cawangan.

35.17.8 Ahli Ex Officio

(a) Sebagai pemerhati tanpa mempunyai kuasa eksekutif dalam hal ehwal pengurusan dan pentadbiran Cawangan.

(b) Boleh memberi teguran, cadangan, pandangan dan nasihat dalam semua permesyuaratan yang dihadiri bagi membantu memperkemas, melicinkan dan menjayakan perjalanan serta program-program Cawangan.

(c) Menjadi pemudahcara pengantara hubungan dua hala Cawangan / Jabatan dalam semua hal ehwal pekerjaan dan kepentingan Cawangan yang mempunyai kaitan dengan Jabatan yang berkenaan.

(d) Tiada mempunyai kuasa mengundi dalam semua permesyuaratan Cawangan yang dihadiri.

35.18 Tanggungjawab, Kuasa-Kuasa dan Kewajipan Jawatankuasa Cawangan ialah :-

35.18.1. Bertanggungjawab untuk merancang dan membentuk cadangan dasar mengenai kebajikan, ekonomi, pendidikan, sosial, kebudayaan dan lain-lain bidang yang dibenarkan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Agung Cawangan bagi diambil satu-satu ketetapan sebelum dimajukan kepada pertimbangan Jawatankuasa Negeri.

35.18.2. Berkuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang tidak bertentangan dengan mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Persatuan ini untuk menentukan pengwujudan dan perantikan Ahli- Ahli bagi Jawatankuasa Kecil atau Biro, dan menyenaraikan garis panduan kuasa serta skop tugas dan tindakan mereka di peringkat Cawangan.

35.18.3. Menjalankan sebarang usaha bersama-sama dengan Badan-Badan atau Pertubuhan-Pertubuhan lain yang sah dan berdaftar di peringkat Cawangan dengan syarat ianya tidak melanggar mana-mana peruntukan di bawah Undang-Undang Persatuan ini dan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Negeri dengan persetujuan Majlis Tertinggi.

35.18.4. Melantik Ahli-Ahli bagi mewakili Cawangan dalam sebarang organisasi, perkumpulan, perjumpaan atau majlis dan sebagainya, yang diadakan secara sah atau dijemput menyertai, di peringkat Cawangan setelah dipersetujui oleh JPPN.

35.18.5. Menerima, menimbang dan membuat cadangan seseorang bekas polis untuk menjadi Ahli Cawangan, dan memajukan Borang Permohonannya ke Ibu Pejabat Pusat melalui Pejabat Persatuan Negeri.

35.18.6. Menerima, menimbang dan membuat keputusan ke atas sebarang perkara perselisihan atau pergeseran di antara Ahli-Ahli Cawangan yang berkaitan dengan hal ehwal Persatuan.

35.18.7. Melapor kes dan mencadangkan penggantungan atau pemecatan seseorang Ahli Cawangan kepada Jawatankuasa Negeri kerana melakukan mana-mana kesalahan di bawah peruntukan Undang - Undang Tubuh Persatuan ini.

35.18.8. Menamatkan khidmat seseorang Ahli Jawatankuasa Cawangan dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua per tiga (2/3) daripada jumlah Ahli Jawatan-kuasa Cawangan kesemuanya, sekiranya didapati Ahli tersebut telah bertindak bertentangan dengan dasar atau Undang-Undang Tubuh Persatuan ini atau mana - mana Aturan dan Peraturan serta Perintah-Perintah Persatuan, ataupun Ahli itu tidak menjalankan kewajibannya dengan sempurna atau tidak bertepatan dengan aspirasi dan harapan semua pihak yang memungkinkan datangnya kemudharatan kepada Persatuan. Ahli yang diberhentikan itu boleh digantikan dengan yang lain untuk selama tempoh jawatan itu dengan persetujuan Jawatan-kuasa Cawangan.

35.18.9. Menjalankan kehendak Undang-Undang Tubuh Persatuan ini, Aturan dan Peraturan Mesyuarat serta perintah-perintahnya dengan betul dan sempurna.

35.18.10. Menerima, menimbang dan membuat cadangan kepada Jawatankuasa Negeri ke atas semua rayuan dari mana-mana pihak yang telah ditolak permohonan keahliannya, atau dari mana-mana Ahli yang telah dijatuhkan hukuman oleh Jawatankuasa Disiplin Negeri.

35.18.11. Menerima dan mendaftarkan keahlian seseorang yang telah tidak disokong oleh Cawangan setelah diarahkan oleh Jawatankuasa Negeri atau Majlis Tertinggi.

35.18.12. Berkuasa melantik dan memberhentikan mana-mana Ahli Pemegang Amanah Cawangan pada bila-bila masa atas sebab-sebab tertentu.

35.18.13. Berkewajipan menyedia, membincang dan meluluskan untuk pembentangan di Mesyuarat Agung Cawangan satu Laporan yang mengandungi catitan Minit Mesyuarat Agung Cawangan yang lalu, Penyata Tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam tempoh setahun serta Penyata Kewangan yang berkaitan telah diaudit.

35.18.14. Berkewajipan menghantar kepada semua Ahli Cawangan yang berhak menerimanya, satu Laporan seperti Fasal 35.18.13 bersama - sama tahunan Cawangan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung bagi tahun itu diadakan.

35.18.15. Memeriksa dan memastikan Penyata Kewangan Cawangan, Borang 9 yang telah dilengkapkan dan lain-lain dokumen yang berkaitan, dikemaskini dengan sempurna dan dihantar ke Pejabat Persatuan Negeri dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan itu diadakan.

35.18.16. Merangka dan meluluskan anggaran belanjawan tahunan Cawangan, dan menetapkan nama-nama yang ditauliahkan untuk menandatangani cek-cek Cawangan serta menetapkan cara dan Bank tempat menyimpan wang Cawangan. Juga berkewajipan mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Cawangan nama Firma yang bertauliah untuk dijadikan Juruaudit Luar, jika diperlukan.

35.18.17. Mengwujudkan Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Cawangan atau JPPC yang dianggotai oleh :-



- (a) Ketua Cawangan.
- (b) Timbalan Ketua Cawangan
- (c) Setiausaha Cawangan.
- (d) Penolong Setiausaha Cawangan
- (e) Bendahari Cawangan.
- (f) Ketua Penerangan dan Perhubungan Cawangan.

Jawatan Pengurusan dan Pentadbiran Cawangan (JPPC) ini akan melaksanakan semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Cawangan di-samping bertanggungjawab dengan tugas-tugas harian Pejabat Cawangan, dan melaporkan semula kepada Jawatankuasa Cawangan atas semua tindakan yang telah diambil. Berkewajipan untuk memastikan kesempurnaan perjalanan Cawangan pada keseluruhannya.

FASAL 36 SYARAT-SYARAT KEWANGAN DAN HARTA

36.1 Selain dari Yuran Pendaftaran Ahli dan lain-lain kewangan yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi, semua kumpulan wang yang dikutipkan atau diterima oleh Cawangan dengan usahanya sendiri akan menjadi kepunyaan Cawangan itu.

36.2 Majlis Tertinggi akan menetapkan dari semasa ke semasa peratusan dari pendapatan atau penerimaan Cawangan yang perlu diagihkan kepada Pusat dan Negeri.

36.3 Bendahari Cawangan hendaklah menghantar kepada Bendahari Agung dan Bendahari Negeri peratusan kewangan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi, yang lebih dari jumlah peratusan yang patut disimpan sebagai kumpulan wang kepunyaan Cawangan itu, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh penerimaan.

36.4 Bendahari Cawangan hendaklah menghantar kepada Bendahari Negeri Penyata Kewangan Cawangan yang telah dibentang dan diluluskan dalam setiap Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh Mesyuarat itu diadakan.

36.5 Bendahari Cawangan boleh menyimpan wang tunai Cawangan bagi tujuan kegunaan runcit harian Cawangan tidak melebihi RM 200.00 pada sesuatu masa. Semua wang Persatuan yang berlebihan dari jumlah tersebut yang diterima boleh disimpan dalam tempoh tiga (3) hari sahaja dan selepas itu mestilah dimasukkan ke dalam akaun bank Cawangan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Cawangan.

36.6 Kuasa untuk meluluskan sebarang perbelanjaan atau pembelian Cawangan yang melibatkan satu kos pembayaran sahaja adalah seperti berikut :-

36.6.1. Ketua Cawangan tidak melebihi RM500.00

36.6.2. Jawatankuasa Pengurusan dan Pentadbiran Cawangan tidak melebihi RM 2,000.00

36.6.3. Jawatankuasa Cawangan tidak melebihi RM 5,000.00

36.6.4. Jawatankuasa Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Negeri tidak melebihi RM 25,000.00

36.6.5. Jawatankuasa Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Negeri dan Majlis Tertinggi tidak melebihi RM 100,000.00

36.6.6. Lain-lain ketetapan atau peraturan yang diputuskan oleh Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan permohonan.

36.7 Semua Akaun Bank Cawangan hendaklah dikelolakan bersama oleh Ketua Cawangan, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan. Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan boleh menamakan Timbalan Ketua Cawangan sebagai seorang lagi pilihan tambahan kepada Penandatangan Cek Cawangan jika ada keperluannya. Bendahari Cawangan diwajibkan menandatangani semua Cek Cawangan disamping pilihan tandatangan seperti di bawah ini :-

36.7.1 Bersama dengan salah seorang lagi penandatangan Cek, samada Ketua Cawangan atau Timbalan Ketua Cawangan (jika dia dinamakan oleh Jawatankuasa Cawangan sebagai tambahan) atau Setiausaha Cawangan, bagi sesuatu Cek yang nilainya tidak melebihi RM 2,000.00

36.7.2 Bersama-sama dengan tandatangan Ketua Cawangan atau Timbalan ketua Cawangan (jika dia dinamakan oleh Jawatankuasa Cawangan sebagai tambahan) dan Setiausaha Cawangan (tiga tandatangan) bagi sesuatu Cek yang nilainya melebihi RM 2,000.00

36.8 Ketua Cawangan, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan bersama-sama ber-tanggungjawab untuk menghantarkan ke Pejabat Persatuan Negeri semua kenyataan kewangan, penyata kira-kira yang terakhir dan dokumen-dokumen yang berkaitan kepunyaan Cawangan sekiranya berlaku perintah pembubaran, dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh pengisytiharannya, untuk dibuat sesuatu ketetapan oleh Jawatankuasa Negeri atau Ibu Pejabat Pusat.

36.9 Di mana tidak ada disebutkan sesuatu peruntukan khusus kepada

Cawangan di bawah Fasal ini, maka peraturan yang sama bagi pentadbiran peringkat Nasional hendaklah diikuti dan dipatuhi sejauh mana yang sesuai, dan jika peraturan tersebut juga tidak didapati, maka keputusan ke atas perkara-perkara kewangan yang menjadi persoalan itu akan dibuat oleh Majlis Exco atau Majlis Tertinggi, dan keputusannya adalah muktamad.

FASAL 37 PERUNTUKAN UMUM CAWANGAN

37.1 Di mana peruntukan bagi perkara-perkara yang ada hubungkaitnya dengan pentadbiran Cawangan ataupun bagi perjalanan Persatuan pada keseluruhannya, tidak ada disebutkan di mana-mana dalam Undang-Undang Tubuh Persatuan ini, atau di bawah Aturan dan Peraturan mesyuarat, atau Perintah 'Am dan lain-lain, ataupun di mana peruntukan itu ada terdapat, tetapi tidak begitu menepati maka perkara tersebut hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Majlis Tertinggi melalui Jawatankuasa Negeri dan Ibu Pejabat Pusat. Majlis Tertinggi berkuasa membuat pentafsiran kepada peruntukan yang terdekat untuk menepati hasrat perkara yang dimaksudkan, ataupun membuat sesuatu keputusan yang paling sesuai baginya. Keputusan Majlis Tertinggi itu adalah muktamad.

37.2 Perhimpunan Agung Tahunan dan Majlis Tertinggi boleh memberi arahan-arahan yang perlu kepada Mesyuarat Agung Cawangan atau Jawatankuasa Cawangan menerusi Jawatankuasa Negeri mengenai mana-mana perkara yang menyentuh semua bidang pengurusan dan pentadbiran Persatuan untuk dipatuhi, samada arahan tersebut berpandukan kepada peruntukan Undang-Undang Tubuh Persatuan ini ataupun mengikut lain-lain Perintah atau menerusi satu keputusan yang dianggap sesuai dan terbaik pada ketika itu.

FASAL 38 PERINTAH 'AM

38.1. Perhimpunan Agung atau mesyuarat Majlis Tertinggi atau Majlis Exco boleh mengeluarkan sebarang perintah atau arahan menerusi Surat Pekeliling 'Am atau surat biasa Ibu Pejabat Pusat kepada Jawatankuasa Negeri atau Cawangan berhubung dengan perkara-perkara pengurusan dan pentadbiran atau kewangan lanjutan dari huraian yang sedia ada di bawah peruntukan Undang-Undang Tubuh ini, di peringkat masing-masing, pada bila-bila masa jika terdapat keperluan yang mendesak dan mustahak bagi kepentingan persatuan keseluruhannya.

38.2. Jika kandungan perintah atau arahan itu menyentuh soal dasar Persatuan, ianya hendaklah diikuti dan dipatuhi terlebih dahulu oleh semua pihak sehingga disahkan atau dirombak semula oleh keputusan Perhimpunan Agung berikutnya.

FASAL 39 PERNIAGAAN

39.1. Semua peringkat Persatuan ini dilarang menjalankan sebarang aktiviti perniagaan yang melibatkan nama Persatuan ini secara langsung.

39.2. Persatuan dibenarkan terlibat secara tidak langsung dalam aktiviti perniagaan menerusi salah satu cara atau kesemuanya sekali seperti yang disebutkan di bawah ini :-

39.2.1. Menubuhkan anak syarikat seratus peratus kepunyaan Persatuan dan didaftarkan dengan Pendaftar Syarikat Malaysia.

39.2.2. Menubuhkan koperasi yang dianggotai sepenuhnya oleh Ahli-Ahli Persatuan dan didaftarkan dengan Jabatan Pembangunan Koperasi.

39.2.3. Menubuhkan Yayasan yang pelaburannya dibiayai sepenuhnya oleh Persatuan dan didaftarkan samada di bawah Pendaftar Syarikat Malaysia atau Pendaftar Pertubuhan Malaysia.


39.3. Persatuan tidak dibenarkan melabur atau membeli saham dalam syarikat lain atau koperasi atau yayasan selain daripada kepunyaan Persatuan sendiri, kecuali dengan kebenaran bertulis dari Majlis Tertinggi setelah mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

39.4. Anak syarikat, koperasi ataupun yayasan kepunyaan Persatuan tidak dibenarkan menjalankan usahasama atau rakan kongsi atau rakan konsortium dengan mana-mana pihak individu atau syarikat kedua atau ketiga, kecuali dengan kebenaran bertulis dari Majlis Tertinggi setelah mematuhi semua syarat yang ditetapkan.

39.5. Persatuan atau anak syarikatnya, koperasi atau yayasan tidak dibenarkan menandatangani apa-apa surat perjanjian dengan mana-mana pihak kedua atau ketiga sebelum deraf perjanjian itu diluluskan oleh Majlis Tertinggi.

39.6. Majlis Tertinggi berkuasa menambah atau meminda mana-mana peruntukan di bawah Fasal ini pada bila-bila masa untuk dipatuhi oleh semua peringkat Persatuan, jika didapati tindakan itu perlu dan mendesak bagi menjaga kepentingan Persatuan pada keseluruhannya. Penambahan atau pindaan hendaklah diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 40 PINJAMAN



40.1. Semua peringkat Persatuan tidak dibenarkan memberi pinjaman wang dari kumpulan wang Persatuan, atau memberi pinjam barang-barang kepunyaan persatuan secara percuma atau dengan sewa, atau mencagarkan, atau memajak atau menukar kepada sesiapa pun termasuk Ahli Persatuan ini.

40.2. Semua peringkat Persatuan tidak dibenarkan membuat sebarang bentuk pinjaman wang dari sesiapa, termasuk mana-mana Institusi Kewangan, atas nama Persatuan bagi sebarang tujuan kecuali setelah mendapat kelulusan Majlis tertinggi.

FASAL 41 SYARAT TAMBAHAN UNTUK MEMINDA UNDANG-UNDANG PERSATUAN INI

Permohonan untuk membuat sebarang tambahan, perubahan atau pindaan kepada Undang-Undang Persatuan ini, jika tidak ada disebutkan di mana-mana dalam peruntukan yang sedia ada, hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan Malaysia dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh keputusan dibuat oleh Perhimpunan Agung.

FASAL 42 TATATERTIB DAN ETIKA

Mana-mana pegawai atau Ahli Jawatankuasa yang telah dipilih atau dilantik di peringkat masing-masing yang tidak menghadiri mesyuarat di peringkatnya sebanyak tiga (3) kali berturut-turut tanpa memberikan alasan yang kukuh dan munasabah serta diterima oleh Jawatankuasanya, akan sendirinya gugur daripada menjadi Pegawai atau Ahli Jawatankuasa di peringkatnya itu setelah diberikan surat tunjuk sebab.

FASAL 43 SERAH MENYERAH TUGAS.

Apabila berlaku peralihan atau penyerahan jawatan di dalam mana-man peringkat, serah menyerah tugas hendaklah dilakukan oleh yang berkenaan kepada penggantinya secara bertulis dengan menyatakan butir-butir serahan secara lengkap, dan disaksikan oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang Ahli Jawatankuasa yang kanan di peringkat yang berkaitan.

FASAL 44 MUFLIS



Bekas Polis atau Ahli yang telah diisytiharkan Muflis boleh menjadi Ahli atau meneruskan keahliannya di dalam Persatuan tetapi tidak dibenarkan memegang sebarang jawatan dalam semua peringkat Persatuan sehingga selepas dua (2) tahun perintah Muflis ke atasnya ditarik semula oleh pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

FASAL 45 KURANG SIUMAN

Mana-mana Ahli yang disahkan mengidap penyakit tidak siuman oleh mana-mana pakar perubatan, boleh terus menjadi Ahli tetapi tidak dibenarkan memegang sebarang jawatan dalam Persatuan ini.

FASAL 46 KEWARGANEGARAAN

Semua Pegawai dan Ahli Jawatankuasa yang dipilih atau dilantik untuk memegang sebarang jawatan dalam semua peringkat Persatuan ini mestilah seorang Warganegara Malaysia.

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized 'S' followed by a vertical line and a small flourish at the bottom.

LAMPIRAN

1. Bendera

-

2. Lambang

-

3. Lencana

-



PERSATUAN BEKAS POLIS MALAYSIA
ATURAN DAN PERATURAN MESYUARAT
AGUNG SEMUA PERINGKAT

Perkara 1 : DEFINISI

Bagi penggunaan dan kehendak Aturan Peraturan dan Mesyuarat ini, maka :-

(a) PBPM	Bermakna	Persatuan Bekas Polis Malaysia.
(b) PERATURAN	Bermakna	Peraturan Mesyuarat
(c) PENCADANG	Bermakna	Ahli yang membawa sebarang cadangan.
(d) PENYOKONG	Bermakna	Ahli yang menyokong sebarang cadangan.
(e) Pengerusi Tetap	Bermakna	Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung PBPM
(f) TIM. Pengerusi Tetap	Bermakna	Timbalan Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung PBPM
(g) PRESIDEN	Bermakna	Presiden PBPM
(h) AHLI MAJLIS TERTINGGI	Bermakna	Ahli Majlis Tertinggi PBPM
(i) SETIAUSAHA	Bermakna	Setiausaha Agung PBPM
(j) WAKIL ATAU PERWAKILAN	Bermakna	Seorang yang dipilih menjadi Ahli Perwakilan Perhimpunan Agung PBPM
(k) AHLI	Bermakna	Seorang ahli Perhimpunan Agung PBPM
(l) PERHIMPUNAN	Bermakna	Perhimpunan Agung PBPM
(m) MINIT	Bermakna	Minit Perhimpunan Agung PBPM.

Apabila peraturan ini dipakai diperingkat PBPM Negeri, maka perkataan-perkataan yang tertentu mulai (e) hingga (m) di atas didalam peraturan ini hendaklah dimaksudkan sebagaimana di bawah ini.

PENGERUSI TETAP	Dimaksudkan	Pegerusi Tetap Perwakilan Negeri.
TIMBALAN PENERUSI TETAP	Dimaksudkan	Timbalan Pengerusi Tetap Mesyuarat Perwakilan Negeri.
PRESIDEN	Dimaksudkan	Pengerusi PBPM Negeri
AHLI MAJLIS TERTINGGI	Dimaksudkan	Ahli Jawatankuasa Negeri.
SETIAUSAHA	Dimaksudkan	Setiausaha Negeri.
WAKIL	Dimaksudkan	Seorang yang dipilih menjadi Ahli Perwakilan Negeri.
AHLI	Dimaksudkan	Seorang Ahli dalam Perwakilan Negeri.
PERSIDANGAN	Dimaksudkan	Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri.
PERINGATAN	Dimaksudkan	Peringatan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri.

Apabila peraturan ini dipakai diperingkat cawangan, maka Perkataan-perkataan yang tertentu mulai (e) hingga (m) di atas hendaklah dimaksudkan sebagaimana di bawah ini :-

PENGERUSI TETAP	Dimaksudkan	Pegerusi Persidangan Cawangan.
TIMBALAN PENERUSI TETAP	Dimaksudkan	Timbalan Pengerusi Persidangan Cawangan
PRESIDEN	Dimaksudkan	Ketua Cawangan

AHLI MAJLIS TERTINGGI	Dimaksudkan	Ahli Jawatankuasa Cawangan.
SETIAUSAHA	Dimaksudkan	Setiausaha Cawangan.
WAKIL	Dimaksudkan	Ahli-Ahli Cawangan.
AHLI	Dimaksudkan	Ahli Persidangan Cawangan.
PERSIDANGAN	Dimaksudkan	Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan
PERINGATAN	Dimaksudkan	Peringatan Mesyuarat Agung Cawangan

Perkara 2 : KUASA PERATURAN

Pekerjaan dan tertib menjalankan Persidangan hendaklah menurut peraturan ini. Jika berbangkit sebarang masalah yang tidak disebutkan dalam peraturan ini maka Pengerusi Tetap berkuasa membuat keputusan dan keputusannya itu adalah muktamad.

Perkara 3 : PENGERUSI

- (a) Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi tetap hendaklah dipilih tiap-tiap tiga (3) tahun sekali di dalam Perhimpunan Tahunan untuk Perhimpunan Agung Pusat dan Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri, dan tiap-tiap dua (2) tahun untuk Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan. Pemilihan Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap bolehlah dijalankan samada dengan undi sulit atau dengan cara mengangkat tangan mengikut kehendak Persidangan.
- (b) Perhimpunan Agung dalam persidangannya berkuasa memberhentikan Pengerusi Tetap atau Timbalan Pengerusi Tetap dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga daripada bilangan ahli yang hadir dan berkuasa memilih gantinya.

- (c) Pengerusi Tetap yang dipilih di bawah Perkara 3 ini hendaklah menjadi Pengerusi dalam sebarang persidangan, melainkan jika Pengerusi itu tidak hadir, maka Timbalan Pengerusi Tetap hendaklah mengambil tempatnya. Sekiranya kedua-dua Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap tidak hadir, maka Setiausaha berkuasa menjalankan Persidangan bagi memilih seorang daripada ahli yang hadir menjadi Pengerusi bagi persidangan itu sahaja.
- (d) Jika kedua-dua Pengerusi Tetap dan Timbalan Pengerusi Tetap berhenti serentak maka Setiausaha hendaklah menjalankan Persidangan itu bagi memilih Pengerusi dan Timbalan Pengerusi yang baru. Kedua-duanya akan memegang jawatan-jawatan itu selama (3) tahun mengikut Peraturan bilangan 3 di atas. Jika salah seorang daripadanya berhenti, maka Persidangan hendaklah memilih gantinya.

Perkara 4 : **PERSIDANGAN**

- (a) Persidangan Tahunan hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun menurut Perlembagaan PBPM.
- (b) Lain-lain Persidangan boleh diadakan pada bila-bila masa mengikut Fasal 14.5 Undang-Undang Tubuh PBPM.

Perkara 5 : **BAHASA PERSIDANGAN**

Bahasa yang digunakan dalam persidangan ialah bahasa Malaysia, tetapi perkataan-perkataan dari bahasa lain bolehlah digunakan oleh ahli-ahli jika difikirkan mustahak untuk menguatkan hujah-hujah dalam ucapannya, tetapi perkataan-perkataan itu seboleh-bolehnya hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Malaysia.

Perkara 6 : **TEMPAT DAN MASA MEMULAKAN PERSIDANGAN**

- (a) Persidangan hendaklah dimulakan pada hari dan waktu di tempat yang telah ditentukan oleh Presiden.
- (b) Setiausaha hendaklah memberitahu kepada tiap-tiap ahli dengan bersurat sekurang-kurangnya (30) hari terlebih dahulu daripada hari diadakan Persidangan, akan tetapi jika ada sesuatu perkara yang mustahak berkuasalah Presiden memanggil Perhimpunan Agung dengan mengeluarkan pemberitahuan di dalam tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) hari.

Perkara 7 : **SUSUNAN PERKARA MESYUARAT**

- (a) Setiausaha hendaklah memberitahu dengan bersurat kepada tiap-tiap ahli sekurang-kurangnya empat belas (14) hari terlebih dahulu daripada hari persidangan berserta susunan perkara persidangan berserta dengan cadangan-cadangan, akan tetapi jika ada sebab-sebab mustahak pada fikiran Presiden, susunan perkara persidangan itu bolehlah dihantarkan kurang daripada empat belas (14) hari
- (b) Urusan Majlis Tertinggi hendaklah didahulukan daripada urusan-urusan lain, dan urusan Majlis Tertinggi hendaklah diaturkan mengikut sebagaimana yang baik pada pertimbangan Pengerusi Tetap tetapi dengan tidak mengindahkan sebarang syarat lain di dalam peraturan persidangan, boleh menentukan sesuatu kerja itu didahulukan dengan tidak payah mengikut susunan yang telah ditetapkan.

Perkara 8 : **PEMBERITAHUAN USUL**

- (a) Dalam peraturan mesyuarat jika sesuatu perkara itu berkehendakkan pemberitahuan maka hendaklah dikemukakan pemberitahuan itu di

Pejabat Setiausaha dalam masa kerja. Sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari sebelum tarikh Persidangan.

- (b) Tiap-tiap pemberitahuan usul itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha atau Pengerusi Negeri.
- (c) Kecuali sebagaimana yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat, apa-apa pemberitahuan usul hendaklah disampaikan tidak kurang daripada dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu, tetapi jika usul itu atas nama Majlis Tertinggi maka memadai dengan dikeluarkan pemberitahuan tujuh (7) hari sahaja terlebih dahulu dan pula jika Pengerusi Tetap berpuas hati setelah diterangkan kepadanya oleh seseorang Ahli Majlis Tertinggi iaitu bagi faedah ramai, sesuatu usul itu mustahak dibahaskan dengan seberapa segeranya, maka memadai dikeluarkan pemberitahuan itu pada hari persidangan itu.
- (d) Jika pada fikiran Pengerusi Tetap sesuatu pemberitahuan yang diterima oleh Setiausaha itu melanggar apa-apa syarat Peraturan-Peraturan mesyuarat ini maka bolehlah Pengerusi Tetap memerintahkan;
 - (i) Pemberitahuan itu dicapkan dengan apa-apa pindaan yang diperintahkannya atau;
 - (ii) Pemberitahuan itu dikembalikan kepada ahli yang menandatangani oleh kerana pada fikiran Pengerusi Tetap pemberitahuan itu menyalahi peraturan;
 - (iii) Dengan tertakluk kepada syarat-syarat dalam usul atau pindaan-pindaan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha dengan bersurat.

Perkara 9 : **MENANGGUHKAN TARIKH PERSIDANGAN**

Jika dengan sebab sesuatu kesukaran tidak dapat diadakan persidangan pada hari yang ditentukan itu maka bolehlah Persidangan itu ditangguhkan pada hari dan waktu yang ditetapkan oleh Presiden, dan Setiausaha hendaklah memberitahu dengan bersurat kepada ahli-ahli di dalam masa tidak lewat daripada 7 hari terlebih dahulu daripada hari yang ditentukan oleh Presiden bagi mengadakan Persidangan itu.

Perkara 10 : **CUKUP KUORAM**

- (i) Cukup bilangan (kuoram) bagi sebarang Perhimpunan Agung Pusat ialah ahli-ahli yang hadir mewakili (1/2) bilangan PBPM Negeri. Mesyuarat Agung Perwakilan Negeri ahli-ahli yang hadir mewakili (1/2) bilangan Cawangan-Cawangan dalam Negeri itu. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan kehadiran ahli-ahli tidak kurang (30) orang ahli biasa. Sekiranya tidak cukup bilangan (1/2) lamanya daripada waktu yang ditetapkan maka Pengerusi Tetap boleh menangguhkan persidangan itu kepada suatu masa lain. Tapi sekiranya ada sebab-sebab yang mustahak bolehlah ia menjalankan persidangan itu setelah berunding dengan Presiden, dan keputusan Pengerusi Tetap atas perkara itu muktamad.
- (ii) Perbahasan dalam persidangan tidak boleh dijalankan melainkan ada sekurang-kurangnya (1/2) daripada jumlah ahli yang menjadikan cukup bilangan kuoram berada di tempat persidangan itu.

Perkara 11 : **SURAT TAULIAH**

Setiausaha boleh meminta seseorang ahli menunjukkan surat tauliahnya terlebih dahulu sebelum mereka mengambil tempat dalam persidangan bagi mengesahkan keahliannya dalam Persidangan tersebut.

Perkara 12 : **ORANG LUAR**

- (a) Orang-orang luar yang bukan ahli Persidangan boleh dibenarkan masuk ke dalam tempat Persidangan dengan kebenaran Setiausaha dan duduk di tempat pemerhati yang disediakan.
- (b) Pengerusi Tetap berkuasa menjalankan persidangan dengan cara tertutup dan ia berkuasa meminta orang-orang luar meninggalkan tempat-tempat Persidangan.
- (c) Sebarang ahli boleh membuat teguran atas adanya orang-orang luar dalam Persidangan atau pun Persidangan Jawatankuasa yang dijalankan secara tertutup, dan Pengerusi Tetap hendaklah menentukan orang itu meninggalkan tempat Persidangan.

Perkara 13 : **ATURAN DAN URUSAN MESYUARAT**

Susunan acara persidangan ialah seperti di bawah kecuali Persidangan menetapkan aturan lain :-

- (a) Bacaan doa selamat
- (b) Membentangkan peringatan Persidangan yang lalu (Minit Mesyuarat yang lalu);
- (c) Ucapan Presiden;
- (d) Pesanan Pengerusi Tetap;
- (e) Membentangkan kertas-kertas Persidangan (Penyata tahunan, Aktiviti dan Kegiatan);
- (f) Membentangkan Penyata Kewangan yang berakhir pada 31hb Disember;
- (g) Memilih Pegawai-Pegawai dan Ahli Jawatankuasa;
- (h) Penerangan daripada Ahli Majlis Tertinggi;

- (i) Cadangan-cadangan yang telah diberitahu terlebih dahulu untuk diputuskan;
- (j) Tangguhan Persidangan.

Perkara 14 : **PERINGATAN PERSIDANGAN**

- (a) Peringatan hendaklah dibentangkan dalam persidangan, ianya tidak memerlukan perbahasan.
- (b) Peringatan Persidangan hendaklah mengandungi tarikh, masa dan tempat Persidangan serta nama tiap-tiap Ahli yang hadir dalam segala keputusan Persidangan.
- (c) Adalah menjadi tanggungjawab Setiausaha menyimpan dengan sempurna Peringatan dan lain-lain kertas yang dibentangkan dalam Persidangan serta butir-butir dan keputusannya.
- (d) Setiausaha hendaklah menyimpan sebuah buku yang mengandungi segala cadangan yang telah dibawa dalam Persidangan serta butir-butir dan keputusannya.

Perkara 15 : **MEMBENTANGKAN KERTAS KERTAS PERSIDANGAN**

- (a) Semua kertas Persidangan hendaklah dibentangkan dalam persidangan oleh salah seorang Ahli Majlis Tertinggi atau oleh Pengerusi sesebuah Jawatankuasa Khas dan perkara mengenai kertas-kertas itu dimasukkan dalam peringatan.
- (b) Sebarang ahli yang membentangkan sesuatu kertas bolehlah membuat keterangan yang ringkas atas kandungan kertas itu tetapi tidak boleh membangkitkan apa-apa perbahasan di atasnya.
- (c) Semua kertas-kertas yang dibentangkan dalam Persidangan bukannya untuk dibahaskan bagi mendapatkan apa-apa keputusan, hanya sebagai makluman.

Perkara 16 : **PENANGGUHAN PERSIDANGAN**

Persidangan boleh ditangguhkan pada sebarang masa oleh Pengerusi Tetap atau dengan cadangan oleh seseorang ahli yang disokong dan dipersetujui oleh persidangan.

Perkara 17 : **UCAPAN PENANGGUHAN**

Ahli-ahli boleh dibenarkan bercakap atas sebarang perkara yang berhubung dengan pergerakan Persatuan dengan persetujuan Pengerusi Tetap, termasuk membuat teguran atau pandangan mengenai Peringatan Persidangan yang lalu dan isi kandung kertas Persidangan.

Perkara 18 : **MEMBERITAHU PERTANYAAN**

Seseorang ahli yang hendak mengemukakan sesuatu pertanyaan hendaklah menghantarkan pertanyaan itu cara bertulis kepada Setiausaha sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum diadakan persidangan dan menyatakan samada pertanyaan itu berkehendakan jawapan bertulis atau secara lisan.

Sesuatu pertanyaan tidak boleh dikemukakan tanpa memberitahu terlebih dahulu kecuali pada pendapat Pengerusi Tetap ianya mustahak dan ada kena mengena dengan perkara kepentingan ramai atau dengan aturan urusan mesyuarat.

Perkara 19 : **MEMBENARKAN DAN MENENTUKAN MASA MEMBAHAS PERKARA MUSTAHAK**

Jika Pengerusi Tetap mendapati perkara yang dikemukakan oleh ahli itu mustahak, Pengerusi Tetap hendaklah meminta ahli-ahli yang menyokong bangun. Jika tidak kurang dari satu per empat ($\frac{1}{4}$) ahli yang hadir bersetuju maka bolehlah Pengerusi Tetap

membenarkan perkara itu dibahaskan pada waktu yang ditetapkan olehnya.

Perkara 20 : **PENERANGAN DIRI SENDIRI**

Dengan izin Pengerusi Tetap seseorang ahli bolehlah mengeluarkan penerangan sendiri pada waktu yang ditetapkan tetapi tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara yang akan membangkitkan pertelingkahan dan tidak dibenarkan perbahasan berkenaan dengan penerangan itu. Isu penerangan yang dicadangkan itu hendaklah dihantarkan sepenuhnya pada Pengerusi Tetap terlebih dahulu.

Perkara 21 : **USUL TERGEMPAR**

Kecuali jika ada syarat-syarat lain dalam peraturan-peraturan mesyuarat ini, usul-usul yang hendak dibawa ke dalam Persidangan hendaklah didahulukan dengan Notis kecuali usul-usul tersebut di bawah :-

- (a) Usul hendak meminda cadangan yang telah dikemukakan kepada Persidangan oleh Pengerusi Tetap ;
- (b) Usul yang dibawa ke dalam Jawatankuasa;
- (c) Usul hendak menangguhkan Persidangan atau apa-apa perbahasan;
- (d) Usul hendak mendahulukan sesuatu perkara lain dengan tidak mengikut susunan biasa;
- (e) Usul daripada Majlis Tertinggi yang pada pendapat Pengerusi Tetap sebagai mustahak;
- (f) Usul mencadangkan supaya perjalanan mesyuarat berkenaan dengan apa-apa urusan tertentu dibebaskan daripada syarat-syarat peraturan Persidangan;
- (g) Sesuatu usul hendak menangguhkan Persidangan kepada hari lain;

- (h) Usul hendak memecat atau menggantung keahlian seseorang;
- (i) Usul hendak membatalkan undi seseorang;
- (j) Usul hendak menggantungkan kuatkuasa sesuatu Peraturan Persidangan;
- (k) Usul hendak mengeluarkan orang luar;
- (l) Usul hendak menutup perbahasan;
- (m) Usul meminda peringatan;
- (n) Usul meminda cadangan;
- (o) Sesuatu usul yang diakui mustahak oleh Pengerusi Tetap dan disokong oleh tidak kurang satu perempat ($\frac{1}{4}$) dari jumlah ahli yang hadir mengikut Perkara 19.

Perkara 22 : **MENGUBAH USUL SENDIRI**

- (a) Jika seseorang ahli hendak mengubah isi sesuatu usul yang dikemukakan maka bolehlah diubahnya dengan menghantar Notis kepada Setiausaha meminda usulnya itu tetapi disyaratkan iaitu pindaan itu mengikut timbangan Pengerusi Tetap dimana tidak mengubah asas atau tujuan yang terkandung dalam usul itu atas perkara pokoknya;
- (b) Seseorang ahli dengan menghantar Notis bersurat kepada Setiausaha bolehlah menarik balik usul yang telah dikemukakan terlebih dahulu.

Perkara 23 : **PINDAAN USUL**

- (a) Pada masa sesuatu usul itu dalam timbangan Persidangan atau Jawatankuasa maka bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

- (b) Seseorang ahli dengan menghantar Notis bersurat kepada Setiausaha bolehlah menarik balik usul yang telah dikemukakan terlebih dahulu.
- (c) Apabila sesuatu usul ditarik balik seperti yang disyaratkan selepas usul itu dimasukkan dalam aturan urusan mesyuarat maka usul itu tidak boleh dimansuhkan tetapi apabila sampai masanya, Pengerusi Tetap hendaklah mengistiharkan yang usul itu sebagai telah ditarik balik dan perkara itu hendaklah dimasukkan dalam buku peringatan mesyuarat.
- (d) Pindaan itu pula boleh dipinda jika berkaitan dengan pindaan asal.
- (e) Sesuatu masalah apabila dikemukakan oleh Pengerusi Tetap bolehlah dipinda menurut semua atau mana-mana jua cara yang tersebut di bawah:-
 - (i) Dengan dipotong apa-apa perkataan supaya dapat dimasukkan perkataan-perkataan lain;
 - (ii) Dengan dipotong terus apa-apa perkataan;
 - (iii) Dengan dimasukkan atau ditambah perkataan-perkataan lain.

Perkara 24 : **MENYOKONG USUL DAN PINDAAN**

- (a) Dalam Persidangan, sesuatu usul atau pindaan tidak akan dikemukakan oleh Pengerusi Tetap kecuali jika usul atau pindaan itu telah disokong.
- (b) Dalam Persidangan Jawatankuasa tidak dikehendaki penyokong.

Perkara 25 : **CARA MEMBAHASKAN USUL DAN PINDAAN USUL**

- (a) Apabila sesuatu usul itu telah dicadangkan dan disokong (jika berkehendakan sokongan) maka Pengerusi Tetap hendaklah mengumumkan masalah itu kepada Persidangan atau Jawatankuasa untuk dibahaskan dengan tertakluk kepada syarat-syarat peraturan-peraturan Persidangan.
- (b) Apabila tidak ada lagi ahli yang hendak bercakap maka Pengerusi Tetap hendaklah meminta keputusan Persidangan atau Jawatankuasa hendaklah menyatakan keputusannya menurut syarat-syarat Peraturan mesyuarat.

Perkara 26 : **MENARIK BALIK USUL**

- (a) Sesuatu usul atau pindaan jika diminta oleh Pendadangnya dan diizinkan oleh Persidangan atau Jawatankuasa boleh ditarik balik sebelum dikemukakan bagi diputuskan oleh Persidangan. Usul atau pindaan yang ditarik balik sedemikian itu boleh dicadangkan semula.
- (b) Apabila pindaan ke atas sesuatu usul atau pindaan telah dikemukakan kepada mesyuarat maka usul atau pindaan yang hendak dipinda itu tidak boleh ditarik balik sehingga pindaan kepada usul atau pindaan itu telah diputuskan.

Perkara 27 : **PERATURAN BERBAHAS, MASA DAN CARA BERCAKAP**

- (a) Seseorang ahli yang hendak bercakap hendaklah bangun ditempatnya dan apabila dipanggil oleh Pengerusi Tetap maka hendaklah ia berdiri mengarahkan ucapannya kepada Pengerusi Tetap. Seseorang itu tidak boleh bercakap melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Pengerusi Tetap.

- (b) Jika dua atau lebih daripada dua orang ahli bangun serentak maka Pengerusi Tetap hendaklah membenarkan ahli yang dulu sekali dilihatnya untuk berucap.
- (c) Seseorang ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali dalam sesuatu perkara kecuali :-
 - (i) dalam persidangan Jawatankuasa;
 - (ii) bagi menerangkan sesuatu hal;
 - (iii) kerana menjawab hujah-hujah yang dikeluarkan dalam perbahasan iaitu bagi mencadangkan sesuatu usul bersendirian.

Tetapi disyaratkan iaitu dengan tidak bilang haknya boleh bercakap kemudian, sesiapa juga ahli boleh menyokong sesuatu usul atau pindaan dengan bangun ditempatnya menyatakan iaitu ia bercadang hendak menyokong usul atau pindaan itu.

- (d) Seseorang ahli yang telah bercakap atas sesuatu perkara itu bolehlah bercakap sekali lagi menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran faham; tetapi tidak boleh mengeluarkan perkara-perkara baru.
- (e) Seseorang ahli yang telah bercakap boleh bercakap sekali lagi apabila suatu perkara baru telah dikemukakan oleh Pengerusi Tetap umpamanya cadangan hendak mendatangkan pindaan atau usul hendak menangguhkan perbahasan.
- (f) Kecuali dengan kebenaran Pengerusi Tetap seseorang ahli tidak boleh membaca ucapannya melainkan jika hendak membaca cabutan-cabutan daripada buku-buku atau surat-surat kerana hendak menguatkan hujahnya, dan boleh melihat

peringatan-peringatan bagi mengingatkan semua apa yang hendak diucapkannya.

- (g) Seseorang ahli tidak boleh bercakap apa-apa perkara yang ada dalamnya faedah kewangan secara langsung bagi dirinya jika tidak diterangkan sebanyak mana faedah bagi dirinya dalam perkara itu.

Perkara 28 : **PERKARA-PERKARA YANG DITEGAH**

Seseorang ahli tidak boleh menyentuh dalam ucapannya perkara-perkara yang tersebut di bawah ini :-

- (a) Perkara yang tidak berkaitan dengan usul;
- (b) Perkara yang sedang dalam perbicaraan Mahkamah;
- (c) Membangkitkan semua apa-apa perkara yang telah diputuskan oleh Persidangan kecuali dengan mengemukakan usul bersendirian bagi membatalkan keputusan Persidangan mengenai dengan perkara itu.
- (d) Menggunakan bahasa kasar tidak beradab mengikut timbangan Pengerusi Tetap;
- (e) Mengeluarkan sangkaan jahat ke atas lain-lain pihak atau ahli;
- (f) Mempengaruhi Persidangan dengan menggunakan nama DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung, DYMM Raja-Raja atau Yang Dipertua Negeri-Negeri;
- (g) Menyentuh soal-soal peribadi DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agung, DYMM Raja-Raja, Yang DiPertua Negeri-Negeri, Menteri-Menteri Kabinet, Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri, Hakim-Hakim atau Ahli-Ahli Majlis Tertinggi, Pasukan Keselamatan dan lain-lain dalam pertimbangan Pengerusi Tetap.

- (h) Menyebut kelakuan atau sifat lain-lain pihak atau ahli selain daripada kerja-kerjanya mengenai urusan Persatuan;
- (i) Menggunakan perkataan-perkataan yang bersifat menderhaka kepada Negara / Negeri dan yang boleh menimbulkan perasaan bermusuhan-musuhan di antara kaum Malaysia.
- (j) Lain-lain perkara dalam pertimbangan Pengerusi Tetap Persidangan.

Perkara 29 : **MENEGUR UCAPAN**

Seseorang ahli tidak boleh mengganggu ahli yang sedang bercakap kecuali :-

- (a) Jika hendak mengeluarkan teguran perkara tertib Persidangan, maka ketika itu ahli yang sedang bercakap hendaklah duduk dan yang menegur hendaklah menarik perhatian perkara yang dikemukakan untuk pengetahuan Persidangan, dan terserahkan kepada Pengerusi Tetap memutuskannya; atau
- (b) Jika hendak menerangkan apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk, dan ahli yang hendak menegur itu dipanggil oleh Pengerusi tetap untuk bercakap.

Perkara 30 : **HAD PERBAHASAN**

- (a) Perbahasan atau apa-apa usul selain daripada usul penangguhan Persidangan hendaklah ada kena mengena dengan usul itu.
- (b) Dalam sesuatu pindaan, cadangan hendak memotong apa-apa perkataan dan dimasukkan perkataan-perkataan lain sebagai gantinya, maka perbahasan atau masalah "iaitu perkataan yang dicadang hendaklah dipotong" boleh mengandungi perkataan-perkataan yang dicadang hendak

dipotong dan juga perkataan yang ditambah atau dimasukkan.

- (c) Dalam sesuatu pindaan, cadangan hendak memotong apa-apa perkataan atau ditambah hendaklah dihadkan kepada perkara memotong perkataan itu atau memasukkan perkataan-perkataan itu sahaja.

Perkara 31 : **MENDAHULUI PERBAHASAN**

Adalah salah pada tertib mesyuarat mendahului perbahasan sesuatu usul yang telah dikeluarkan Notis dengan membahaskan sesuatu pindaan atau dengan mengeluarkan perkara yang sama isinya dengan perkara usul itu semasa dicadangkan usul menangguhkan Persidangan.

Perkara 32 : **ADAB AHLI-AHLI YANG TIDAK BERCAKAP**

Semua mesyuarat bersidang :-

- (a) Semua ahli-ahli sewaktu masuk atau meninggalkan tempat persidangan hendaklah dengan tertib dan beradab sopan;
- (b) Ahli-ahli tidak boleh membaca akhbar, buku-buku, surat-surat dan sebagainya kecuali apa-apa yang ada bersangkutan dengan urusan yang dibahaskan;
- (c) Ahli-ahli tidak boleh merokok di dalam dewan persidangan kecuali dengan kebenaran Pengerusi Tetap;
- (d) Semasa seseorang ahli bercakap, ahli yang lain hendaklah diam dan tidak boleh mengganggu dengan apa cara sekalipun kecuali yang dibenarkan oleh Pengerusi Tetap

Perkara 33 : **MESYUARAT HENDAKLAH DIAM APABILA
PENGERUSI BERCAKAP**

Apabila ahli-ahli ditegur oleh Pengerusi Tetap berkaitan dengan perkara tertib Persidangan semasa dijalankan perbahasan, maka sesiapa ahli yang sedang bercakap hendaklah duduk diam.

Perkara 34 : **TERTIB DALAM PERSIDANGAN**

- (a) Setelah Pengerusi Tetap menarik perhatian Persidangan atau Jawatankuasa kepada kelakuan seseorang ahli yang ingkar dengan memperkatakan perkara yang tidak ada kena mengena dengan perkara mesyuarat atau mengulang-ulang hujahnya sendiri atau hujah-hujah ahli lain dalam sesuatu perbahasan, maka berkuasalah ia memerintahkan ahli itu berhenti bercakap.
- (b) Pengerusi Tetap berkuasa mengeluarkan sesiapa jua ahli yang membangkitkan huru-hara dengan serta merta daripada Persidangan hingga habis persidangan pada hari itu kecuali :
 - (h) ia meminta maaf
 - (i) ia menarik balik ucapannya itu.
- (c) Jika kesalahan itu dilakukan dalam Jawatankuasa sesebuah Persidangan maka Pengerusi Tetap hendaklah dengan serta merta menangguhkan perjalanan mesyuarat dan memaklumkan perkara itu kepada Persidangan, dan setelah mengemukakan keputusan Persidangan dengan tidak diusul serta merta, Pengerusi Tetap hendaklah meminta keputusan persidangan dengan tidak dibenarkan dipinda ditangguhkan atau dibahas, seolah-olah kesalahan itu telah dilakukan dalam persidangan sendiri.
- (d) Ahli-ahli yang diperintahkan meninggalkan Persidangan menurut perenggan (b) dan (c) di atas

hendaklah keluar dengan serta merta daripada tempat persidangan itu dan tidak dibenarkan masuk sehingga habis Persidangan atau selama tempoh mereka digantung kerjanya sebagai ahli persidangan oleh Pengerusi Tetap.

- (e) Tiada apa pun dalam peraturan ini yang difahamkan boleh menghilangkan kuasa Persidangan bagi mengambil apa-apa langkah ke atas sesiapa ahli menurut ketetapan Persidangan.

Perkara 35 : **KEPUTUSAN PENERUSI ADALAH MUKTAMAD**

Pengerusi Tetap dalam Persidangan atau Jawatankuasa adalah bertanggungjawab bagi menjaga supaya peraturan-peraturan Persidangan atau Jawatankuasa ditaati dan keputusan berkenaan dengan apa-apa jua perkara tidak boleh dipertimbangkan semula dan tidak boleh diulang kaji oleh Persidangan kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirinya kerja itu. Usul demikian ini tidak berkehendakan pemberitahuan terlebih dahulu.

Perkara 36 : **MEMBERHENTIKAN PERSIDANGAN**

Jika sekiranya berlaku kekecohan yang besar dalam Persidangan maka Pengerusi Tetap boleh menangguhkan mesyuarat jika pada pendapatnya mustahak ditangguhkan tanpa meminta keputusan persidangan atau ditangguhkan persidangan selama yang ditetapkannya. Jika berlaku kekecohan yang besar dalam persidangan Jawatankuasa maka Pengerusi Tetap boleh menangguhkan perjalanan mesyuarat dan memaklumkan hal itu kepada persidangan, dan setelah Pengerusi Tetap boleh menjalankan apa-apa langkah seolah-olah kekecohan itu telah berlaku dalam Persidangan.

MEMUTUSKAN MASALAH-MASALAH

- (a) Tertakluk kepada perenggan 37 (b) peraturan ini, keputusan atas sesuatu perkara hendaklah mengikut pihak mana yang mendapat suara lebih, dan jika sama banyak undi maka Pengerusi Tetap atau sesiapa yang mempengerusikan Persidangan bolehlah menggunakan undi pemutus, tetapi ia tidak boleh mengundi jika undi kedua pihak tidak sama banyak.
- (b) Dalam pemilihan Ahli Majlis Tertinggi jika didapati ada undi yang sama banyak, maka pengundian baru hendaklah diadakan sekali lagi dan kiranya pengundian kali kedua juga didapati sama banyak maka cabutan undi hendaklah diadakan.
- (c) Seseorang ahli yang tidak hadir dalam tempat Persidangan tidak dibenarkan mengundi dan tidak boleh mewakili undinya kepada sesiapa.
- (d) Tiap-tiap ahli adalah mempunyai satu undi.
- (e) Sesuatu masalah itu adalah selesai dikemukakan bagi diputuskan apabila Pengerusi Tetap telah mengambil undi-undi yang bersetuju dan tidak bersetuju.
- (f) Apabila masalah itu telah dikemukakan oleh Pengerusi Tetap kepada persidangan bagi diputuskan setelah tamat perbahasan, maka keputusan hendaklah diambil menurut undi suara "Setuju" atau "Tidak" atau dengan mengangkat tangan dan keputusan itu hendaklah diumumkan oleh Pengerusi Tetap.
- (g) Undi sulit boleh diadakan dengan kehendak Pengerusi Tetap atau dengan kehendak lebih daripada separuh ($\frac{1}{2}$) ahli yang hadir.

- (a) Sesebuah Jawatankuasa boleh dibentuk dengan cadangan bilangan dan nama-nama oleh Persidangan untuk merundingkan sesuatu perkara khas.
- (b) Jawatankuasa itu boleh dibentuk pada sebarang masa, sama ada dalam bersidang secara biasa atau secara Jawatankuasa.
- (c) Tatkala dibentuk sebuah Jawatankuasa bolehlah disebutkan nama Pengerusinya . ataupun Jawatankuasa itu sendiri memilih Pengerusinya.
- (d) Jika sekiranya berlaku kematian atau pemberhentian seseorang ahli Jawatankuasa itu maka Jawatankuasa itu berkuasa memilih gantinya.
- (e) Tiap-tiap cadangan untuk membentuk sebuah Jawatankuasa hendaklah ditentukan berapa ramai ahlinya menjadi cukup kuoram.
- (f) Penyata tiap-tiap Jawatankuasa hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Jawatankuasa atau oleh tiap-tiap seorang ahlinya yang bersetuju dengan kandungan nyata itu.
- (g) Ahli-ahli yang tidak bersetuju dengan penyata yang disediakan boleh membuat suatu penyata yang berasingan dengan menerangkan pendapat-pendapat dan seba-sebab mereka tidak bersetuju dan dikembarkan sekali dengan penyata Jawatankuasa itu.
- (h) Penyata sesebuah Jawatankuasa hendaklah dibentangkan oleh Pengerusinya atau wakilnya dan bolehlah didatangkan cadangan supaya dibahaskan untuk mendapatkan keputusan persidangan.

Perkara 39 : **MEMBERHENTIKAN SEMENTARA KUATKUASA PERATURAN**

- (a) Peraturan ini boleh digantung kuasanya dan diberhentikan sementara dengan sesuatu cadangan yang diperbuat atas persetujuan Pengerusi Tetap dengan tidak payah diberitahu terlebih dahulu dan hendaklah cadangan itu dipersetujui dan diluluskan oleh Persidangan.
- (b) Sekiranya cadangan itu dipersetujui oleh Persidangan maka peraturan ini hendaklah diberhentikan kuasanya selama yang difikirkan perlu bagi menyempurnakan tujuan cadangan itu.
- (c) Cadangan bagi menggantungkan kuasa peraturan ini tidak boleh dibahaskan.

Perkara 40 : **MEMINDA PERATURAN**

Peraturan mesyuarat yang baru bolehlah diperbuat bila-bila dikehendaki ataupun Peraturan mesyuarat yang ada sekarang bolehlah dipinda atau dimansuhkan dengan suatu ketetapan menurut yang ditentukan oleh Undang-Undang Persatuan.

#####